

7553

Jilid III
Bil. 35

7554

Hari Khamis
28hb Oktober 1993



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

[Ruangan 7577]

USUL:

**Kedaulatan dan Hak Asasi Manusia—
“Genocide” dan “Ethnic Cleansing”
di negara Bosnia-Herzegovina**

[Ruangan 7608]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat
dan Penangguhan**

[Ruangan 7682]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.J., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

” Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

” Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

” Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai).
- " Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- " Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR. FONG CHAN ONN (Selandar).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- " TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- " DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- " TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- " DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- " DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- " TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- " TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- " DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- " DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- " DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- " DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " DR. V. DAVID (Puchong).
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- ” TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- ” CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- ” LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- ” PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- ” TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- ” DATO’ DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- ” TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- ” DR. KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- ” TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- ” TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- ” TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- ” DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- ” TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- ” TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- ” DR. T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- ” TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- ” TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- ” DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- ” TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.
(Sepang).
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P.,
P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K.
(Nibong Tebal).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M.,
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- " PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- " Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- " DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- " TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- " TUAN WONG WING ON (Kampar).
- " TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- " TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- " TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- " TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong, Setiausaha* : Haji Taijadin bin Saberan.
- Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha* : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan* : Ramaswamy.
- Penolong Penyunting* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

- Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 28hb Oktober 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KENAIKAN NILAI YEN—KESAN

1. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kesan terhadap pinjaman dan hutang awam serta swasta atas kenaikan nilai Yen; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan bagi membendung implikasi atas kenaikan nilai Yen.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Nilai Ringgit telah merosot sebanyak 13.2% terhadap Yen Jepun dari 1hb Januari, 1993 hingga 6hb Oktober, 1993 berbanding dengan peningkatan sebanyak 4% pada tahun 1992. Dengan peningkatan nilai Yen Jepun, hutang negara iaitu termasuk hutang awam dan swasta akan meningkat. Peningkatan nilai Yen berbanding Ringgit dijangka menambahkan hutang

negara yang belum dijelaskan sebanyak RM2 bilion, daripada RM42.6 bilion kepada RM44.6 bilion. Dengan itu, peratusan hutang Yen dijangka meningkat daripada 31.7% kepada 34.7% daripada jumlah besar hutang negara.

- (b) Berikutan peningkatan nilai Yen Jepun, Kerajaan akan mengambil beberapa langkah untuk membendung implikasi atas kenaikan nilai Yen. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) mengurangkan pembedahan beban khidmat bayaran hutang negara menerusi pembayaran balik awal pinjaman, pembiayaan semula pinjaman dalam mata wang asing yang lain, mengurangkan pinjaman baru dalam mata wang Yen dan memasuki transaksi-transaksi dan interest rate atau 'swop';
- (ii) meningkatkan rizab dalam mata wang Yen. Kerajaan Persekutuan juga akan terus berusaha untuk mengurangkan penggantungannya kepada sumber pinjaman luar negeri, terutamanya mata wang Yen. Jika pinjaman masih di-

diperlukan, maka pinjaman dalam negeri dan pinjaman daripada sumber mata wang lain yang lebih murah akan diberi keutamaan; dan

- (iii) dalam jangka panjang adalah dijangka sektor swasta akan membuat penyesuaian untuk menukar sumber import dari tempat-tempat lain.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan amaun pembayaran balik lebih awal yang dapat dicapai oleh pihak Kerajaan setakat ini? Bilakah pihak Kerajaan merancang untuk tidak meminjam wang lagi, seperti Singapura tidak pinjam wang lagi daripada sesiapa pun, kerana simpanan di dalam negara begitu tinggi? Bilakah pihak Kerajaan Malaysia boleh mencapai tahap di mana kita tidak payah meminjam daripada sesiapa sahaja?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan bahagian pertama mengenai amaun bayaran balik awal setakat ini, saya tidak mempunyai angka yang terperinci. Walau bagaimanapun, saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

Mengenai bilakah Kerajaan kita akan merancang supaya kita tidak meminjam wang lagi daripada mana-manapun, saya telah menerangkan tadi bahawa Kerajaan kita pada satu masa kelak apabila ingin membuat pinjaman, kita mengutamakan pinjaman daripada dalam negeri ataupun pinjaman yang mana sumber mata wang lain yang lebih murah. Kita berharap apabila prestasi ekonomi kita bertambah baik, insya Allah, (*Ketawa*) jikalau DAP dapat

bekerjasama dengan Kerajaan, jangan memburukkan nama Malaysia di luar negeri, maka prestasi ekonomi negara kita akan bertambah baik. Apabila sampaimasanya, kita akan dapat melihat bahawa Kerajaan kita tidak akan membuat pinjaman lagi.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kenaikan Yen membawa kepada kenaikan harga barang-barang dari Jepun, seperti kereta, motosikal, peralatan rumah, bahan-bahan komponen dan gantian, dan sebagainya. Dalam pasaran negara kita adakah ini satu faktor kenaikan kadar inflasi di negara kita, oleh kerana pada awal tahun, kadar pertukaran Yen ialah RM2 kepada 100 Yen. Tetapi pada masa ini kadar ini telah naik dari RM2.40 kepada 100 Yen, iaitu pertambahan lebih kurang 20%. Jika barang-barang import dari Jepun menjadi sebahagian dari faktor kenaikan inflasi, adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil langkah menyekat kemasukan setengah-setengah barang dari negara tersebut apabila barangan pilihan boleh didapati dari pasaran tempatan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa nilai Yen Jepun naik dengan begitu tinggi dalam tahun ini, barangan yang diimport dari Jepun tentulah naik. Oleh kerana itu, dalam jawapan tadi saya telah menjelaskan bahawa dengan keadaan yang baru ini dalam jangka panjang, kita anggaplah bahawa sektor mana-mana pun termasuk sektor swasta akan membuat penyesuaian bahawa untuk menukar sumber import dari tempat-tempat lain yang lebih murah termasuk mengimport barangan dari negara-negara lain.

Sepanjang tempoh ini Kerajaan selalu menegaskan dan menasihatkan rakyat negara kita ini supaya janganlah membeli barangan import sahaja tetapi memberi keutamaan ke atas barangan yang dibuat dalam negeri. Dengan langkah-langkah yang diambil ini seperti apa yang dinasihatkan oleh Kerajaan, kita dapat membendung inflasi dengan lebih berkesan.

PENCEMARAN SUNGAI-SUNGAI AKIBAT SISA-SISA KILANG

2. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau sedar banyak sungai dalam negeri sering dicemari oleh sisa-sisa dari kilang-kilang. Apakah rancangan dan langkah telah dan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini. Setakat mana langkah-langkah yang diambil itu telah memberi kesan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sedang dan telah dipertingkatkan untuk mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, masalah-masalah pencemaran sungai bukan berpunca dari sektor perindustrian sahaja malah berpunca dari pelepasan kumbahan domestik, pembuangan sisa-sisa ternakan terutamanya ternakan khinzir dan kelodakan hasil hakisan tanah.

Berdasarkan Data Pengawasan Air Sungai yang dikumpulkan oleh Jabatan Alam Sekitar didapati parameter penunjuk indeks kualiti air yang berpunca dari sektor perindustrian telah menurun semenjak tahun 1991.

Sedangkan pencemaran dari punca-punca lain seperti pelepasan kumbahan domestik, pembuangan dari sisa-sisa ternakan dan hakisan tanah masih belum berubah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Negeri Perak tiada sungai yang dikategorikan sebagai sungai yang sangat tercemar cuma didapati 5 buah sungai iaitu Sungai Kerian, Sungai Perak, Sungai Sepitang, Sungai Beruas dan Sungai Raja Hitam mengalami keadaan sederhana tercemar, slightly polluted, dengan izin.

Walaupun bagaimanapun, bahagian-bahagian tertentu terutamanya di bahagian ulu dan kawasan tadahan air, ia masih bersih dan sesuai untuk berbagai kegunaan termasuk bekalan air minuman. Pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran serta beberapa agensi-agensi Kerajaan yang lain sedang berusaha membersihkan sungai-sungai tersebut melalui kempen "Cintailah Sungai Kita". Setakat kerja pembersihan telah dijalankan di dua buah sungai iaitu Sungai Kurau dan Sungai Batang Padang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah betul bahawa dari segi pelaksanaan undang-undang yang mungkin baik, dari segi pelaksanaannya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada peringkat negeri seolah-olah mereka serupa harimau tanpa gigi. Tidak ada cukup kakitangan, tidak ada cukup kuasa oleh sebab banyak perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, maka undang-undang yang baik yang ada sekarang seolah-olah dia not worth the paper printed on, dengan izin. Dan apakah masalah ini akan diselesaikan.

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, sekarang selalu ada Ahli-ahli yang

Berhormat dalam Dewan yang mulia ini meminta maklumat atau data-data asas dan banyak masa Parlimen ini pun sudah dibazirkan ke atas urusan menjawab soalan-soalan mereka. Tetapi ini boleh diselesai jikalau Kementeriannya meminda undang-undang yang ada supaya Annual Environmental Report dibentangkan di Parlimen dan ianya sudah diminta oleh NGO, diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi sehingga sekarang masih Kementeriannya enggan. Maka soalan saya ialah bilakah perkara ini akan dibuat supaya Laporan Alam Sekitar Tahunan akan dibentangkan sebagai wajib?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kedua-dua soalan tambahan ini keluar dari pertanyaan asas. Walau bagaimanapun, saya akan jawab, jangan bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan kedua mengenai Laporan Tahunan—memang betul buat masa sekarang dari segi Environmental Quality Act, dengan izinan, pihak D.O.E. tidak diwajibkan untuk membentangkan Laporan Tahunan itu kepada setiap Ahli Parlimen di sini. Walau bagaimanapun, Laporan Tahunan ini bukan satu laporan rahsia dan boleh didapati dari pihak Jabatan Alam Sekitar atau di perpustakaan-perpustakaan di seluruh negara. Juga laporan ini dibekalkan kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain. Oleh sebab itu, jikalau seseorang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini berkehendakan satu laporan dari D.O.E., maka bolehlah pergi ke pejabat Jabatan Alam Sekitar untuk membeli satu naskah laporan tersebut.

Bagi menjawab soalan tambahan pertama iaitu pelaksanaan undang-undang di peringkat negeri, saya di sini hendak menerangkan memang adalah kesilapan dalam peringkat

penguatkuasaan undang-undang di peringkat mana-mana sahaja bukan negeri walaupun di peringkat Persekutuan. Ini saya rasa kesilapan yang berlaku itu bukan maksudnya pihak D.O.E. itu tidak dapat menguasai undang-undang tersebut. Jikalau ada kesilapan dan kesilapan ini berlaku adalah disebabkan pihak penguatkuasa undang-undang ini adalah manusia dan manusia tentulah kadangkala ada melakukan kesilapan.

Saya rasa kalau diskripsi Ahli Yang Berhormat dari Kuching tadi yang menyebutkan sebagai satu harimau tanpa gigi, saya rasa ini adalah terlalu fabrication, dengan izin. Kalau kita tanya kilang-kilang di Sarawak atau di lain-lain negerikah, mereka selalu membuat aduan kepada saya dan kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tentang usaha-usaha pegawai-pegawai dari pihak D.O.E. dan minta belas kasihan daripada kita oleh sebab pihak pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar terlalu, dengan izin, too conscientious in their efforts on the enforcement of the law.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah kata bahawa dalam Negeri Perak cuma ada beberapa buah sungai yang dicemari oleh sisa-sisa dari kilang-kilang iaitu Sungai Kerian, Sungai Perak, Sungai Sepitang dan Sungai Raja Hitam. Tetapi di kawasan saya pada tahun sudah, dalam masa satu tahun sahaja, sudah terdapat tiga kali Sungai Bidor dan Sungai Perak dicemari oleh sisa-sisa dari kilang-kilang mengakibatkan kematian beribu-ribu ikan dan udang-udang. Saya hendak tahu dari Timbalan Menteri, apa langkah telah diambil terhadap keadaan seperti ini untuk mengawasi sungai-sungai kita kerana ia akan menjejaskan mata pencarian nelayan-nelayan tepi pantai.

Soalan kedua ialah, tadi Timbalan Menteri telah berkata bahawa tahap sisa-sisa dari kilang telah menurun semenjak dari tahun 1991. Saya hendak bertanya, setakat mana keadaan ini memuaskan hati Kementerian beliau dan jika tidak, apakah langkah yang akan diambil terhadap kilang-kilang supaya tahap sisa-sisa dari kilang akan diturunkan sehingga ke tahap yang memuaskan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai usaha-usaha dari pihak Jabatan Alam Sekitar, di Negeri Perak dan juga di negeri-negeri yang lain dan dengan kerjasama agensi-agensi yang lain untuk mengambil sesuatu tindakan bagi membersihkan sungai supaya tahap penceraan sungai-sungai di seluruh negara kita tidak tercemar oleh sesuatu aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan.

Kita juga ingin menyedarkan, bahawa usaha ini bukan dibuat oleh satu agensi sahaja, di mana DOE sahaja yang dapat menentukan setakat manakah sungai-sungai ini boleh dibersihkan, sedangkan kerja-kerja ini memang melibatkan usaha-usaha pegawai dan juga sikap penduduk-penduduk atau pekilang-pekilang di merata-rata tempat untuk mengambil perhatian tentang masalah pencemaran akibat kelakuan atau sikap tidak bertanggungjawab mereka.

Oleh sebab itulah maka usaha jangka panjang perlu dibuat dan pihak DOE sedang menjalankan tugas ini. Ini juga termasuk sisa-sisa dari kilang. Memangnya pihak DOE merasa tidak puas hati di atas pencemaran sungai atau pantai di negara kita akibat daripada pembuangan sisa-sisa dari kilang-kilang di seluruh negara kita. Tetapi kita berjanji apabila kita menerima aduan dari mana-mana pihak tentang sesuatu aktiviti yang tidak bertanggungjawab

seperti ini, kita akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak-pihak yang berkenaan termasuklah pihak kilang untuk mengawal situasi tersebut.

HUTAN-PENGURUSAN SECARA KEKAL

3. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apa yang dimaksudkan sebagai "sustainable management" untuk hutan di negara ini. Bagaimana pengurusan ini dapat dilaksanakan. Sejak undang-undang hutan dipinda, apakah pencapaian beliau di dalam usaha untuk membanteraskan kegiatan pembalakan haram. Setakat mana Perisytharan Langkawi dan Rio de Janeiro dilaksanakan oleh negara-negara maju dan membangun. Apakah usaha beliau untuk menggunakan kriteria yang standar bagi memelihara hutan tropika dan hutan kawasan-kawasan sederhana dan sejuk.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, pengurusan hutan secara berkekalan, sustainable forest management, dengan izin, yang diamalkan di Malaysia adalah merupakan satu proses dalam mengurus kawasan tanah berhutan, khususnya Hutan Simpanan Kekal dengan tujuan untuk menghasilkan keluaran perkhidmatan hutan, forest products and services, dengan izin, secara berterusan di tahap yang dapat memenuhi keperluan negara ini tanpa mengakibatkan pengurangan ke atas nilai dan potensi masa hadapan hutan tersebut serta tanpa menyebabkan kesan-kesan persekitaran fizikal dan sosial yang tidak dikehendaki.

Usaha-usaha ke arah pencapaian pengurusan hutan secara berkekalan telah dilaksanakan di Malaysia sejak

dahulu lagi. Ini termasuklah penubuhan kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekalselaras dengan Dasar Perhutanan Negara dan kegunaan tanah yang rasional. Kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal ini pula telah diurus berpandukan kepada teknik-teknik pengurusan hutan yang digubal dan dikemaskinikan, bersesuaian dengan keadaan hutan di negara ini.

Di samping itu, catuan tebanan tahunan telah ditentukan mengikut giliran tebanan yang tertentu manakala pengusaha-hasilan dan penguatkuasaan hutan dilaksanakan dengan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Perhutanan Negara serta panduan-panduan yang disediakan bagi mengurangkan kerosakan kepada dirian tinggal dan alam sekitar. Selain dari itu, kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal yang sudah diusaha-hasilkan dipulihkan melalui pelaksanaan rawatan silvikultur yang bersesuaian serta penubuhan ladang hutan. Untuk mempertingkatkan keupayaan pengurusan hutan juga, berbagai kajian dan penyelidikan perhutanan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan usaha membanteras pembalakan haram, Kerajaan telah meminda Akta Perhutanan Negara 1984 dengan memasukkan peruntukan penalti yang tinggi ke atas kesalahan ini melalui Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masingnya pada 4hb dan 11hb Ogos, 1993. Selanjutnya Akta ini telah mendapat persetujuan DiRaja pada 8hb September, 1993 dan diwartakan pada 16hb September tahun yang sama. Pada masa ini, tindakan sedang diambil oleh Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri untuk dibentangkan dalam Dewan

Undangan Negeri masing-masing bagi diterima pemakaiannya di negeri-negeri berkenaan. Selepas penerimaan pemakaiannya itu nanti, baharulah Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri yang tersebut menguatkuasakan pelaksanaannya. Dengan itu, sehingga kini belum ada lagi kes-kes kesalahan hutan, khususnya kes pembalakan haram yang didakwa di bawah Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 berkenaan. Sungguhpun demikian, Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri terus melaksanakan penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984 yang sedia ada sementara menunggu penerima pemakaian Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993 tersebut oleh pihak berkuasa Negeri-negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perisytiharan Langkawi dan Rio de Janeiro menyentuh tentang semua jenis hutan. Dalam hubungan ini, kebanyakan negara-negara membangun memerlukan bantuan kewangan dan pemindahan teknologi sebelum dapat melaksanakan tindakan susulan ke atas persetujuan yang dicapai. Bagi Malaysia pula, tindakan-tindakan susulan telah dan akan diambil terhadap prinsip-prinsip hutan yang telah dipersetujui dan akan melaporkan mengenainya kepada Suruhanjaya Pembangunan Berkekalan.

Untuk memastikan hutan negara ini terpelihara, Kerajaan telah mengambil tindakan supaya pengurusan hutan yang diamalkan adalah mematuhi kriteria dan panduan-panduan antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan oleh ITTO dan juga ITTO Guidelines for the Sustainable Management of Natural Tropical Forests. Walau bagaimanapun, panduan (guidelines) dan kriteria yang dipersetujui di peringkat antarabangsa untuk pengurusan hutan secara

berkekalan bagi hutan-hutan jenis lain, seperti hutan temperate dan boreal, setakat ini masih belum ada. Sebab itu Kerajaan sentiasa menekankan pentingnya dibentuk panduan dan kriteria untuk hutan-hutan ini, supaya isu perhutanan dunia ditangani secara adil dan isu double standard, dengan izin, tidak timbul. Antara usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi isu ini adalah dengan mencadangkan supaya skop Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) diperluaskan untuk meliputi hutan-hutan temperate dan boreal.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap mengenai dengan sustainable development tadi, ada disebut berkenaan dengan forest product. Saya hendak bertanya apakah pencapaian setakat ini yang telah diperolehi oleh pihak Kementerian di dalam mempertingkatkan bahan-bahan seperti rotan, buluh dan bertam yang dahulunya dikategorikan sebagai 'minor forest products'. Setakat ini adakah ianya boleh dikatakan dengan adanya usaha-usaha Kerajaan untuk menanam rotan manau dan lain-lain lagi, adakah telah mencapai tahap di mana bahan-bahan ini boleh dianggap sebagai 'major forest products'? Kalau belum tercapai, apakah rancangan ataupun time-frame untuk pencapaian tahap ini?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat ini apakah pencapaian usaha kita untuk mengurangkan pembalakan seperti mana yang diperbincangkan dahulu iaitu pembalakan hutan di Negeri Sarawak?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, tentang sejauh mana major forest product itu mencapai tahap yang dikehendaki, untuk pengetahuan Ahli

Yang Berhormat, pada peringkat ini boleh dikatakan peringkat awal lagi perancangan kita.

Walaupun begitu, kita telah pun menjalankan berbagai-bagai kegiatan bagi menanam semula rotan, buluh dan sebagainya. Sehingga ini kita telah berjaya menanam rotan di ladang-ladang getah sama ada secara estet ataupun secara pekebun kecil dan kita juga telah berjaya menemui teknologi menanam pokok rotan ini bersama dengan pokok kelapa sawit. Jadi, ini bermakna pada masa ini adalah diharapkan kita akan dapat menggunakan bahan-bahan mentah rotan dan buluh ini dengan adanya usaha-usaha yang telah dibuat.

Mengenai pembalakan haram di Sarawak, saya yakin dan percaya bahawa pada masa ini, apa yang ditimbulkan dahulu telah pun dapat dibasmikan walaupun tidak 100%. Apatah lagi dengan adanya gerakan sebagaimana yang telah saya terangkan, lebih kurang 300 orang kakitangan hutan, penguatkuasaan dan sebagainya telah diambil oleh Kerajaan Sarawak dan adalah diharapkan dengan adanya Akta Perhutanan (Pindaan) 1993 apabila diterima nanti, insya Allah, keadaan pencemaran ataupun penerokaan haram ini akan dapat dikurangkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan teknologi-teknologi komputer ataupun teknologi-teknologi yang lain yang sedang diusahakan untuk memelihara hutan-hutan kita, termasuk forest product and services yang telah pun disebutkan tadi. Apakah penilaian forest product and services ini yang telah diadakan oleh pihak Kementerian ini?

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa salah satu faktor yang menyebabkan pemeliharaan yang tidak begitu sempurna ialah kekurangan kakitangan yang berkualiti di Jabatan-jabatan Perhutanan di negeri masing-masing, termasuk di Negeri Selangor. Kekurangan ini sangat serius walaupun tempoh hari ada pertambahan kakitangan di Negeri Selangor, tetapi di negeri-negeri yang lain pun ada kekurangan yang menyebabkan penguatkuasaan yang tidak memuaskan. Adakah Yang Berhormat menyedari bahawa dengan pindaan ke atas Akta tersebut tidak mencukupi, kerana memang penyelewengan dan kekurangan kakitangan merupakan faktor yang penting di dalam pembalakan haram dan sebagainya. Apakah usaha terhadap bio-diversity conservationnya?

Dato. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi bahawa teknologi-teknologi yang digunakan ini termasuklah beberapa teknologi untuk pemilihan klon-klon baru atau benih-benih baru dengan menggunakan tisu-tisu kultur dan sebagainya.

Yang kedua ialah dari segi pengurusanannya. Apa yang penting di sini, Kementerian saya berusaha ke arah memperbanyakkan lagi minat swasta yang mempunyai ladang-ladang kelapa sawit atau ladang-ladang getah supaya banyak menggunakan peluang-peluang yang ada untuk menceburi dalam penanaman rotan, buluh dan sebagainya.

Apakah penilaian forest products yang dikatakan itu kerana kekurangan kakitangan dan sebagainya. Memanglah salah satu faktor disebabkan kekurangan kakitangan, tetapi dengan adanya

pindaan Akta Perhutanan 1993, saya yakin dan percaya soal-soal ini akan dapat kita atasi kerana dengan adanya kuasa-kuasa yang diberikan kepada kita untuk menggunakan Polis dan Tentera, sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah berikan pada pindaan baru-baru ini. Tentang yang lain-lain itu, saya rasa mungkin kita akan adakan satu taklimat nanti kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk lebih berkesan pada sesi ini ataupun mungkin sesi pertama tahun hadapan untuk penjelasan yang lebih jelas. Saya rasa itu sahaja, terima kasih.

TELEKOM— BILANGAN PENGGUNA YANG BERHUTANG

4. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan dan jumlah dalam RM bilangan pengguna yang tidak menjelaskan hutang-hutang mereka. Daripada bilangan ini, dapatkah dipastikan berapa ramai yang benar-benar tidak berupaya untuk membayar.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia mengeluarkan sebanyak 2.3 juta bil sebulan yang bernilai lebih kurang RM271 juta. Daripada jumlah itu, hanya 37% pelanggan menjelaskan bil yang berjumlah RM100 juta sebelum tarikh yang ditetapkan. Sementara itu, 16% pelanggan membayar bil yang bernilai RM43 juta selepas tarikh yang ditetapkan dengan tiada baki tertunggak, manakala 47% lagi pelanggan menjelaskan bil dengan baki tertunggak yang bernilai lebih kurang RM128 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Telekom Malaysia mengambil tindakan memotong sementara ke atas 20,000 hingga 40,000 telefon tiap-tiap bulan kerana kegagalan pelanggan menjelaskan bil mereka. Jumlah hutang terlibat adalah dianggarkan dalam lingkungan RM3.7 juta. Pada waktu yang sama terdapat juga seramai 351,000 bekas pelanggan yang masih berhutang dengan Telekom Malaysia dalam bentuk apa yang dikenali sebagai 'kira-kira penamat' atau 'final accounts', dengan izin, jumlah terkumpul kira-kira ini sehingga September 1993 adalah sebanyak RM430 juta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal keupayaan pelanggan untuk membayar bil telefon mereka, perkara ini amat sukar untuk ditentukan. Telekom Malaysia menganggapkan semua pelanggan yang memohon perkhidmatan adalah terdiri dari mereka yang mempunyai kemampuan bagi menjelaskan bil-bil penggunaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tunggakan bil elektrik setakat 26hb Oktober 1993, jumlah bilangan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, badan-badan berkanun dan penguasa-penguasa tempatan yang tertunggak ialah 820 badan dengan jumlah hutang sebanyak RM127.13 juta. Jumlah yang terhutang oleh pengguna persendirian ialah RM396 juta. Bilangan pengguna yang terlibat tidak dapat diberi kerana ibu pejabat Tenaga Nasional Berhad masih belum mengadakan on-line dengan pejabat-pejabat daerah Tenaga Nasional Berhad. Walau bagaimanapun, bil-bil pengguna persendirian tidak diberikan tertunggak lebih daripada 2 bulan pada satu masa. Jika mereka tidak menjelaskan bil elektrik, bekalan elektrik akan dipotong selepas memberi peringatan terakhir.

Bagi Jabatan-jabatan Kerajaan tindakan sedemikian belum diambil setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, data-data mengenai bilangan pengguna elektrik yang benar-benar tidak mampu menjelaskan bil elektrik mereka tidak dapat dipastikan.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan masalah penjelasan bil-bil telefon, saya mendapat maklumat dan rungutan daripada setengah pengguna yang mempersoalkan dari segi bil yang mereka terima kerana ada rungutan yang mengatakan bahawa jumlah panggilan yang mereka buat tidak sama dengan jumlah bil yang mereka terima. Maknanya bil yang mereka terima lebih banyak daripada jumlah panggilan yang dibuat.

Berasaskan daripada aduan yang diterima oleh pihak Kementerian, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan jumlah aduan-aduan yang telah diterima dan beberapa banyakkah daripada aduan-aduan tersebut telah diselesaikan termasuk jumlah perbelanjaan kerugian yang terlibat yang ditanggung oleh pihak pengguna?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau pelanggan-pelanggan tidak berpuas hati boleh memohon untuk mengadakan IBS atau Itemised Billing System. Bil-bil yang sedang disediakan oleh Tenaga Nasional atau Telekom Malaysia ialah melalui proses computerised billing system. Jadi, saya percaya sekarang bukanlah masanya untuk kita menulis bil dengan tangan. Semua billing system ini dibuat melalui komputer. Jikalau ada juga pelanggan-pelanggan yang tidak berpuas hati, mereka boleh memohon untuk mengadakan Itemised Billing System. Itemised Billing menunjukkan bila, apa

masa dan berapa minit, tetapi bil itu tidak menjelaskan siapa yang bercakap. Itu mestilah menjadi tanggungjawab orang yang mempunyai telefon itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik dari Kedai Telekom setelah membayar hutang dan dikenakan RM50-sakit. Soalan saya ialah mungkin soalan pengguna-pengguna pihak swasta: jikalau pihak awam, Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan tidak membayar bil selama 2 bulan sehingga setahun, kenapa STM tidak potong talian telefon mereka dan mengenakan bayaran cukup besar supaya semua boleh menyumbang kepada menyelesaikan masalah ini? Ini sebagai kempimpinan melalui teladan.

Soalan kedua saya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, walaupun terkeluar sedikit, tetapi soalan ini pun dibangkitkan petang kelmarin apabila membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 1993 di peringkat Jawatankuasa. Soalan ini dibangkitkan oleh tiga atau empat Ahli Yang Berhormat dari DAP, tetapi tidak ada Menteri dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menjawab ini. Kenapa? Where were you? Post-Cabinet Meeting-saya tahu. Di mana Timbalan Menteri? Dia ada urusan luar sehingga kasihannya Timbalan Menteri Pengangkutan pun datang menjawab bagi pihak mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berucap Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan saya ialah, apakah langkah akan diambil supaya di peringkat Jawatankuasa, apabila kita bincang dan membahaskan Supply Bill atau Supplementary Bill, Menteri sendiri datang? Jangan selalu

datang sini, sana kosong, kecuali esok sahaja ada orang datang sebab TV datang! (*Disampuk*)

Ini tak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat...

Tuan Sim Kwang Yang: Ministerial responsibility mesti override collective responsibility. (*Pembesar suara dimatikan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, boleh soal, tetapi jangan berucap! (*Disampuk*) Sudah dua soalan tadi saya dengar. Sudah cukup.

Tuan Sim Kwang Yang: Adakah Yang Berhormat Menteri dari sekarang, tiap-tiap kali ada soalan sendiri, datang sendiri jawab. Itu sahaja.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya kasihan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuching. (*Disampuk*) Semalam bukanlah post-Cabinet, Kabinet dan boss saya ialah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri. Jikalau dia tetapkan mesyuarat dari pukul 3.30 sampai pukul 7.00, saya sebagai Menteri mesti berada dalam mesyuarat itu. Itu jawapan kepada soalan pertama. (*Tepuk*)

Soalan yang kedua, iaitu, jikalau saya memotong talian telefon atau memotong lampu-lampu untuk Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis-majlis seperti itu, saya percaya pada akhirnya, rakyat sahaja rugi, tidak ada lampu jalan. Selepas itu pun, Yang Berhormat mesti bangkitkan perkara itu kepada saya!

Berkenaan dengan itu, kita ada guarantee daripada Kementerian Kewangan untuk membayar bagi pihak agensi-agensi Kerajaan itu. Bagi pihak rakyat

jelata, susah mahu mengambil tindakan mahkamah ke atas beberapa ribu orang.

Kepada Ahli Yang Berhormat, saya terlalu bertanggungjawab. Saya percaya saya ada di dalam Dewan ini lebih daripada beberapa kali.

SEKOLAH MENENGAH— BEKALAN KEMUDAHAN KOMPUTER

5. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan sekolah-sekolah menengah di seluruh negara yang telah mempunyai kemudahan komputer untuk tujuan pembelajaran.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, mengikut rekod Kementerian Pendidikan, terdapat sebanyak 919 buah sekolah menengah, iaitu 65.3 % mempunyai kemudahan komputer. Komputer ini diperolehi melalui inisiatif sekolah sendiri dengan kerjasama dan sumbangan Persatuan Ibu-bapa Guru.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan juga mempunyai program mata pelajaran Literasi Komputer. Untuk tujuan ini, sebanyak 60 buah sekolah di seluruh negara telah dipilih sebagai projek perintis. Projek ini telah bermula; pada bulan April 1992.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, bilakah mata pelajaran Komputer ini dijadikan satu mata pelajaran teras di dalam sukatan pelajaran sekolah menengah? Menyedari tentang kepentingan pengetahuan komputer, apakah cara untuk mempercepatkan bekalan

komputer ke semua sekolah-sekolah, terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar kerana kita sedia maklum sekolah-sekolah di bandar, mereka mempunyai kelab-kelab komputer dan Persatuan Ibu-bapa-Guru mereka ini mempunyai bentuk kewangan yang mencukupi untuk membeli komputer-komputer.

Bagi sekolah-sekolah di luar bandar, kanak-kanak atau murid-murid in menghadapi masalah untuk mempelajari komputer. Jadi, bilakah Kerajaan bercadang untuk mempercepatkan bekalan terutama sekali di sekolah-sekolah luar bandar.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi mata pelajaran Komputer, Kementerian Pendidikan sedang memperkenalkan mata pelajaran tersebut di peringkat sekolah vokasional dan teknik oleh kerana kita dapati bahawa sekolah-sekolah tersebut adalah lebih sesuai untuk memperkenalkan mata pelajaran tersebut mengikut kemudahan dan mengikut minat pelajar-pelajar.

Seperti yang saya telah terangkan tadi, untuk sekolah menengah biasa, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan mata pelajaran literasi Komputer ini di peringkat perintis. Selepas kita mengkaji dan mendapat feedback, kita akan membuat keputusan sama ada kita boleh memperkenalkan mata pelajaran Komputer itu sebagai satu mata pelajaran di sekolah menengah biasa. Oleh kerana kalau kita buat keputusan tersebut, ada banyak implications, termasuklah kita harus mempercepatkan atau memperluaskan kemudahan komputer di seluruh sekolah kita. Seperti yang saya cadangkan tadi, pada masa sekarang hanya 65.3%

sekolah menengah sahaja yang mempunyai kemudahan komputer. Cadangan kita ialah kita laksanakan program itu peringkat demi peringkat supaya pelajar-pelajar kita boleh dapat manfaat.

Tentang untuk memperluaskan kemudahan komputer di sekolah-sekolah menengah, khususnya di sekolah-sekolah luar bandar di bawah Program Literasi Komputer ini, memang Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah di luar bandar dan kita akan memperluaskan projek ini supaya akhirnya semua sekolah-sekolah, termasuklah sekolah-sekolah di luar bandar mempunyai kemudahan-kemudahan komputer. Di bawah skim ini juga Kementerian Pendidikan sedang menjalankan satu projek percubaan di Negeri Selangor supaya kita boleh memperkenalkan pengajaran atau memperkenalkan proses mengguna komputer untuk membantu pelajar-pelajar di sekolah rendah rendah.

Berdasarkan kepada kajian tersebut, kita akan membuat keputusan sama ada di peringkat sekolah rendah juga kita boleh memperluaskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi dimaklumkan bahawa Kerajaan akan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti alat-alat. Tetapi kadangkala kita lihat selain daripada permasalahan kemudahan asas (fizikal) yang menjadi masalah kepada prestasi anak-anak ialah dari segi tenaga pengajar itu sendiri. Kita boleh menghantar ataupun badan-badan keluarga dan ibu bapa boleh memberikan komputer, tetapi dari segi

tenaga pengajar itu sendiri bagaimana. Adakah Kerajaan cuba mengadakan satu accelerated scheme untuk mengajar tenaga-tenaga yang ada di sekolah supaya berkemampuan mengajar komputer ataupun Kerajaan juga cuba membawa peranan sektor swasta? Banyak syarikat-syarikat komputer milik swasta, mungkin mereka ini boleh membantu juga untuk mengajar anak-anak kita di sekolah-sekolah.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan bercadang memperluaskan tenaga pengajar komputer ini melalui dua pihak. Satu, menggalakkan pihak swasta untuk membantu sekolah-sekolah, khususnya sekolah-sekolah menengah supaya kita boleh mewujudkan di setiap sekolah menengah kelab komputer dan kemudahan itu dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta.

Kedua, Kementerian Pendidikan juga telah memperkenalkan mata pelajaran komputer di peringkat maktab perguruan iaitu semua guru-guru terlatih apabila mereka keluar dari maktab-maktab kita, termasuklah mereka yang kita hantar ke sekolah rendah juga, mereka akan mempunyai satu latar belakang dan pengetahuan tentang komputer. Bukan sahaja menggunakan komputer dalam proses pengajaran tetapi juga dalam bentuk menyediakan software, menulis program dan sebagainya supaya semua guru-guru kita yang kita akan hantar ke sekolah-sekolah boleh menggunakan komputer itu untuk mempercepatkan proses pengajaran dan pembelajaran.

KEMPEN ANTI MINUMAN ALKOHOL—MENGADAKAN

6. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa selain daripada Kempen Anti Merokok, mengapakah

tidak diadakan juga Kempen Anti Minuman Alkohol kerana alkohol diketahui boleh memberi kesan yang buruk kepada kesihatan badan dan juga boleh menjadi punca kepada tidak-tindakan tidak rasional oleh peminum alkohol:

- (a) mengapakah tidak dirangka satu undang-undang untuk menghalang seseorang dari meminum arak di khalayak ramai kerana dengan cara ini dapat menghalang generasi akan datang dari mengikuti budaya sebegini; dan
- (b) apakah fungsi Yayasan Anti-Alkoholisme Malaysia (YAM) di dalam membendung budaya sebegini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan sedar mengenai perkara ini dan memang memberi perhatian yang khusus untuk menangani masalah ini. Kementerian Kesihatan juga menumpu dan merancang aktiviti-aktiviti kawalan yang bercorak sosial dengan berbincang dengan agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Penerangan, Organisasi-organisasi Bukan Kerajaan yang berkenaan dan lain-lain.

Kementerian Kesihatan memang berhasrat untuk mengadakan kempen anti-minum alkohol. Jika perlu, Kementerian Kesihatan akan

merangka undang-undang yang tertentu selepas mengkaji semua aspek masalah tersebut setelah membincangkan dengan berbagai-bagai agensi yang berkenaan.

- (b) Yayasan Alkoholisme Malaysia (YAM) adalah sebuah organisasi bukan Kerajaan yang telah didaftarkan dalam bulan Februari 1989 dan bertanggungjawab mewujudkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan alkohol. Yayasan ini juga bertanggungjawab untuk mengendali program-program yang berkait dengan pencegahan penyalahgunaan alkohol, rawatan dan pemulihan alkoholik.

Program-program Yayasan adalah dibiayai sebahagian oleh derma-derma awam. Seorang pakar alkoholisme luar negara telah ditugaskan untuk melatih dan mengetuai pasukan profesional dan separa profesional dan dalam perancangan masa panjang untuk menggunakan tenaga bekas alkoholik untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan Yayasan.

Masa kini sukarelawan-sukarelawan membantu dengan memberi perkhidmatan kaunseling dan pendidikan masyarakat melalui ceramah-ceramah dan pameran-pameran. Yayasan juga menganjur seminar-seminar dari semasa ke semasa bagi menumpukan perhatian masyarakat mengenai masalah

ini. Pakar-pakar dari sektor-sektor akademik, perubatan, perundangan dan agama adalah dijemput untuk membenteng kertas kerja mengenai masalah alkoholisme.

Pameran-pameran telah diadakan dari semasa ke semasa. Liputan media massa adalah secara meluas bagi membolehkan lebih maklumat disampaikan kepada masyarakat. Yayasan Alkoholisme Malaysia juga bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Antarabangsa Bagi Pencegahan Alkoholisme dan penyalahgunaan dadah dan juga dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kementerian Yang Berhormat sendiri menyedari bahaya meminum minuman keras ini daripada usaha-usaha yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Saya tahu pandangan Kerajaan dan Kementerian Yang Berhormat sendiri tentang langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan mengenakan peraturan supaya tidak ada orang meminum-minuman keras di khalayak ramai. Apakah sikap dan pandangan Yang Berhormat daripada dasar-dasar yang telah disebutkan tadi?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan Kementerian Kesihatan, kita tidak dapat mengharamkan penjualan. Kementerian Kesihatan hanya boleh menasihati. Penjualan ini bukan dalam bidang kuasa Kementerian. Bidang kuasa Kementerian hanya terhadap rawatan ataupun menasihati bagi kehidupan yang sihat-healthy lifestyle. Itu pandangan Kerajaan masing-masing. *(Ketawa)*

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah minuman alkohol ataupun arak di negara kita ini oleh golongan-golongan yang tertentu telah sampai ke satu tahap yang mana ianya harus dilarang sama sekali. Itu yang pertama.

Yang kedua, jika katalah sampai satu hari yang mana kita terpaksa merangka satu undang-undang untuk menghalang minuman arak di negara kita ini, bukannya pada pendapat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ini melanggar tabiat hidup sesuatu golongan?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, mengenai tabiat hidup, saya faham. Oleh sebab itu, Kementerian Kesihatan mengadakan garis panduan-garis panduan tertentu untuk cara hidup yang sihat. Saya buat rayuan daripada pemimpin-pemimpin tempatan di sini, kita menjadi pemimpin melalui teladan. Kita mengadakan upacara-upacara. Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat disini adalah daripada ahli-ahli korporat. Apabila kita adakan satu-satu majlis, maka kita dapati gadis-gadis kita memberikan rokok dan juga ada pembekalan minuman keras disitu. Kita mesti berhentikan itu dulu. *(Ketawa)* Kalau kita boleh berhentikan pembekalan rokok dan minuman itu, maka dengan sendirinya kita boleh menghapuskan minuman arak di tanah air kita ini. Tidak payah kita mewujudkan satu undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

(Soalan No. 7- Y.B. Tuan Karpal Singh tidak hadir.)

**SYARIKAT
PENERBANGAN
BARU—MEWUJUDKAN**

8. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Pengangkutan menjelaskan:

- (a) apakah matlamat-matlamat untuk mewujudkan satu lagi syarikat penerbangan dan apakah peranan syarikat baru ini;
- (b) adakah ia akan menjadi "competitors" kepada MAS dari segi destinasi dan tambang;
- (c) adakah syarikat penerbangan yang baru ini juga akan menawarkan penerbangan dalam negeri; dan
- (d) bilakah ia dijangka akan mula beroperasi.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Matlamat mewujudkan satu lagi syarikat penerbangan ialah untuk menghubungkan negara ini melalui udara dengan tempat-tempat lain di luar negeri kita yang belum lagi dihubungi oleh Penerbangan Malaysia (MAS). Dengan itu ianya akan memudahkan kemasukan lebih ramai pelawat-pelawat asing ke negara ini.
- (b) Syarikat Penerbangan baru ini tidak akan menjadi competitor, dengan izin, kepada MAS dari segi destinasi dan tambang.
- (c) Kerajaan sedang mengkaji sama ada akan menawarkan juga penerbangan dalam negeri kepada syarikat berkenaan.

- (d) Syarikat ini dijangka akan mula beroperasi pada tahun 1994.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehlah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan butiran lanjut tentang milikan syarikat tersebut yang dicadangkan, khususnya kerana syarikat penerbangan merupakan satu industri yang memerlukan pelaburan yang sangat besar. Apakah jaminan yang boleh diperolehi bahawa modal yang perlu dapat diperolehi daripada pasaran atau daripada dana diri sendiri? Mengenai perkara tersebut, adakah pihak Kerajaan akan menjamin untuk memberikan guarantee terhadap kesemua pinjaman yang dibuat oleh syarikat tersebut? Kalau ya, bolehkah memberikan penjelasan yang lebih mengenai perkara tersebut?

Yang kedua, saya ingin bertanya mengenai syarikat tersebut, apabila ia didirikan, adakah Kementerian sekali lagi akan dapat saham golden share, dengan izin, sepertimana yang kini wujud dengan MAS? Dan bolehkah memberitahu sejauh manakah pengaruh atau kepentingan Kerajaan dalam syarikat penerbangan yang baru ini?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan jawab satu per satu tetapi dengan jawapan saya ini, saya rasa meliputi apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat itu kerana Kerajaan telah bersetuju supaya syarikat penerbangan kedua nasional dianggotai atau ekuitinya diambil oleh beberapa pihak iaitu yang pertama, HICOM, Pelangi Air, Malaysian Helicopter Services, MAS dan MOFAS Air. Jadi, kita yakin bahawa semua syarikat-syarikat yang dipersetujukan untuk menganggotai sistem penerbangan nasional kedua ini mempunyai kemampuan untuk

menampung modal yang besar yang dikatakan tadi dan perkara-perkara lain. Lebih detail dari itu tidak ada maklumat pada saya.

KOLEJ PERUBATAN PERSENDIRIAN—PENUBUHAN

9. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak Kementerian akan membenarkan mana-mana pihak swasta menubuhkan kolej-kolej perubatan persendirian bagi menampung keperluan doktor atau pakar-pakar perubatan yang semakin meningkat sekarang.

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan hanya menimbangkan permohonan untuk mewujudkan program berkembar di antara pihak tempatan dengan institusi pendidikan tinggi luar negeri untuk menjalankan kursus perubatan. Walau bagaimanapun, itu juga tertakluk kepada syarat-syarat penubuhan dan peruntukan perundangan yang berkuatkuasa.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukanlah baru-baru ini dalam surat khabar, kita mendengar ataupun terbaca bahawa dua buah institusi perubatan akan wujud di Kuala Lumpur. Saya percaya salah sebuah institusi ini dinamakan IMC. Cuma saya ingin bertanya apakah bentuk ataupun organisasi ini sama ada penyertaan individu ataupun syarikat swasta akan dijemput supaya menjadi pemegang saham dalam institusi ini? Apakah kedudukan yang terbaru berkenaan dengan IMC dan satu kolej lain lagi yang akan menjalankan kursus perubatan ini?

Dr. Fong Chan Onn. Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada dua buah institusi atau kolej yang kita telah memberikan kebenaran untuk menjalankan kursus berkembar perubatan. Itu ialah International Medical College (IMC) yang dimiliki oleh syarikat Sesama Medical College Sdn. Bhd. dan kedua, Asean Medical College (AMC) yang dimiliki oleh syarikat Susi Teguh Sdn Bhd. IMC itu telah bermula berfungsi di kolejnya di Petaling Jaya dan AMC pula sungguhpun belum bermula dari segi fungsinya tetapi cadangannya ialah untuk mengadakan kolejnya di Ipoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab-Mulut telah pun tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab-Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan No. 10 hingga 32 adalah dijilid dalam buku berasingan).

USUL

KEDAULATAN DAN HAK ASASI MANUSIA—"GENNOCIDE" DAN "ETHNIC CLEANSING" DI NEGARA BOSNIA- HERZEGOVINA

3.35 ptg.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan Rakyat, saya mohon mencadangkan sebuah Usul yang berbunyi seperti berikut:

BAHAWA, kedaulatan dan hak asasi manusia di negara Bosnia-Herzegovina telah dicabuli akibat tindakan pencerobohan Serb;

BAHAWA, kekejaman-kekejaman telah dilakukan ke atas penduduk Islam Bosnia-Herzegovina oleh pihak Serb;

BAHAWA, kegagalan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengambil tindakan tegas telah menyebabkan pihak Serb melakukan "genocide" dan "ethnic cleansing" secara berterusan;

DAN BAHAWA pemecahan sempadan berasaskan keturunan kaum atau agama tidak boleh membawa keamanan dan penyelesaian yang berkekalan.

DENGANINI mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Mengutuk pencerobohan dan segala bentuk pencabulan hak asasi manusia pihak Islam di Bosnia-Herzegovina, khususnya "genocide" dan "ethnic cleansing";
- (2) Meminta Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mematuhi tanggungjawab dengan mengambil tindakan tegas melaksanakan resolusi-resolusi Majlis, khususnya:
 - (a) membebaskan Sarajevo, ibu negara Bosnia-Herzegovina dari serangan dan ancaman oleh pihak Serb; dan
 - (b) membuka lapangan terbang Tuzla untuk membolehkan bantuan bekalan makanan dan perubatan sampai kepada mangsa peperangan di Bosnia-Herzegovina.
- (3) Menggesa Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu

menarik balik sekatan senjata yang telah dikenakan ke atas negara Bosnia-Herzegovina; dan mendesak pihak Perancis dan Britain khususnya supaya tidak menghalang usaha ini; dan

- (4) Dewan ini juga membuat ketetapan menyampaikan resolusi ini kepada semua Parlimen Negara yang berkenaan, khasnya kepada Parlimen Perancis dan Britain.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedar maklum, sejak 18hb September yang lalu, masyarakat antarabaangsa telah dikejutkan oleh berita-berita pembunuhan beramai-ramai, perkosaan terhadap wanita dan anak gadis yang masih kecil, "genocide" dan "ethnic cleansing". Keganasan dan kezaliman yang tidak mengenal perikemanusiaan itu telah dilakukan oleh pihak Serb di Bosnia dengan sokongan dan galakan dari tentera Kerajaan Serbia yang masuk mencerooboh kedaulatan wilayah dan mencabul hak asasi orang Islam Bosnia-Herzegovina, terutamanya orang Islam Bosnia.

Pencerobohan dan kekejaman terhadap orang Islam dan negara Bosnia-Herzegovina berterusan berlaku sehingga ke hari ini. Menurut satu anggaran, setakat ini seramai 2.5 juta rakyat Bosnia-Herzegovina telah kehilangan rumah dan harta-benda dan menjadi orang pelarian. Seramai 200,000 orang yang lain telah hilang atau mati terbunuh. Mangsa rogol dan perkosaan di Bosnia-Herzegovina telah meningkat sehingga 50,000 orang.

Soal yang relevan di Dewan ini ialah mengapa pencabulan hak asasi manusia serta pencerobohan ke atas kedaulatan

wilayah Bosnia-Herzegovina yang merupakan anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu seolah-olah dibiarkan terus-menerus berlaku?

Penjelasan yang kita dengar daripada pemimpin-pemimpin Eropah dan Amerika atas soalan ini adalah banyak berdolak-dalik dan amat sedikit yang boleh dipegang kebenarannya. Pada keseluruhannya, kesimpulan mereka adalah bahawa apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina adalah berupa dari satu situasi dalam negeri yang amat kompleks kerana ia melibatkan peperangan perbezaan keturunan, agama, budaya dan ideologi nasionalisma yang fanatik.

Jika kita imbas sejenak kepada masalah apartheid di Afrika Selatan, kita akan mengingati semula cerita yang serupa. Penyokong apartheid juga mengatakan bahawa keadaan di Afrika Selatan ini kompleks dan sukar dicari penyelesaiannya. Pada hari ini, nyata bahawa masalah apartheid boleh diselesaikan dan tindakan sebegitu kompleks. Keadaan ini lebih kurang samalah juga dengan apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina.

Oleh itu, kesimpulan segolongan yang mengatakan Bosnia-Herzegovina satu isu kompleks, saya tolak sebagai satu helah mereka semata-mata. Negara kita yang juga terdiri dari berbilang kaum, agama dan budaya lebih memahami hakikat dan keadaan sebenar konflik yang berlaku di Bosnia-Herzegovina ini. Situasi sebenar konflik itu tidaklah sekompleks keadaan yang mereka tonjolkan. Kepada saya, apa yang berlaku ialah:

- (i) pencabulan hak asasi manusia; dan
- (ii) pencerobohan ke atas kedaulatan wilayah Serbia negara yang merdeka.

Dalam hal ini, pembunuh, perogol, pencabul dan penceroboh Serb harus dihukum sewajarnya dan bukannya diserahkan hak ke atas wilayah yang ditakluk, di mana genocide dan ethnic cleansing telah mereka lakukan. Negara yang terang-terang melakukan kesalahan mencerooh negara lain harus juga diambil tindakan tegas ke atas mereka. Masyarakat antarabangsa sepatutnya bertindak dengan tegas, mempertahankan prinsip-prinsip unggul mengenai kedaulatan wilayah dan kesejahteraan hak asasi manusia. Atas alasan ini, saya ingin meminta Ahli-ahli Yang Berhormat, tanpa mengira parti agar sama-sama memahami hakikat apa yang berlaku dan menyokong resolusi yang dibentangkan ini.

Kegagalan negara-negara Barat dan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menegakkan prinsip di atas adalah satu perkara yang amat dikesali. Kegagalan mereka memberi perlindungan dan pertolongan kepada Bosnia-Herzegovina dalam menghadapi pencabulan dan pencerobohan pihak Serb amatlah memalukan. Kalau pencerobohan Vietnam ke atas Cambodia dan pencerobohan Iraq ke atas Kuwait dapat dikutuk sekeras-kerasnya oleh negara-negara Barat dan Majlis Keselamatan dahulu, mengapa tindakan yang sama tidak dilakukan ke atas pencerobohan Serbia ke atas Bosnia. Kalau serangan tentera yang begitu besar dapat dilancarkan ke atas Iraq kerana pencerobohan Kuwait, mengapa satu tindakan yang lebih tegas tidak dapat diambil terhadap Serbia dan tentera Serb di Bosnia? Kalau "genocide" oleh pihak Nazi di Jerman dan puak Khmer Rouge di Cambodia dahulu dipandang begitu keji dan kejam dan dikutuk begitu hebat, mengapa perkara yang sama tidak dapat dilakukan ke atas "genocide" di Bosnia?

Tetapi sikap setengah negara Barat yang menghalang Bosnia-Herzegovina mendapatkan bekalan senjata, telah merendahkan martabat dan maruah serta integriti moral negara berkenaan yang kononnya jaguh atau pejuang ulung demokrasi dan hak asasi sejagat. Mengapa terdapat "double standard" dalam menyelesaikan isu Bosnia-Herzegovina? Sekatan senjata yang dikenakan terhadap Bosnia-Herzegovina mestilah ditarik balik segera.

Oleh yang demikian, saya berpendapat adalah wajar Dewan ini menggesa Majlis Keselamatan terutamanya anggota tetap, lebih-lebih lagi Britain dan Perancis supaya jangan membuat helah menyekat tujuan ini. Menghalang Kerajaan Bosnia daripada membekalkan dirinya dengan senjata demi menyelamatkan kedaulatan negara dan nyawa rakyatnya, adalah sama seperti bersubahat dalam jenayah memusnahkan negara dan rakyat itu. Sebagaimana kita mengetahui, lazimnya di dalam undang-undang, siapa yang bersubahat dan membantu dalam berlakunya sesuatu jenayah, sama juga kesalahannya seperti orang yang melakukan jenayah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang penting di dalam isu Bosnia-Herzegovina ialah mengenai usaha-usaha damai yang telah dikelolakan oleh wakil dari Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu beserta wakil dari negara-negara Komuniti Eropah yang menumpukan kepada usaha-usaha memecahkan wilayah Bosnia-Herzegovina berasaskan keturunan dan agama. Apakah agaknya yang difikirkan oleh wakil-wakil pendamai antarabangsa itu sehingga mereka menjadi begitu taksub dan menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha memecahkan sempadan sebegitu rupa. Apakah

mereka ini sengaja melupakan kepada pengajaran dari sejarah Palestin yang masih belum mencapai penyelesaian, dari sejarah pengwujudan India dan Pakistan, dan dari sejarah konflik dan Cyprus yang juga masih belum ada penyelesaian secara berkekalan?

Sebelum bermulanya trajedi keganasan dan kekejaman pihak Serb, Bosnia-Herzegovina adalah merupakan negara berbilang keturunan, agama dan budaya. Malah sehingga ke hari ini semua operasi Kerajaan Bosnia-Herzegovina masih bercorak berbilang keturunan dan agama, baik di kalangan pentadbiran, eksekutif dan keturunan imej yang sama juga dilambangkan. Ini adalah satu hakikat yang jarang-jarang diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin Eropah.

Presidensi Bosnia-Herzegovina yang ketua oleh Alija Izetbegovic terdiri dari dua orang wakil Serbia, dua orang wakil Croat Bosnia, dua orang wakil Islam-Bosnia dan seorang wakil Yugoslavia. Begitu juga di kalangan tentera yang berjuang mempertahankan wilayah yang masih di bawah penguasaan Kerajaan Bosnia-Herzegovina. Kesemua ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga kaum terbesar boleh hidup bersama dalam satu negara dan jika mereka memilih untuk berbuat demikian, pihak luar tidak seharusnya memaksa mereka untuk berpecah-belah. Negara-negara Eropah yang berpengaruh, di mana hampir keseluruhan rakyatnya terdiri dari satu keturunan, seolah-olah tidak mengerti atau tidak mempedulikan faktor ini. Konflik di Bosnia-Herzegovina bukan semata-mata peperangan antara orang Islam dan orang bukan Islam.

Dari satu segi lain, pemecahan sempadan Bosnia-Herzegovina jika diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bermakna ia memberi

legitimasi kepada penaklukan wilayah secara ketenteraan. Ia juga bermakna mengiktiraf "genocide" dan "ethnic cleansing", lebih dari itu ia juga bermakna mengiktiraf kemusnahan dan kehancuran Bosnia-Herzegovina, sebuah negara yang menganggotai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ini adalah berlawanan dengan undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi Dewan ini menolak sebarang cadangan damai yang memecah-belahkan wilayah negara anggota berdasarkan keturunan kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang perlu ditegaskan oleh Dewan ialah supaya bantuan makanan dan ubatan kepada pelarian dan penduduk bandar-bandar di Bosnia-Herzegovina yang terkandung oleh musuh, sampai kepada mereka dengan segera untuk mengelakkan kejadian kebuluran di musim sejuk. Seramai 2.7 juta rakyat Bosnia-Herzegovina di Sarajevo, Mustar, Tuzla dan lain-lain bandar harus dibantu untuk menghadapi musim sejuk tahun ini.

Jumlah bantuan makanan yang dibawa masuk ke Bosnia-Herzegovina pada masa lalu tidak mencapai separuh dari tahap yang dirancangan. Menurut anggaran Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai orang-orang pelarian UNHCR, bahawa kesengsaraan dan penderitaan orang pelarian Bosnia-Herzegovina tahun ini akan menjadi lebih hebat dari tahun lalu kerana simpanan bekalan makanan mereka yang telah berkurangan, tambahan pula musim sejuk akan datang sedikit masa lagi.

Dewan ini juga wajar menggesa supaya konvoi-konvoi yang membawa

bantuan makanan diberi laluan supaya selamat sampai ke destinasi di Bosnia-Herzegovina. Dalam hal ini Lapangan Terbang Tuzla juga hendaklah dibuka supaya bantuan dan bekalan makanan dan ubatan dapat diterbangkan ke situ dan dibahagi ke kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya.

Malaysia juga telah mengambil keputusan menghantar tenteranya untuk berkhidmat dengan UNPROFOR. Keputusan ini dibuat bukan hanya berasaskan kepada fakta bahawa mangsa keganasan di Bosnia-Herzegovina adalah terdiri dari orang-orang Islam, sebaliknya keputusan ini diambil oleh Kerajaan dalam usaha menegakkan prinsip-prinsip keadilan dan kemanusiaan sejagat yang seolah-olah telah cuba diketepikan seperti yang dapat kita lihat dengan berlakunya 'genocide' dan 'ethnic cleansing' secara berterusan. Berasaskan kepentingan mempertahankan prinsip-prinsip tersebut Malaysia memang sedia menyumbang tentera ke Bosnia-Herzegovina, tidak kira sama ada penduduk di negara itu terdiri dari orang Islam ataupun bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan perlu mengambil pendirian yang tegas mengenai masalah Bosnia kerana apa yang sedang berlaku di sana sebenarnya merupakan ancaman kepada asas-asas sistem antarabangsa. Sekiranya kita berdiam diri dan membiarkan Bosnia sebagaimana yang kita mengetahui sekarang ini telah hilang dari peta dunia, bermakna prinsip kedaulatan negara dan penghormatan kepada integriti wilayah yang menjadi asas kepada satu orde antarabangsa yang stabil dan aman tidak wujud lagi. Yang akan menjadi mangsa dalam hal ini, adalah negara-negara kecil terutamanya.

Dewan perlu juga mengambil pendirian yang tegas mengenai masalah Bosnia kerana apa yang sedang berlaku di sana sebenarnya satu pencerobohan yang besar-besaran dan yang amat ngeri terhadap hak asasi manusia. Sekiranya kita berdiam diri, ia akan bermakna masyarakat Malaysia tidak berperikemanusiaan dan tidak menghayati serta berusaha menegakkan nilai-nilai sejagat yang murni. Adalah menjadi harapan saya agar Usul yang dikemukakan ini mendapat sokongan padu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih. (*Tepuk*)

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Terap.

3.54 ptg.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sebagaimana yang dibacakan kepada Dewan tadi.

Saya tidak hendak membuat repetition di atas data-data yang telah kita baca dari akhbar dan yang telah kita diberi taklimat oleh wakil-wakil kita iaitu Ahli Parlimen dari Nibong Tebal, Yang Berhormat Datuk Dominic Joseph Puthuchery dan Ahli Parlimen Bukit Bintang, Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong. Cuma saya hendak memberi satu gambaran iaitu untuk kita sama-sama meninjau dan juga sama-

sama memikir mengenai dengan latar belakang dan implikasi permasalahan yang berlaku di Bosnia-Herzegovina ini.

Pertamasekali, Tuan Yang di-Pertua, masalah Bosnia telah pun dilihat dari tiga perspektif. Pertama, perspektif pencerobohan kedaulatan negara Bosnia yang telah pun diiktirafkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan European Community dan pencerobohan ialah Serbia yang mahu merealisasikan impian "Greater Serbia"-nya. Ini perspektif yang pertama sepertimana yang disebut oleh kawan-kawan kita yang pergi ke Bosnia-Herzegovina tempoh hari.

Perspektif yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah hasil perencanaan imperialisma, 'pasca perang dingin' oleh Kuasa-kuasa Barat khususnya Britain dan juga Perancis dan kemungkinan Jerman.

Perspektif yang ketiga, ialah reaksi Barat terhadap kebangkitan Islam 'pasca perang dingin', suatu gementar yang berasaskan ajaran dari Mahaguru-mahaguru seperti Samuel Humpinton mengenai kepastian, pertembungan tamaddun Islam dan tamaddun Barat.

Tuan Yang di-Pertua, pada pemerhatian saya, ketiga-tiga perspektif ini adalah relevant, dengan apa yang sedang berlaku sekarang. Tetapi jikalau kita aturkan ketiga-tiga perspektif ini mengikut sebab-musababnya (cause and effect), kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa prespektif yang pertama dan yang kedua iaitu pencerobohan kedaulatan negara Bosnia dan juga perencanaan imperialisma, bahawa perspektif yang pertama dan kedua ini adalah merupakan reaksi kepada prespektif yang ketiga iaitu reaksi Barat terhadap kebangkitan Islam 'pasca perang dingin', kerana pada saya inilah

yang merupakan faktor asas mengapa ianya berlaku seperti sekarang.

Saya akan cuba menghuraikan perkara ini iaitu apa yang saya katakan tadi reaksi Barat terhadap kebangkitan Islam 'pasca perang dingin', iaitu suatu gementar yang berasaskan ajaran daripada orang-orang semacam Samuel Humptinton daripada Harvard University ini.

Saya menyebut ini Tuan Yang di-Pertua, bukan setakat spekulasi sahaja, kerana 3 bulan lalu, saya dan Yang Berhormat Tuan Speaker Dewan Rakyat ini sendiri dan beberapa orang kawan-kawan berada di Strasbourg iaitu di Parlimen Eropah. Di dalam satu pertemuan iaitu dialog dengan Ahli-ahli Parlimen Eropah di Bangunan Parlimen mereka di Strasbourg saya bertanya mengenai dengan perkara-perkara yang selalu ditanyakan oleh kita iaitu khususnya di dalam soal 'double standard'. Apabila berlaku sesuatu perkara yang mana melibatkan negara Islam, orang-orang Islam dan berlaku pula perkara yang sama di kawasan yang tidak ada orang Islam, maka standard yang lain diberi oleh kuasa-kuasa Barat.

Saya menyebut satu daripada contohnya ialah mengenai dengan Algeria dan Myanmar yang mana di Myanmar satu penafian terhadap proses demokrasi dibuat oleh kumpulan tentera. Begitu juga berlaku di Algeria, tetapi kuasa Barat mengwujudkan satu reaksi yang berlainan. Di Myanmar dimarahnya tentera, tetapi di Algeria disokongnya tentera, jadi di sini standardnya adalah berlainan, begitu juga di Bosnia. Apabila saya membangkitkan soal ini tidak ada jawapan daripada kebanyakan Ahli-ahli Parlimen Eropah. Akhirnya selepas satu minit diam, maka seorang Ahli Parlimen dari Parlimen Belanda menjawab, saya

ingin menjawab katanya, "Ini adalah disebabkan oleh ketakutan dunia Barat terhadap kebangkitan Islam". Dia menjawab lagi, "di Algeria itu Islam, di Bosnia itu Islam tetapi di Myanmar tidak ada kaitan dengan orang Islam maka oleh itu, oleh sebab kami takut kepada Islam, maka itulah paten ataupun porla reaksi yang ditunjuk oleh pihak Barat." Jadi, di sini adalah satu bukti empirical di atas apa yang saya kata tadi ini. Dan saksi-saksinya ialah Ahli-ahli Parlimen kita yang bersama saya iaitu Yang Berhormat dari Tambun, dan juga Tuan Speaker Dewan Rakyat sendiri.

Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, implikasi kepada kita kerana kebanyakan pemikiran kita dan pemikiran kebanyakan orang-orang di dunia moden ini adalah pemikiran yang diacukan atau dipengaruhi oleh pemikir-pemikir Barat seperti Samuel Humptinton yang saya sebut tadi. Kelmarin pun saya ada menghentam Samuel Humptinton mengenai dengan beberapa isu.

Disini saya hendak menyebut bahawa Samuel Humptinton di dalam analisisnya cuba menggunakan sejarah pertembungan Islam dan Kristian iaitu Barat yang bermula dengan Perang Salib.

Di dalam konteks Bosnia, penaklukan sebahagian Eropah oleh pemerintahan Othmania (Ottoman) merupakan asas konflik dua agama yang menjadi teras tamadun, iaitu tamadun Islam dan tamadun Barat yang berkonflik. Kebangkitan politik Islam di Iran, Afghanistan dan gerakan-gerakan Islam di negara-negara lain disifatkan oleh Humptinton sebagai momok-momok yang akan menjahanamkan order baru dunia pasca perang dingin. Humptinton membina hipotesisnya berasaskan andaian

bahawa pertembungan dengan tamadun Islam ini akan membawa kepada kemunduran ekonomi, sosial dan politik dunia.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita baca karya-karya Humptington, iaitu makalahnya mengenai pertembungan dua tamadun ini, kita akan dapati bahawa Humptington ini sangat taksub dengan model pembangunan ala Barat yang menekankan nilai-nilai materialisme. Di dalam tradisi pemikiran Max Webber yang dirujuk sangat oleh profesor-profesor kita dan profesor di lain-lain universiti, beliau memandang tamadun lain selain daripada tamadun Barat sebagai mundur dan jikalau ianya dibiarkan merebak, maka tamadun Barat akan terjejas dan order dunia yang hendak dibawa oleh negara-negara Barat akan terjejas. Tidak hairanlah pada masa ini beliau mencipta satu teori yang merupakan satu acuan di mana segala pemikiran kita hendak diasakkannya di dalam acuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya acuan yang hendak diwujudkan oleh Humptington ini akhirnya akan mencapai kegagalan, kerana kita telah lihat di dalam sejarah di mana Karl Marx cuba mencipta satu acuan, iaitu acuan yang cukup indah di atas kertas dan sepanjang 100 tahun manusia di dunia ini diasakkan ke dalam acuan itu sehingga sebahagian daripada politik dunia mengikut acuannya tetapi akhirnya ianya jatuh selepas 72 tahun diimplementasikan. Apa yang saya hendak menekankan di sini ialah, bahawa dalam apa sahaja penilikan atau analisis kita, asa konflik ini ialah asas apa yang dikatakan oleh orang-orang seperti Humptington yang melagakan kedua-dua tamadun tadi iaitu tamadun Islam dan tamadun bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut perkara ini kerana pemikiran orang-orang Serb, orang-orang Croat, orang-orang British, orang-orang Perancis, orang-orang Jerman dan American telah pun diacuankan oleh Humptington seperti ini. Sebab itulah Bosnia jadi begini. Orang-orang Serb dan orang-orang Croat takut kepada kemungkinan wujudnya satu negara Islam di Bosnia-Herzegovina walaupun mereka tahu bahawa orang-orang Islam di Bosnia-Herzegovina adalah orang-orang Islam yang paling sekular kalau hendak dibandingkan dengan orang-orang Islam yang lain. Tetapi oleh sebab ketakutan ini, momok ini telah ditanam di dalam sanubari pemikiran orang-orang Barat, walaupun apa bentuk Islam muncul di tengah-tengah mereka, ini mesti dipotong pada peringkat awal, jangan dibiarkan sehingga ianya menjadi buluh. Segala pelanggaran etika, nilai dan prinsip hak asasi manusia dilakukan sewenang-sewenangnya tanpa diambil tindakan.

Selalunya conscience orang-orang Barat akan menggerakkan mereka bertindak walaupun apa yang berlaku adalah 1/5 daripada apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina pada hari ini. Misalnya, kita lihat bagaimana conscience orang Barat terhadap peristiwa 'Holocaust' yang mana berjuta-juta orang Yahudi dibunuh oleh Hitler. Bagaimana conscience ini memberanakkan sebuah negara Israel di mana konflik di antara Palestine dan Israel sehingga hari ini baru sahaja boleh nampak peluang untuk diselesaikan selepas empat dekad. Conscience orang Barat di dalam apartheid, walaupun kita lihat apartheid adalah satu perkara yang tidak menguntungkan Barat tetapi Barat mengambil tindakan berasaskan consciencinya iaitu berasaskan kepada latihan jujur Kristian mereka iaitu

latihan yang mengajar orang-orang supaya berdamai sebagaimana yang diajar oleh agama Islam.

Inilah conscience yang mereka pegang selama ini. Tetapi apabila perkara yang sama berlaku, malah berlipat-ganda lagi dari segi atrositinya, di mana pembunuhan, perogolan dan juga lain-lain atrositi berlaku di depan mata mereka, mereka tidak mengambil hirau dan mengadakan banyak helah untuk tidak mengambilnya. Saya bukan hendak menolak hujah-hujah yang mengatakan bahawa British hendak menawan atau mempengaruhi negara-negara di Balkan atau pun Jerman hendak mempengaruhi Croatia, itu adalah hujah-hujah betul. Saya tidak menolak kebetulan hujah-hujah ini. Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah tindakan British—dasar British, dasar Jerman, dasar Amerika, malah dasar seluruh dunia Eropah adalah berasaskan kepada apa yang saya katakan tadi, iaitu takut kepada kemunculan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, berasaskan kepada takutkan kepada Islam dan tamadunya, maka perspektif satu dan dua yang saya katakan tadi memasuki senario permasalahan Bosnia-Herzegovina ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita sebegini sebuah negara yang menyokong penuh terhadap penyelesaian permasalahan Bosnia ini mengikut secara yang adil, perlu memegang kepada sebab musabab yang betul ini dahulu. Kita jangan dikelirukan dengan lain-lain sebab musabab. Kita mesti mulakan itu dahulu dan yang lain akan, dengan izin, “fall into its place”. Dunia tidak perlu takut kepada Islam dan tamadunya. Ajaran Islam adalah ajaran yang menyuruh manusia berdamai. Nama Islam itu sendiri bermaksud “sejahtera dan kedamaian”. Sejarah

Islam menunjukkan satu proses perebakannya lebih secara damai dari secara peperangan. Peperangan hanya berlaku sebagai “the last resort”, dengan izin, apabila Islam itu sendiri terancam. Ini penting.

Apabila kita belajar Sejarah, termasuk sejarah nusantara, bagaimana Islam masuk ke nusantara, bagaimana Kristian masuk ke nusantara, selalunya kita diberitahu bahawa “Islam is spread by a sword in one hand and Quran in the other hand”. Itu adalah satu gambaran yang cukup jahat, gambaran yang sengaja diadakan sebagai satu perkara untuk menyerang Islam. Kalau kita lihat sejarah bagaimana Islam masuk ke nusantara misalnya, tidak ada peperangan, tidak ada pembunuhan orang-orang lelaki bumiputera secara menyeluruh dan di mana orang perempuannya dikahwini untuk dijadikan mereka Islam. Tidak ada! Misalnya penyebaran Islam di Jawa. Ianya berlaku melalui grassroot, melalui sunan-sunan yang datang ke kampung-kampung mengajar agama Islam berserta dengan ilmu batin, melalui istana dan karaton. Tiada peperangan. Peperangan hanya berlaku di dalam sejarah penyebaran Islam ialah apabila negara Islam itu sendiri terancam. Ini perlu diberitahu kepada dunia dan penulisan orang seperti Humptington mesti dibaca dengan kritikal. Jangan kita baca Humptington, kita quote dia di merata-rata, seolah-olah ajarannya adalah ajaran yang cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca buku-buku Humptington sebelum itu, misalnya, dalam bukunya “The Politics of Mordernisation” terang ditunjukkan bahawa model Baratlah model yang mesti diterima oleh seluruh manusia sejagat. Orang yang semacam ini kita tidak harus menurut dan tradisi

intelektualnya adalah merupakan tradisi daripada pemikiran yang dahulu, pemikiran Max Webber. Kalau Tuan Yang di-Pertua ingat, Max Webber mengatur agama-agama di dunia ini mengikut yang paling maju.

Ini tentu sekali membawa satu konflik, dia sendiri mewujudkan konflik dan selepas itu dia mengadakan teori mengatakan tamadun Islam mesti berkonflik dengan tamadun Barat. Pada hal Max Webber telah mewujudkan bibit-bibit konflik dengan mengatur agama-agama mengikut apa yang dikatakan, agama yang paling maju adalah agama Kristian dan di dalam Kristian sendiri ada Protestant dan yang paling mundur sekali dalam Kristian ialah Catholic, selepas itu barulah agama Islam dan yang paling mundur sekali ialah agama Hindu. Adakah orang yang semacam ini tanpa bukti-bukti imperical untuk dia membuktikan, hanya dengan menyebut ini kita menjadikan dia sebagai mahaguru yang dirujuk oleh seluruh dunia sebagai "social scientist par excellent".

Jadi, inilah sebagai membuka perbahasan ini supaya perspektif yang kita lihat atas apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina mesti diperbetulkan. Saya terima bahawa ianya adalah satu pencerobohan oleh satu negara terhadap satu negara yang telah berdaulat yang diakui oleh PBB dan diakui oleh European Community. Saya terima hakikat bahawa dasar British yang sebegitu adalah oleh sebab sejarah kebaikan British dengan orang-orang Serbia dan dasar British untuk mendapat pengaruh di Balkan, itu diterima. Tetapi, mengapa ianya berlaku asasnya ialah kerana dunia Barat takut kepada kebangkitan Islam dan ini orang-orang dari Malaysia perlu mengetahui hakikat ini supaya kita lihat permasalahan Bosnia-Herzegovina dan mana-mana permasalahan yang terjatuh

di bawah apa yang dikatakan konflik tamadun tadi mesti dilihat dari segi apa yang saya sebut tadi iaitu pandangan ataupun kefahaman terhadap Islam yang tidak betul. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Marang.

4.12 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: *Bismillahir-Rahmanir-Rahim.*

Bagi pihak Parti Islam Se Malaysia (PAS), saya menyatakan sokongan kami kepada Usul yang dikemukakan ini kerana ini selaras dengan satu Usul yang pernah dibawa ke Dewan Rakyat oleh pihak PAS ketika bermulanya masalah Bosnia-Herzegovina dan telah dihantar satu permohonan kepada Perdana Menteri oleh Yang di-Pertua PAS Pusat supaya bertindak di atas nama Kerajaan walaupun keadaannya telah berlalu dan kita menghadapi suasana yang lebih tenang di Bosnia, yang memungkinkan jumlah majoriti hampir berubah kepada minoriti. Walaupun demikian, ia adalah merupakan satu tindakan yang perlu maka kami menyokong Usul ini dan bersetuju dengan pandangan-pandangan dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Padang Terap.

Melihat betapa negara-negara Barat menjadi penghalang kepada penyelesaian Bosnia-Herzegovina, memang menurut fakta sejarah, dunia Barat di Eropah paling bebal dan paling fanatik untuk memahami perkembangan-perkembangan dunia dan berterusan sehingga sekarang, walaupun mereka berada di tahap negara maju mengikut perhitungan ekonomi dan politik semasa. Mengikut kenyataan sejarahnya sebelum mereka dipengaruhi oleh Yahudi dan Kristian,

yang berasal daripada agama Thamawi yang dibawa oleh Nabi Isa Alaihimussalam, mereka bersikap anti-Semitik. Membunuh orang-orang Yahudi habis-habisan, walaupun selepas itu mereka kagum dengan falsafah-falsafah dan teori-teori yang dibawa oleh orang-orang Yahudi seperti Karl Marx, Darwin, Adam Smith dan lain-lain. Tanpa dinafikan orang-orang Yahudi juga terbawa-bawa dengan fanatik kaum mereka. Tetapi mereka membunuh dahulu sebelum daripada memahami beberapa ilmu yang dibanggakan oleh mereka, ilmu yang dibawa oleh orang-orang Yahudi tetapi orang-orang Yahudi menghadapi tindakan yang kejam daripada orang-orang Eropah.

Begitulah juga nasib yang diterima oleh paderi-paderi Kristian, sebelum orang-orang Barat menjadi Kristian, mereka membunuh paderi-paderi dan penganut Kristian dengan kejamnya, ada yang dibakar menjadi umpan api, ada yang ditandingkan dengan singa-singa liar dalam pesta-pesta yang dianjurkan oleh Kerajaan Rome di masa itu. Selepas itu barulah mereka menjadi Kristian sehingga memakan masa setelah agama Kristian itu dinasakhkan dengan kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. yang membawa agama Islam.

Bahkan mereka lambat untuk menerima tamadun Islam yang membawa kemajuan sains dan teknologi kepada mereka pada hari ini. Setelah mereka membunuh ahli-ahli falak, ahli-ahli astrologi yang menyatakan dunia bulat setelah mempelajari daripada ahli-ahli falak Islam di Baghdad dan Andalusia. Dan menekan ahli-ahli sains yang terpengaruh dengan tamadun ilmu di negara Islam tersebut. Maka wajarlah mereka berkeadaan tidak memahami hak asasi manusia yang sebenarnya seperti apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Barat telah menunjukkan sikap tidak berhak asasi manusia dan tidak berperikemanusiaan yang nyata, apabila mereka menangani isu dan menyelesaikan masalah yang berlaku di Bosnia-Herzegovina. Sehingga mereka tidak mengambil kira sikap yang pernah ditunjukkan oleh umat Islam dalam sejarah negara Islam menguasai dunia sekiranya mereka mengkaji sejarah dengan tepat dan benar dan mengkaji ajaran Islam itu sendiri, Islam tidak pernah melakukan pembunuhan beramai-ramai terhadap orang-orang Yahudi, Kristian dan lain-lain walaupun mencapai kemenangan di dalam peperangan.

Walaupun di dalam peperangan, hanya diizinkan membunuh orang-orang yang terlibat dengan peperangan sahaja, tidak boleh membunuh perempuan, tidak boleh membunuh kanak-kanak, tidak boleh membunuh orang-orang tua, tidak boleh membunuh paderi-paderi yang berada di rumah-rumah ibadat mereka dan mereka yang tidak terlibat dengan peperangan. Mana-mana pemerintah Islam yang melakukan lebih daripadanya dihukum melampaui batas, berdosa mengikut ajaran Islam, mesti bertaubat dan membayar ganti ruginya, orang-orang Barat dan siapa sahaja yang membaca sejarah dan nas-nas yang terkandung dalam ajaran Islam mesti mengetahui perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga dengan layanan-layanan dan keadilan kepada penganut-penganut agama lain yang menjadi rakyat dalam negara umat Islam, bukan sahaja dari segi semangat persaudaraan kemanusiaan, tetapi juga menjadi kewajipan yang ditegaskan oleh ajaran Islam itu sendiri, sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w., "Sesiapa yang menyakiti orang-orang bukan Islam yang berada di dalam negara Islam, maka dia menyakiti aku sendiri."

Walaupun di masa tidak wujudnya negara Islam, yang mendaulatkan syariat Islam secara menyeluruh tetapi kesan spiritual daripada ajaran Islam itu masih membara di dalam hati orang-orang Islam dan ternyata di mana orang-orang bukan Islam boleh hidup di tengah masyarakat orang-orang Islam yang sangat berbeza dengan nasib yang diterima oleh orang-orang Islam di mana sahaja apabila mereka menjadi golongan minoriti di negeri-negeri bukan Islam. Adapun beberapa insiden yang kadang-kadangnya berlaku di beberapa tempat, ianya lebih berpunca daripada kejahilan dan siasah melaga dan memecah perintah yang sering dilakukan oleh penjajah.

Tuan Yang di-Pertua, kaum Bosnia menurut kenyataan sejarahnya, ialah salah satu di kalangan kaum-kaum yang lain, yang mendiami dan membuka Semenanjung Balkan. Cuma mereka menerima Islam pada pertengahan abad ke-15 dan mereka menerima Islam secara beramai-ramai, bukan secara individu, secara beramai-ramai sebagaimana orang-orang Melayu di rantau ini menerima Islam. Bukan dengan paksaan, mereka masuk Islam secara beramai-ramai dan Islam itu menjadi aqidah yang bersebuti dengan mereka walaupun berlakunya tekanan-tekanan oleh kaum-kaum lain untuk memaksa mereka keluar daripada Islam sejak berkurun-kurun lagi.

Ketika Eropah masih berada dalam keadaan jakun, tetapi malangnya apabila mereka membebaskan diri setelah kehancuran Yugoslavia yang berlaku di zaman moden ini, mereka membebaskan diri setelah kehancuran Yugoslavia dan setelah kebangkrapan komunisme seperti juga golongan Serb dan Croat yang beragama Kristian itu, negara Bosnia yang diisytiharkan itu melalui saluran dan cara yang dibangga oleh dunia Barat,

yang menamakan diri mereka dengan negara-negara Bebas, iaitu melalui demokrasi, melalui diplomasi dan melalui toleransi, pilihanraya diadakan dan melibatkan semua kaum bagi menentukan kemerdekaan negara Bosnia-Herzegovina. Penglibatan semua kaum sebelum campur tangan luar begitu jelas wujudnya toleransi dari semua kumpulan etnik dan kesediaan menyertai perundingan walaupun ternyata berat sebelah menunjukkan betapa toleransi dalam negeri dan luar negeri yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Islam di Bosnia.

Melalui saluran diplomatik, negara Bosnia-Herzegovina diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa dan diterima menjadi ahli Bangsa-bangsa Bersatu. Apabila Bosnia-Herzegovina diisytiharkan, mengapa ianya menjadi sasaran pencerobohan oleh puak Serb? Kemudiannya diikuti pula oleh puak Croat dengan cara yang terbuka di tengah-tengah masyarakat antarabangsa, khususnya masyarakat Barat yang bercakap tentang hak asasi manusia, tentang hendak memelihara hidupan liar dan tentang alam sekitar, termasuklah hendak menjaga pohon kayu dan tumbuh-tumbuhan, disamping berlakunya sesuatu yang tidak terfikir dilakukan oleh manusia yang waras, iaitu pencabulan maruah setelah mencero boh wilayah negara yang diiktiraf.

Perkara ini juga telah dibuat keputusan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa tentang hak asasi manusia dan mahkamah dunia. Namun begitu, tidak juga mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara yang serinkali menggunakan Bangsa-bangsa Bersatu juga tidak menentukan sikap yang benar-benar adil. Soalnya, adakah kerana penduduknya yang beragama Islam lebih ramai dari yang lain? Eropah

boleh menerima semua negara baru yang mempunyai penduduk bukan Islam di bekas Yugoslavia dan Czechoslovakia. Adakah Eropah kembali kepada semangat Perang Salib? Atau menghidupkan neo-Nazi ataupun ala neo-Nazi, di mana masyarakat barat sendiri telah merasai penderitaan yang bersejarah itu, atau mahu mengekalkan imperialism yang mana seluruh dunia sedang melihat bahawa itulah alasannya yang sedang berlaku sekarang. Ternyata berlakunya diskriminasi dan 'double standard' negara-negara Barat dan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri lebih dipengaruhi oleh Barat apabila mereka menonton begitu rupa pencerobohan dan pencabulan yang berlaku di Bosnia sekarang, tetapi sangat peka dan cegas terhadap Iraq, Somalia dan Libya, kerana dua orang rakyatnya yang dituduh dan belum ternyata buktinya. Tidakkah ini menampakkan bahawa masyarakat Barat dan penggunaan Bangsa-bangsa Bersatu membezakan di antara mangsa Islam dan mangsa bukan Islam?

Walaupun apa alasan yang hendak dan telah diberi, itulah hakikat yang dilihat dan dirasai sekarang dan lebih ternyata lagi dengan pendedahan surat oleh John Major kepada Setiausaha Luarnya yang didedahkan oleh akhbar-akhbar di dunia dan pendedahan ugutan dan amaran yang diberi oleh Presiden Francois Mitterrand dari Perancis kepada President Bosnia supaya jangan menubuhkan negara Islam di Bosnia-Herzegovina. Bukan sahaja orang-orang Islam yang menjadi sasaran, bahkan sehingga ini beratus buah masjid telah diroboh. Ini menandakan bahawa ada unsur agama di dalam apa yang berlaku di Bosnia.

Kita tidak boleh menerima semua alasan yang dikemukakan oleh Barat untuk melakukan sekatan senjata ke atas

Bosnia-Herzegovina kerana dalam keadaan yang sama mereka mengetahui betapa puak Serb mempunyai senjata yang terlalu besar dan canggih, warisan Yugoslavia lama dan dibekali oleh negara Serbia yang mereka iktiraf, di samping mendapat bekalan daripada negara-negara Kristian orthodox yang sama, seperti Russia, Ukraine dan Greek. Ada juga pembekal daripada golongan-golongan Croat dan akhirnya ini berlaku pula sikap tidak baik tentera yang dinamakan Tentera Pengaman itu, maka sekatan ke atas Bosnia lebih bersifat untuk mengikat tangan dan kaki bagi diperlakukan apa sahaja.

Kita tidak boleh menerima formula yang dikemukakan oleh EC dan PBB untuk membahagikan wilayah mengikut etnik di Bosnia-Herzegovina sebagai penyelesaian, bahkan ia membina dan mengusutkan lagi masalah. Mengapa boleh diizinkan wujudnya negara Serbia untuk kaum Serb, Croatia untuk kaum Croat dan di dalamnya juga ada masalah etnik yang diselesaikan dengan keganasan, kemudian mahu mengadakan pula wilayah-wilayah untuk mereka mencerooboh ke dalam Bosnia-Herzegovina setelah mengizinkan berlaku segala-galanya. Formula yang dikemukakan itu nyata mempunyai unsur-unsur penipuan yang terbuka dan jahat. Bagi menyokong Usul ini dan mengharap pihak Kerajaan mengambil tindakan segera bagi melaksanakan Usul ini secara berkesan, maka memerlukan beberapa tindakan-tindakan:

- (i) mendesak masyarakat antara-bangsa, khususnya negara-negara yang menyokong Barat dalam Perang Teluk supaya mempengaruhi Barat mengubah sikap secara adil untuk melaksanakan perkara yang terkandung di dalam Usul ini;

- (ii) berusaha untuk menyatukan pendirian negara-negara anggota OIC dalam menangani isu ini sama ada melakukan tekanan politik yang berkesan di Bangsa-bangsa Bersatu atau jika perlu melakukan tindakan ekonomi kerana seluruh negara umat Islam adalah menjadi pembekal utama bahan-bahan mentah penting seperti petrol dan lain-lain kepada negara-negara Barat;
- (iii) berusaha menghulurkan bantuan kemanusiaan dan juga ketenteraan ke Bosnia oleh negara-negara OIC sendiri dan mencari segala cara dan saluran yang boleh digunakan tanpa bergantung harapan kepada Bangsa-bangsa Bersatu; dan
- (iv) mengkaji semula peranan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah menunjukkan adanya sifat-sifat yang pernah dilakukan oleh Liga Bangsa-bangsa (League of Nation 5) yang pernah ditubuhkan dahulu dan telah dibubarkan apabila Liga Bangsa-bangsa ini tidak dapat mencegah kemunculan Nazi dan tidak dapat menentang penindasan, tidak dapat membela negara-negara kecil.

Di masa itu, kita tidak mahu menghancurkan PBB dan tidak berhajat untuk menghancurkan PBB tetapi kalau terus-menerus menunjukkan sifat-sifat yang pernah dilakukan oleh Liga Bangsa-bangsa yang dikuburkan itu, maka Malaysia perlu menimbulkan kesedaran sama ada mengembalikan sifat keadilan dan pembelaan terhadap hak-hak asasi manusia dalam erti kata yang sebenar oleh Bangsa-bangsa Bersatu, ataupun Bangsa-bangsa

Bersatu perlu ditolak ke kubur dan perlu diberi kesedaran kepada masyarakat antarabangsa bagi mencari satu alternatif yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang ini.

Itulah pandangan-pandangan yang dapat saya kemukakan bagi menyokong Usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong

4.27 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, kami dari DAP, sejak tercetusnya pencerobohan di Bosnia-Herzegovina, telah memegang sikap dan pendirian yang tegas dan kami berpendapat segala perbuatan pencerobohan dan kekejaman Serb ke atas Bosnia-Herzegovina mestilah diberhentikan dengan serta-merta dan semua wilayah yang diduduki oleh penceroboh sejak bermulanya pencerobohan itu hendaklah diserahkan balik kepada negara Bosnia-Herzegovina.

Kami menyokong Usul ini kerana kami mempercayai kepada kebenaran, keadilan dan keamanan. Kami juga sentiasa memelihara ideal-ideal demokrasi, kebebasan dan hak-hak asasi manusia. Walaupun kami tidak boleh meniru demokrasi ala-Barat seratus peratus disebabkan oleh situasi yang berbeza di setiap negara, kami seharusnya mendukung prinsip-prinsip demokrasi, kebebasan dan hak-hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pemecahan Yugoslavia, cita-cita Serb untuk mengadakan Greater Serbia telah mencetuskan serangan Serb ke atas Bosnia-Herzegovina. Pencerobohan dan kekejaman ini telah mencabuli prinsip-prinsip kebenaran, keadilan, keamanan, demokrasi, kebebasan dan hak-hak

asasi. Ini merupakan satu 'megalomania' Serb, kelainan jiwa yang ditandai oleh khayalan tentang kekuasaan dan kebesaran diri Serb. 'Megalomania' ini mestilah dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 12hb Julai 1992, Konvensyen Tahunan DAP di Melaka telah memutuskan dan meluluskan satu ketetapan terhadap pencerobohan Serb dan pembersihan kaum di Bosnia-Herzegovina, menyeru supaya tentera Serb diundurkan serta tindakan tegas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk memelihara keutuhan wilayah Bosnia-Herzegovina.

Di antara 21hb Ogos dan 7hb September tahun lepas, Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong pernah mengeluarkan 14 kenyataan akhbar tentang Bosnia-Herzegovina yang menunjukkan pendirian DAP. Cadangan-cadangan yang pernah dikemukakan oleh Ketua Pembangkang adalah termasuk:

- (i) meluluskan ketetapan di Persidangan Non-Aligned Movement (NAM) di Jakarta pada September 1992 untuk menyingkirkan Yugoslavia dari NAM serta memutuskan perhubungan diplomatik dengan Yugoslavia;
- (ii) mengadakan mesyuarat tergepar Dewan Rakyat bagi semua Ahli Parlimen dari Kerajaan dan Pembangkang untuk mengutuk dengan sebulat suara kekejaman-kekejaman, genosid dan pembersihan kaum yang dilakukan oleh Serb;
- (iii) mewujudkan Jawatankuasa Perpaduan Semua Parti untuk orang-orang Islam di Bosnia-Herzegovina dan menunjukkan

kepada dunia perpaduan orang-orang Malaysia semua parti, kaum dan agama terhadap isu hak-hak asasi manusia yang penting ini;

- (iv) seandainya Majlis Keselamatan PBB gagal mengambil tindakan serta-merta untuk memberhentikan kekejaman-kekejaman Serb di Bosnia-Herzegovina, NAM mestilah bersatu-padu untuk menyusun semula Majlis tersebut;
- (v) di dalam ketetapan tersebut, Malaysia hendaklah mencadangkan supaya sesi khas PBB diadakan untuk memberikan kuasa dan mengarahkan Majlis Keselamatan PBB menggunakan segala kekerasan, termasuk Tentera Darat dan Udara bagi memberhentikan kekejaman-kekejaman, 'genocide' dan pembersihan kaum oleh Serb di Bosnia-Herzegovina;
- (vi) Persidangan Damai Yugoslavia di London akan gagal dan telah gagal sekiranya sekatan-sekatan atau sanksi-sanksi (sanctions) antarabangsa tidak dikenakan ke atas pelanggaran Serb terhadap Kod Kelakuan Bertamadun Empat-Point yang dicadangkan (the Four-point Civilized Behaviour Code);
- (vii) Majlis Keselamatan PBB mestilah menggunakan atau memakai Piagam PBB untuk menggunakan kekerasan ke atas penceroboh Serb;
- (viii) NAM hendaklah membuat keputusan mengadakan pelan tindakan untuk mengumpulkan kekayaan negara-negara Islam

- bagi membiayai Pasukan Tentera PBB untuk menghindarkan daripada berlakunya kehancuran yang kedua (a second holocaust);
- (ix) Pelan Tindakan Tiga-Point Konferensi NAM untuk mengerahkan 300,000 Multinational PBB yang dibiayai oleh setiap anggota NAM bagi campurtangan untuk memberhentikan kekejaman Serb di Bosnia-Herzegovina;
- (x) Majlis Keselamatan PBB patut membuat ketetapan bagi menghasilkan "zon tiada pembersihan kaum" (no ethnic cleansing zone) di Bosnia-Herzegovina;
- (xi) Seruan kepada NAM supaya jangan menjadi kegagalan untuk mengambil tindakan di Bosnia-Herzegovina seperti PBB, Komuniti Eropah dan Organisation of Islamic Conference (OIC), sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi;
- (xii) DAP berasa kesal terhadap keputusan Menteri-menteri Luar (NAM) untuk mengizinkan Serbia dan Montenegro mewakili Yugoslavia di Konferensi NAM di Jakarta. Saya pun tidak tahulah apakah tindakan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri semasa Konferensi NAM itu terhadap penyingkiran Yugoslavia dan Montenegro;
- (xiii) NAM tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab ke atas Bosnia-Herzegovina kepada PBB;
- (xiv) Bosnia-Herzegovina perlu diletakkan di bawah peramanahan (trusteeship) PBB untuk memulihkan keutuhan wilayah dan kedaulatannya; dan
- (xv) Membentuk Tribunal Jenayah Perang (War Crimes Tribunal).

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya daripada cadangan-cadangan tersebut, Tribunal Jenayah Perang telah pun dibentuk. Malaysia telah menghantar satu batalion (MALBATT) kepada Bosnia-Herzegovina di bawah Pasukan Perlindungan PBB (UNPROFOR) dan persidangan tentang isu Bosnia-Herzegovina untuk Ahli-ahli Parlimen antarabangsa akan dilangsungkan di Kuala Lumpur pada bulan hadapan. Dan mesyuarat di Dewan Rakyat untuk memperbincangkan isu Bosnia-Herzegovina hari ini merupakan cadangan-cadangan yang pernah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang. Usaha-usaha seumpama ini tidak mencukupi. Keberkesanan UNPROFOR menimbulkan ke-sangsian.

Walaupun, Tuan Yang di-Pertua, kami tidak bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di dalam beberapa dasar negara, setengah-setengah pendirian dan langkah yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri di bidang antarabangsa adalah rasional. Misalnya, ucapan-ucapan beliau di PBB dan Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) terhadap dwistandar Barat mengenai demokrasi dan hak-hak asasi, keperluan untuk menyusun semula PBB sejak tertubuhnya pada 24hb Oktober, 1945 dan soal penyelesaian krisis di Bosnia-Herzegovina menjadi isu utama CHOGM. Ini syabas kepada Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Kami berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menggunakan tenaga, ketabahan dan kepintaran beliau juga untuk mengkaji semula isu-isu demokrasi dan hak-hak asasi manusia di Malaysia, negara sendiri. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu negara di Balkan, sejarah Bosnia-Herzegovina adalah amat rumit. Detik-detik sejarah telah menimbulkan (cauldron) Balkans termasuk pendudukan Empayar Osmania Ottoman, Jerman Nazi dan peranan British dan Rusia.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, pada 28hb Jun 1914, ramai orang berkumpul di Sarajevo, yang merupakan ibu kota Bosnia, provinsi Austria. (Sekarang Sarajevo merupakan kem tumpuan atau concentration camp yang dikepung oleh Serb). Mereka datang untuk melihat Archduke Francis Ferdinand, waris kepada takhta Austria-Hungary dan isterinya Sophie. Tiba-tiba seorang lelaki tampil ke hadapan dan menembak Ferdinand dan Sophie dengan pistol. Kedua-dua orang itu mati dengan serta-merta. Pembunuhnya ialah Gavrilo Princip, seorang pelajar muda Bosnia yang tinggal di Serbia. Austria-Hungary mengesyaki jirannya Serbia yang terlibat di dalam komplot pembunuhan tersebut. Demikianlah teretusnya Perang Dunia Pertama.

Begitu juga kerumitan yang timbul semasa Perang Dunia Kedua, di mana Balkan termasuk Bosnia mengalami kesusahan dan penderitaan yang tak dapat diperikan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tidak mempunyai angka-angka yang sebenarnya mengenai mangsa-mangsa pencerobohan Serb, satu anggaran yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat

Menteri Luar tadi ialah lebih 200,000 orang terkorban dan 50,000 wanita dirogol dan beratus-ratus lagi sedang menderita di Bosnia-Herzegovina yang mempunyai bilangan penduduk lebih empat juta. Faktor-faktor yang berkaitan dengan pencerobohan ini adalah termasuk British, Perancis, Jerman, Rusia, Amerika Syarikat, Turki dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap perlu dipertimbangkan.

Sepertimana yang disebutkan di dalam Usul ini, sekiranya pihak Perancis dan British khususnya, tidak menghalang usaha-usaha untuk menyelesaikan krisis tersebut, besar kemungkinan penyelesaian dapat dihasilkan. Setengah-setengah orang British dan Jerman mempercayai bahawa pengaruh masing-masing di Eropah dapat diperkukuhkan dengan memanipulasikan situasi di Balkan.

Sebagaimana yang tercatat di dalam Usul tersebut, pemecahan sempadan berasaskan keturunan kaum atau agama tidak boleh membawa keamanan dan penyelesaian yang berkekalan. Yang terpenting sekali, 'megalomania' para pemimpin Serb mestilah dihapuskan; semangat nasionalisma mereka tidak boleh dibenarkan melanggar hak-hak asasi manusia. Ikhtibar-ikhtibar sejarah adalah amat ketara.

Dari tahun 1933 hingga tahun 1945, Jerman merupakan negara yang terunggul di Eropah di bidang-bidang tentera, ekonomi dan kebudayaan sekarang Jerman muncul sekali lagi sebagai negara dengan ekonomi yang terulung di Eropah. Akan tetapi, pemimpin utamanya, Hitler memperolehi 'megalomania' yang dapat disokong dari orang-orang Jerman, khususnya profesor-profesor dan pelajar-pelajar universiti. Nampaknya profesor-profesor, pelajar-pelajar

universiti, intelektual-intelektual dan cendekiawan-cendekiawan boleh dipengaruhi oleh fikiran-fikiran yang sesat, fikiran-fikiran yang tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua, 'megalomania' Jerman ini telah menyebabkan kehancuran, holocaust, kekejaman dan penderitaan yang tidak dapat diperikan. Begitu juga dengan Jepun dan Itali pada tahun-tahun tiga puluhan dan empat puluhan. Seperti Orde Baru Hitler, para pemimpin Jepun, terutamanya tentera darat mempunyai pelan "Greater East Asia Co-Prosperity Sphere"; Jepun menceroi China, Korea, Burma, Malaya, Indonesia, Filipina dan Thailand. Di Malaysia juga, beratus-ratus ribu orang Malaysia (Malaya) telah terbunuh dan beratus-ratus lagi menderita semasa Pendudukan Jepun di negara kita. Kehancuran, pembunuhan dan kezaliman yang dilakukan oleh Jepun tidak dapat dibayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang, kita menghadapi 'megalomania' yang serupa, yang dilakukan oleh para pemimpin Serb yang disokong oleh setengah-setengah negara Barat. Kehancuran, pembunuhan dan kekejaman yang dibuat oleh pihak Serb tidak dapat diperikan. Kita hendaklah mencari jalan untuk menyekat megalomania Serb ini. Oleh itu, pihak DAP menyokong Usul ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kok Lanas.

4.45 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman peradaban dunia moden, perbuatan sebuah negara menceroi negara lain dan perbuatan manusia

membunuh manusia lain tanpa justifikasi yang sah di sisi undang-undang dan perbuatan menafikan hak manusia lain untuk mempertahankan diri adalah merupakan perbuatan-perbuatan terkutuk yang mesti ditentang habis-habisan. Atas dasar inilah, saya mewakili parti Semangat 46 menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Luar.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu, masyarakat dunia tahu, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tahu, Kesatuan Ekonomi Eropah tahu bahawa negara Bosnia ialah sebuah negara bebas dan merdeka. Mereka diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan mereka juga diiktiraf oleh Kesatuan Ekonomi Eropah. Pengiktirafan ini secara jelas menunjukkan bahawa negara Bosnia adalah sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Tetapi pada masa yang sama, kita juga tahu bahawa pada masa ini tidak ada suatu pun perang yang berlaku di mana-mana bahagian dunia tanpa penglibatan kuasa-kuasa besar.

Begitulah juga dengan apa yang sedang berlaku di Bosnia ini

Adalah mustahil perkara yang berlaku di Bosnia ini tidak diketahui atau dipengaruhi oleh kuasa-kuasa besar Amerika, Britain, Perancis dan sebagainya. Penglibatan kuasa-kuasa besar dalam konflik yang sedang berlaku di Bosnia adalah jelas. Perdana Menteri Britain pernah memberi amaran kepada Presiden Amerika bahawa kalau sekatan senjata ditarik balik, bermakna Parti Konservatif akan hilang kuasa di Great Britain. Semuanya ini menggambarkan kepada kita segala konflik yang sedang berlaku di Bosnia sebenarnya adalah suatu permainan wayang kulit yang sengaja dibuat oleh beberapa pihak tertentu.

Kita faham kedudukan pertembungan kuasa di Eropah Timur, bagaimana Britain, Perancis Jerman cuba untuk mencari pengaruh dan pada masa yang sama Bosnia menjadi mangsa kepada perebutan ini. Saya faham Kerajaan Britain mengambilalih ataupun campuran dalam urusan Bosnia, tetapi yang saya tidak faham ialah sikap Kerajaan Malaysia. Pada masa yang sama, kita mengutuk peranan jahat yang dimainkan oleh Britain dalam konflik Bosnia ini. Jika tidak, mengapa Usul yang kita bawa ini ditujukan kepada Parlimen Perancis dan Parlimen Britain? Usul yang akan diluluskan ini akan ditujukan khusus kepada Parlimen Perancis dan Britain ialah kerana atas kesedaran kita bahawa penglibatan dua kuasa ini dalam konflik Bosnia adalah jelas.

Kita faham peranan mereka kerana mereka cuba untuk mencari pengaruh di Eropah Timur. Kita faham kedudukan mereka, tetapi yang kita tidak faham ialah sikap Kerajaan Malaysia. Pada masa kita menentang usaha-usaha pencerobohan ke atas rakyat Bosnia, pada masa yang sama kita mewujudkan hubungan perdagangan dengan negara-negara yang campur tangan dengan krisis di Bosnia. Bagaimana John Major datang ke sini baru-baru ini? Bekas Perdana Menteri, Margaret Thatcher datang ke negara ini disambut dengan karpet merah, Tuan Yang di-Pertua. Beratus ribu kontrak dibekalkan kepada Kerajaan Britain.

Kalaulah kita pada suatu masa dahulu, atas sebab-sebab yang munasabah melancarkan suatu gerakan besar-besaran supaya kita memulaukan barang keluaran Britain, pada hari ini kita mempunyai alasan yang lebih kukuh.

Oleh yang demikian, saya menggesa Kerajaan Malaysia supaya mulai hari ini memutuskan hubungan perdagangan

dengan Britain, berkuatkuasa serta-merta. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada maknanya beratus usul yang kita bawa di dalam Parlimen ini tetapi kesannya tidak sampai ke mana. Saya faham bahawa negara Malaysia sebuah negara yang kecil tetapi di atas kelantangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengkritik kuasa besar berkali-kali, tidak ada gunanya kritikan-kritikan itu diberi kalau kita tidak sanggup untuk bertindak demikian.

Oleh yang demikian, saya menggesa Kerajaan Malaysia bukan sahaja meluluskan Usul melalui Parlimen ini tetapi mengambil sikap yang lebih tegas dan berani memulaukan semua barang-barang keluaran Britain dan negara-negara yang ada campurtangan dalam konflik di Bosnia ini. (Tepuk) Dan kepada rakyat Malaysia, saya menyeru supaya melancarkan kempen untuk memulaukan barang-barangan keluaran Britain ini secara besar-besaran.

Sudah tiba pada masa ini Kerajaan Malaysia mengambil satu tekad yang tegas untuk mengkaji semula hubungan perdagangan kita dengan Britain. Atas isu ini yang bukan hanya melibatkan umat Islam tetapi isu ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah melibatkan umat manusia sejagat. Soal pencerobohan sebuah negara ke atas sebuah negara lain sepertimana yang kita tahu pada suatu masa dahulu Iraq yang menyerang Kuwait, masyarakat dunia menentang habis-habisan, termasuk negara kita Malaysia sendiri. Sebenarnya apa yang berlaku di Bosnia adalah perkara yang hampir sama seperti serangan Iraq ke atas Kuwait pada satu masa dahulu.

Oleh yang demikian, sesuai dengan ketetapan yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam peradaban negara moden adalah sukar untuk kita menerima atas apa hujah

sekalipun bahawa sebuah negara boleh menyerang dan menakluki sebuah negara lain. Atas prinsip kebebasan asasi manusia, kita semua bersetuju bahawa perbuatan mencerooh, perbuatan merogol, perbuatan melakukan kekejaman ke atas manusia adalah merupakan perbuatan-perbuatan yang mesti ditentang habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara unik yang sedang berlaku di Bosnia pada masa ini ialah bagaimana umat Islam di Bosnia dinafikan hak mereka untuk mempertahankan diri. Sebenarnya pada pandangan saya, ketetapan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, sekatan senjata yang telah diluluskan oleh Majlis Bangsa-bangsa Bersatu adalah suatu perancangan yang dibuat secara sadar dan nyata untuk menindas umat Islam di Bosnia. Yang menjadi anih kepada kita ialah dalam keadaan sedemikian di mana umat Islam dan orang Bosnia sedang ditekan, semua masyarakat dunia tahu, tetapi mengapa mereka tidak diberi hak untuk mempertahankan diri. Tanpa bekalan senjata dan makanan adalah mustahil umat Islam di Bosnia boleh mempertahankan diri mereka. Oleh yang demikian, kita menggesa supaya sekatan senjata ini mesti ditarik balik dalam kadar yang segera.

Selain daripada itu juga, Tuan Yang di-Pertua, kita menggesa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu:

- (i) mestilah memastikan dengan apa cara sekalipun termasuk penggunaan senjata supaya bekalan makanan tiba di Bosnia dalam kadar yang segera menjelang musim sejuk yang akan datang;
- (ii) memastikan supaya hak mempertahankan diri mestilah diberi kepada rakyat Bosnia. Sekatan senjata yang sedang

berkuatkuasa mestilah ditarik balik dalam kadar yang segera;

- (iii) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mestilah melakukan apa jua tindakan selepas daripada itu untuk mengembalikan maruah dan kedaulatan negara dan rakyat Bosnia; dan
- (iv) mengutuk peranan yang dimainkan oleh kuasa-kuasa besar dalam konflik yang sedang berlaku di Bosnia.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini mestilah dilihat bukan sahaja dalam konteks umat Islam, isu ini mestilah dilihat dalam konteks masalah manusia sejagat. Walaupun isu ini berlaku di Eropah Timur, tetapi Parlimen Malaysia mestilah merasa prihatin kepada masalah ini, kerana sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sebenar tadi bahawa Bosnia sebenarnya adalah merupakan masyarakat berbilang ethnik dan berbilang agama. Ancaman ke atas Bosnia, penindasan ke atas masyarakat Bosnia adalah merupakan penindasan ke atas keharmonian masyarakat negara yang ada penduduk berbilang bangsa. Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang bangsa mestilah prihatin dan sensitif kepada masalah yang sedang berlaku di Bosnia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat untuk mengambil masa yang lebih panjang, dengan itu menyokong Usul yang dibawa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nibong Tebal.

4.56 ptg.

Datuk Dominic Joseph Puthuchery (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul ini sebab pada pandangan saya usul ini ialah

usul yang sangat mustahak, sebab tidak ada sekalipun dunia berhadapan dengan satu soal moral yang begini besar, sebab tidak ada di dalam sejarah suatu masa bila satu kumpulan manusia dihapuskan di depan mata Bangsa-bangsa Bersatu dan dunia seluruhnya dengan tidak ada sokongan dari masyarakat-masyarakat dunia.

Sebab itu saya fikir hari ini ialah hari bersejarah di dalam Malaysia sebab Parlimen ada membahaskan soal ini. Tetapi apa yang saya kesal dan kecewa ialah kalau dilihat dalam Parlimen hari ini tidak berapa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat. Begitu juga bila perkara ini timbul di dalam Parlimen di England, tidak ada ramai orang sebab perasaan dalam soal itu belum begitu ada semangat. Kita kalau mahu mengubah fikiran dunia, kita sendiri mesti mahu mengambil tanggungjawab. Biarkan dia, rakyat atau wakil Rakyat mesti mengambil tanggungjawab dan menunjukkan kepada dunia bahawa kita bersemangat, bersatu dengan rakyat Bosnia.

Saya harap ini bukan satu usul yang akan kita luluskan dan diam sahaja, tetapi di masa akan datang bukan sahaja Kerajaan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat di sini juga bersama dengan saya mengambil tindakan untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kita tidak boleh melupakan soal ini dan juga mencerminkan perasaan kita kepada media-media dunia. Nasib baik hari ini kita tidak ada media Barat di dalam Parlimen ini. Kalau media Barat ada di sini, mereka akan kata di dalam bahasa Inggeris ada Ahli Yang Berhormat yang berbahas soal begitu penting di zaman ini dalam satu Dewan yang boleh dikatakan kosong.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jelutong hendak mintajalan.

Tuan R. Karpal Singh: Walaupun kami mengaku perkara yang ada di hadapan Dewan yang mulia ini penting, bolehlah saya dapat tahu kenapa Presiden GERAKAN, Ahli-ahli Dewan Rakyat dari GERAKAN yang lain, kecuali Timbalan Menteri di sana, tidak ada dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini. You must look at yourself first, before pointing at others.

Datuk Dominic Joseph Puthuchery: Tuan Yang di-Pertua, hari ini bukanlah hari yang kita hendak score point. Hari ini kita membahaskan satu perkara yang serius dan saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidak score point dari saya. Apa yang saya katakan ialah masyarakat Barat dan dunia Barat fikir kita tidak begitu serius dan kita tidak ada kekuatan sebab negara kita kecil.

Kalau kita tengok di Asia dan Afrika, tidak ada seorang pemimpin selain daripada Perdana Menteri kita yang berjuang untuk rakyat Bosnia. Sebab itulah saya kata "kita sebagai Wakil-wakil Rakyat di Malaysia mesti ambil satu pimpinan untuk menunjukkan kepada Asia dan Afrika, kita boleh ambil pimpinan untuk membela rakyat Bosnia". Bukan sebab dia orang Islam, tetapi sekumpulan ethnic yang ditindas dalam satu society yang boleh dikatakan civilised.

Apa yang menarik hati saya ialah bila saya berada di Sarajevo, seorang penasihat, Presiden Bosnia Alija Izetbegovic berkata kepada saya, "why has the International community deserted us?" Kenapakah masyarakat dunia terlepas kepada kita? Memang begitu juga, kalau kita pandang reaksi di dalam Asia, Middle-East, Afrika ataupun Eropah, tidak ada perasaan seimbang bila aggression terjadi di dalam Kuwait, bila Iraq menceroboh Kuwait

ataupun Germany menindas kaum Yahudi. Pada zaman sekarang kita nampak perkara ini sebagai satu perkara Barat, bukan perkara seluruh dunia. Itulah kelemahan kita. Kalau negeri-negeri Barat tahu perkara ini ialah perkara seluruh dunia dan bukan Barat, saya fikir kuasa-kuasa yang digunakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk kepentingan diri sendiri ataupun negeri sendiri akan mengkaji balik dasar-dasarnya.

Tuan Speaker, hari ini saya mencadangkan kita juga berusaha sebagai Ahli Parlimen, selepas Persidangan ini, untuk mengambil satu pendirian, bukan sahaja dalam Parlimen tetapi di luar Parlimen untuk mempengaruhi Kerajaan, bukan Kerajaan kita tetapi kerajaan dunia, untuk mengambil berat di atas apa yang terjadi di Bosnia.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil sedikit masa untuk menceritakan satu perkara yang besar yang belum katanya ada disebarkan dalam Asia ataupun di Malaysia. Perkara ini ialah soal Bosnia sudah tiba di Mahkamah Dunia. Di Mahkamah Dunia, perkara ini dibahas oleh peguam Bosnia dan Mahkamah Dunia mengambil suatu keputusan. Keputusan ini ialah menyatakan apa yang terjadi di Bosnia ialah "genocide". "genocide" ialah membunuh satu kaum dengan sengaja. Dalam sejarah dunia, perkara ini terjadi bila orang Yahudi di dalam tahun 30-an dibunuh oleh orang Jerman. Tetapi bila orang Yahudi dibunuh oleh orang Jerman, dunia terkejut dan menghentam kuasa Nazi di Germany. Tetapi bila sebuah negeri yang kecil—Bosnia-Herzegovina dan rakyat Islam di situ dibunuh dengan beribu-ribunya dan Mahkamah Dunia mengambil keputusan yang menyatakan memang ada "genocide", tidak ada satu surat khabar Barat atau Timur yang

menyiarkan perkara ini. Itu satu perkara yang kita mesti mengambil; perhatian. Kenapakah media-massa di Barat dan Timur juga tidak memberi publisiti kepada satu keputusan yang diambil oleh Mahkamah Dunia.

Dengan izin, saya baca keputusan Mahkamah Dunia yang memberi keputusan pada bulan April, tahun ini. Dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris:

"The Court recorded on its order of the 8th of April, 1993, the crime of genocide shocks the conscience of mankind; results in great loss to humanity; and is contrary to moral law and to the spirit and the aims of the United Nations, in the words of the General Assembly Resolution 96(1) of December 1946 on the crime of genocide."

Perkara ini ditetapkan oleh Mahkamah Dunia, tetapi surat khabar-surat khabar di Malaysia ataupun di dunia tidak publish perkara ini, sebab begitu besar ia di control. Juga, ia berkata:

"Since the Order of the 8th of April was made and despite that Order and despite many resolutions of the Security Council of the United Nations, great suffering and loss of life have been sustained by the population of Bosnia-Herzegovina in circumstances which shocked the conscience of mankind and flagrantly conflicts the moral law and the aims of the United Nations."

Ini dikatakan dalam Mahkamah Dunia, tetapi tidak disiarkan di dalam surat khabar Barat ataupun surat khabar tempatan. Kenapa, Tuan Speaker? Saya berpendapat bahawa ada satu conspiracy untuk mendiamkan perkara ini. Barat mempunyai kuasa ke atas media-massa

yang begitu kuat, kita tidak dapat tahu Mahkamah Dunia membuat satu keputusan yang begitu hebat, yang menuduhkan Serbia membuat jenayah "genocide". "Genocide" bermakna membunuh satu kaum. Tetapi perkara ini tidak disiarkan oleh surat khabar. Dengan izin, saya ingin membaca keputusan yang lebih lebar lagi, tetapi sangat mustahak. (*Dengan izin*):

"The Yugoslav conduct alleged by the applicants in its first request of March 1993 consisted of military and para-military activities, including the bombing and shelling of towns and villages. The destruction of houses forced migration of civilians and acts of violence, including execution, murder, torture and rape.

In the light of the material available to the Court in April 1993, and which was accumulated further since then, it is impossible to deny either the occurrence or the massive scale of these crimes. The evidence also indicates plainly that in particular the forced migration of civilians, more commonly known as "ethnic cleansing", is in truth a deliberate campaign by the Serbs to eliminate Muslim control of and presence in substantial parts of Bosnia-Herzegovina. Such being the case, it is difficult to regard the Serbian acts as other than the acts of genocide, and in that they clearly fall within the categories of A, B and C of the definition of "genocide" quoted above. They are clearly directed against an ethnical and a religious group as such and they are intended to destroy that group, if not in whole, certainly in part, to the extent necessary to ensure that that group no longer occupies that part of Bosnia-Herzegovina coveted by the Serbs. The respondents stand behind the Bosnians and Serbs and it must therefore seem

as an accomplice to, if not the actual participant in, the genocidal behaviour."

Tuan Speaker, semenjak tahun 30-an belum ada satu kejadian semacam ini di dalam dunia ini, bila satu kumpulan manusia oleh sebab agama atau bangsa, dibunuh semacam ini. Tetapi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak membuat apa-apa pun. Surat khabar tidak menyiarkan soal ini dengan sepenuhnya. Ada dikatakan umpamanya, orang Serb di Bosnia lawan orang Islam di Bosnia. Itu tidak betul. Sebetulnya ialah orang Serbia yang buat aggression terhadap orang Bosnia berbilang kaum tetapi orang Islam dianiaya dan ditindaskan. Oleh sebab surat khabar kita iaitu *The New Straits Times*, *The Star* dan lain-lain juga mengharapkan siaran dari surat khabar Barat, jadi apabila disiarkan perkara itu dalam surat khabar, kita nampak orang Serb di Bosnia berlawan dengan orang Islam. Bukan sahaja orang Islam ditindaskan, ada orang Bosnia juga yang berbilang kaum yang berpihak kepada orang Islam, untuk melawan orang Serbia. Tetapi surat khabar Barat menggambarkan soal ini ialah soal orang Islam dengan orang Serbia di Bosnia-Herzegovina.

Tuan Speaker, saya menerangkan hal ini sebab saya sebagai peguam dan seorang manusia, apabila saya pandang dan baca berita mengenai anak kecil berumur 5 tahun dirogol dan dibunuh dengan tidak ada sokongan dari masyarakat dunia kita ini dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, saya sangat kecewa. Apakah sudah terjadi kepada masyarakat dunia kita hari ini? Kenapakah anak kecil, budak kecil boleh dibunuh oleh sebab agama dia berlainan? Kenapakah Barat

lecture kepada kita atas soal hak manusia? Kenapakah kita tidak ada satu jalan untuk melawan balik? Sebab itulah, saya sangat gembira pada hari ini kerana kita membahaskan usul ini. Sebab, kalau Parlimen dunia di seluruh Asia dan Afrika berbahas dan mengambil keputusan semacam ini, Barat akan bangun dan merasakan satu kewajipan untuk masyarakat dunia.

Soal ini sudah dua kali pergi ke mahkamah dunia, bukan sekali tetapi dua kali. Satu kali diambil keputusan oleh mahkamah dunia dan mahkamah dunia mengatakan mesti dihentikan soal ini. Tetapi kaum Serb tidak menghentikan perbuatan ini, sebab dia mendapat sokongan dari Negeri Britain dan Perancis. Sebab itulah di dalam usul kita, kita ada menyebut untuk menghantarkan usul ini kepada Britain dan Perancis. Kalau saya ada satu pilihan, saya punya perkataan dalam usul ini memang lebih keras. Bukan sahaja menghantar kepada Britain tetapi tanya kepada dia, atas undang-undang apa atau atas moral apa dia menyokong kaum Serb.

Bosnia-Herzegovina ialah sebuah negara yang bukan baru. Dalam tahun 1878 dia sudah menjadi sebuah negara iaitu sebelum Malaysia, Singapura atau Kuwait ada — Bosnia-Herzegovina sudah ada. Tetapi negeri ini diceroboh dan dihancurkan sebab jiwa politik negara-negara Eropah, sebab Perancis dan Britain mahu berkuasa di Eropah dan menjadi mangsa ialah orang-orang Islam di Bosnia.

Tuan Speaker, saya tahu Tuan Speaker ialah seorang yang bijak di dalam undang-undang dan tahu ramai ahli undang-undang di dunia. Tadi saya ada bacakan satu ketetapan oleh mahkamah dunia. Saya ingin membaca satu lagi, sebab saya tahu Tuan Speaker

boleh appreciate soal ini. Inilah keputusan oleh seorang pakar hakim dari England, Judge Loutoupec pakar international law, dengan izin:

"I note preliminarily the concern the court has expressed regarding the sufferings of the people of Bosnia-Herzegovina which, despite several resolutions of Security Council, are such as to shock the conscience of mankind and flagrantly conflict with the moral law and the spirit and the aims of United Nations. The court's apprehension at the time of the order of the 8th of April, of an aggravation or an extension of the dispute before it, far from being elevated, have deepened by the persistence of the conflict in the territory of Bosnia-Herzegovina and the commission of heinous acts in the cause of those conflicts". (iaitu perbuatan yang kejam).

"For the purposes of the provisional assessment which follows, it is not necessary to take into account first group materials. The plethora of reports placed before the court, which are carried by well-known international media, dealt with the shelling, destruction of ancient mosques, supplies from Yugoslavs to the Serbs in Bosnia and the murder, the rape and torture on an extensive scale. However, in a complex international situation such as this, media reports by themselves may be uncertain guides. They have not been taken into account in this assessment. This approach stems also from the natural caution that needs to be exercised in judicial fact-finding, even though it is of a provisional nature.

In the second category, are the statements animators from disinterested sources such as the U.N High

Commission for Refugees. The Chairman of the U.S Senate Committee on European Affairs, Helesinky Watch and EEC mediator, the Director of U.S Bureau of Refugees Programme and various U.N Officials. The acts referred to in these statements are, all of them, subsequent to the court's order of the 8th of April this year including the massacre of women and children in a heinous policy, nothing short of genocide".

Ini mahkamah Dunia yang mengatakan, tetapi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak boleh buat apa-apa, sebab Kerajaan British dan Perancis dalam Security Council tidak mahu buat apa-apa dan Amerika Syarikat menerima permintaan British:

"The shelling of and havoc on people caught in the open, the wounding of a large number of civilians resulting in the bodies and parts of bodies, some in gruesome conditions, being lodged into ox carts, wheelbarrows, such an attack was stated by the Canadian U.N Official. Atrocities committed in Bosnia-Herzegovina by Serbian military and para-military forces, the 1,200 shells exploding mid-morning, the bomb of mosques as a prelude to ethnic cleansing, the campings, the presence of 1.4 million refugees in Bosnia whose food supplies have run-out. Already starvation levels would have cut the fighting by half. The reduction of the town of 6,000 to 50 people by sheer killing, wanton killing—6,000 people are reduced to 50 people. That is the kind of atrocities that are happening in Bosnia-Herzegovina".

Dan Bangsa-bangsa Bersatu berkata, 'tidak apa', biarlah kita berunding sekali lagi untuk menyelesaikan masalah ini.

Kalau kaum-kaum yang dibunuh itu bukan orang Islam, tetapi orang Kristian, apa pula kata Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Speaker, saya pergi ke Bosnia-Herzegovina dan kemudian ke Rome, saya telah ditemuduga oleh televisyen Italy. Di dalam temuduga itu saya memberitahu, kalau Bosnia hilang dan Barat tidak mengambil tindakan, maka maruah, moral dan kesetiaan kepada Barat akan hilang. Jangan lecture kepada kita mengenai soal hak asasi manusia lagi. Itu semua karut! (*Tepuk*)

Tuan Speaker, apa yang saya katakan di sini adalah saya petik keputusan dari mahkamah dunia. Surat khabar kita belum siarkan lagi apa yang dikatakan oleh mahkamah dunia. Kita perlu tahu apa yang sebenarnya terjadi dan bagaimanakah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau negeri Barat, terutamanya Britain dan Perancis boleh menghalang Amerika Syarikat untuk mengebom kawasan Serbia. Dalam surat khabar ada menyiarkan berita bahawa John Major, iaitu Perdana Menteri Britain berkata kepada Presiden Bill Clinton, kalau penggunaan senjata dihapuskan di Yugoslavia, dia akan kalah di dalam election di Britain. Pada masa sekarang Perdana Menteri Britain, John Major mengatakan maksudnya ialah Parlimen Britain tidak menyokong dia kalau dia beri kebenaran penghantaran senjata ke Bosnia. Kalau begitu, kita mesti memberitahu kepada Parlimen Britain atas sebab apa dia sebagai seorang Perdana Menteri mengatakan begitu.

Kuasa adalah di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, bukan bergantung kepada sesuatu Parlimen. Kuasa adalah kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan tidak boleh diperalatkan oleh Parlimen Britain atau mana-mana Parlimen pun.

Tuan Speaker, perkara yang terjadi di Bosnia tidak akan dilupakan oleh masyarakat dunia. Saya dan rakan-rakan saya di dalam International Parliamentarians Against Genocide mengambil satu pendirian untuk menjalankan kempen di seluruh dunia, bagi membela nasib orang Bosnia sehingga kita boleh mengeluarkan satu fikiran yang diterima oleh masyarakat dunia. Fikiran masyarakat itu begitu besar untuk memindahkan dasar British dan Perancis untuk membenarkan askar-askar Bangsa-bangsa Bersatu, terutama sekali Amerika Syarikat untuk mengebom kawasan Serbia dengan amaran, kalau dia tidak keluar dari sempadan Bosnia, Bangsa-bangsa Bersatu akan menghantar askar untuk menyelamatkan rakyat Bosnia-Herzegovina dan juga kedaulatan kawasan Bosnia-Herzegovina. Asas Bangsa-bangsa Bersatu ialah menghormati kedaulatan sesuatu negeri. Jadi, bagaimanakah rancangan Lord Owen boleh kita terima? Dalam Usul ini kita ada menyebutkan bahawa pemecahan sempadan berasaskan keturunan kaum atau agama tidak akan membawa kepada penyelesaian, keamanan dan kebenaran. Rancangan Lord Owen ialah bukan sahaja mengiktirafkan 'ethnic cleansing', tetapi membenarkan satu negeri dicerobohi dan ditukarkan sempadan atau kawasan bagi seorang anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Di dalam masa Perang Dunia Kedua, tidak ada satu kejadian pun semacam ini. Kalau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menerima rancangan Lord Owen, ini adalah satu perubahan yang sangat besar (it is a fundamental change in International relationship). Ini bermakna kuasa-kuasa besar boleh menukar sempadan-sempadan negara

anggotanya dan tidak lagi menghormati kedaulatan sempadan yang menjadi asas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Speaker, saya ada banyak lagi yang hendak dicakapkan, tetapi saya tahu masa mencukupi dan ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak berucap, dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.28 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Bukit Bintang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana membawa Usul ini di hadapan kita pada hari ini, walaupun pihak DAP juga ada membuat satu Usul pada 19hb Oktober, 1993 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada satu Fact-Finding Mission cover di Sarajevo. Dan lawatan Fact-Finding Mission ke Zagreb dan Sarajevo ini oleh satu Kumpulan International Parliamentarians Against Genocide in Bosnia-Herzegovina (IPGBH) adalah diatur dan dianjurkan oleh Encik Umberto Pascali, seorang wartawan yang bekerja dengan Executive Intelligence Review (EIR). EIR ini telah dikenali ramai sebagai pengkritik kuat kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Pengasas dan pengarang sumbangan EIR ialah Encik Lyndon H. LaRouche.

Pada 27hb Januari, 1989 Encik Lyndon H. LaRouche telah dihukum penjara selama 15 tahun bagi kesalahan menipu individu tertentu secara pakatan sulit (conspiracy to defraud), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di Zagreb pada 11hb Oktober, 1993 kami berjumpa dengan Professor Dr. Zvonimir Paul Sparovic dari Zagreb University, ahli-

ahli Jawatankuasa Eksekutif dari Socialist Democratic Party, di Croatia, Menteri Luar Negeri Bosnia-Herzegovina, Yang Berhormat Encik Harris Silajdzic, wakil-wakil Bosnia-Herzegovina ke PBB dan seorang wartawan Bosnia-Herzegovina (BH) yang menetap di Zagreb. Kami diberitahu seperti berikut.

Peperangan bermula di Bosnia-Herzegovina pada 6hb April, 1992, dan pada 22hb Mei, 1992 Bosnia-Herzegovina telah diterima masuk sebagai ahli European Economic Community. Bosnia-Herzegovina juga adalah ahli dalam PBB. Socialist Democratic Party di Croatia telah memberitahu kami bahawa pembahagian Bosnia-Herzegovina kepada tiga bahagian tidak boleh diterima dan ini akan membawa kepada penghapusan golongan etnik sesuatu kumpulan tertentu secara keseluruhannya. Bosnia-Herzegovina harus dipelihara sebagai sebuah negara. Mereka juga menegaskan bahawa keamanan dengan Serbs tidak boleh dibuat dengan perubahan sempadan. Mereka juga membantah hukuman sanction yang dikenakan oleh PBB terhadap Croates kerana Serbs yang memulakan peperangan. Kami diberitahu oleh Menteri Luar Negeri Bosnia-Herzegovina bahawa jumlah penduduk Bosnia-Herzegovina ialah kira-kira 4.3 juta di mana 48% adalah orang Bosnian Muslim dan selebihnya 52% adalah Croates, Serbs dan cosmopolitan.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Luar Negeri Bosnia-Herzegovina dan wakil PBB telah memberitahu kami kekejaman-kekejaman seperti berikut:

- 220,000 orang Bosnia telah dibunuh di mana 20,000 adalah kanak-kanak;
- 45,000 perempuan di antara umur 8 hingga 80 telah dirogol;
- 65,000 orang Bosnia cedera parah;
- 1.5 juta kehilangan tempat tinggal (displaced persons);
- 950 masjid telah dirosakkan termasuk sebuah masjid yang berumur 5,000 tahun;
- kira-kira 100 buah lori makanan dan bekalan perubatan dari PBB telah ditahan di Split, Croatia lebih dari 6 bulan dan masih ditahan pada masa sekarang.

Mereka juga mengadu bahawa United Nations Protection Force (UNPROFOR) tidak bertindak adil dan tidak memberi perlindungan kepada orang Bosnia yang diserang oleh Serbia dan Montenegro. Contohnya, Sarajevo, dekat dengan lapangan Terbangnya telah diserang oleh angkatan tentera Serbia sebanyak tiga kali, tetapi UNPROFOR tidak bertindak balas sungguhpun UNPROFOR ada mandat untuk membalas tembakan jika diserang. Contoh lain ialah, tahanan 100 buah lori PBB yang membawa makanan dan bekalan perubatan dibandar Split, Croatia lebih daripada 6 bulan dan UNPROFOR tidak mengambil tindakan positif untuk memastikan keselamatan penghantaran 100 buah lori yang membawa makanan dan bekalan perubatan, tetapi sebaliknya UNPROFOR teruskan perbincangan dengan Kerajaan Croatia sedangkan mereka harus mengambil tindakan yang keras supaya makanan ini boleh dihantar ke Bosnia-Herzegovina. Mereka juga menyatakan bahawa kawasan-kawasan tertentu di Bosnia-Herzegovina tidak menerima bantuan daripada PBB selama beberapa bulan. Contohnya, Sebrenica tidak ada bantuan selama 5 bulan pada permulaan peperangan, sekarang Maglav tidak ada bantuan

selama 2 bulan dan hanya menerima sedikit makanan melalui pelepasan udara di mana ianya tidak mencukupi dan Broku dan Cradicac tidak ada bantuan selama 6 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, kami pergi ke Sarajevo pada 12hb Oktober, 1993 dan kami berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Tuan Alija Izetbegovic, Presiden Bosnia-Herzegovina, Yang Berhormat Tuan Ejop Ganic, Naib Presiden Bosnia-Herzegovina dan Ahli-ahli Presidency di bangunan Presidency Republic Bosnia-Herzegovina. Kesemua mereka memuji Malaysia kerana menjadi negara pertama yang mengambil berat terhadap kebajikan orang Bosnia, apayang berlaku di Bosnia dan memberi sokongan moral dan kewangan kepada Bosnia-Herzegovina. Kami juga telah diberi taklimat oleh mereka seperti berikut:

Pertama, Pejabat Presiden Bosnia-Herzegovina terdiri daripada 2 orang Serb, 2 orang Croat, 2 orang Muslim dan seorang cosmopolitan.

Kedua, 40% orang Bosnia mengadakan perkahwinan campuran.

Ketiga, bandaraya Sarajevo telah dikepong selama 17 bulan. Ia adalah penumpuan kem besar dan beberapa bandar tidak menerima makanan/ bantuan mengesahkan apa yang dinyatakan oleh Menteri Luar Negeri Bosnia-Herzegovina dan wakil-wakil PBB di Bosnia-Herzegovina di Zagreb pada 11-10-93. Bandar-bandar Maglav dan Teshanj telah dikepong selama 100 hari tanpa bekalan makanan.

Keempat, mereka telah mengesahkan penghapusan orang-orang Bosnia seperti yang dinyatakan oleh Menteri Luar Negeri Bosnia-Herzegovina dan wakil-wakil Bosnia-Herzegovina ke PBB. Mereka juga menyatakan bahawa

ramai orang Muslim telah dibunuh atau disingkir daripada tanah air mereka. Mereka juga menyatakan bahawa pelanggaran hak-hak asasi manusia oleh pihak Serbs dan Croats terhadap orang-orang Muslim Bosnia.

Kelima, mereka menyatakan bahawa UNPROFOR telah gagal dalam peranannya sebagai pasukan penjagaan keamanan. Ahli Parlimen Bosnia-Herzegovina dan artis kebudayaan Bosnia-Herzegovina tidak dibenarkan untuk meninggalkan negara mereka secara bebas oleh UNPROFOR. Mereka juga tidak dibenarkan keluar dari negara mereka untuk pergi ke perhimpunan antarabangsa atau ke mana-mana. Adalah dinyatakan bahawa UNPROFOR berada di sana untuk mengira bilangan mayat sahaja. UNPROFOR tidak mengambil semua langkah yang perlu termasuk tindakan militari untuk memastikan keselamatan penghantaran makanan atau bantuan tanpa gangguan dari pihak Serbs atau Croats. Mereka menuduh masyarakat antarabangsa bersubahat dengan pihak Serbs dan Croats.

Keenam, penyekatan bekalan makanan dan bantuan perubatan oleh pihak Serbs dan Croats adalah untuk mengugut Bosnia-Herzegovina supaya membuat kompromi secara politik dengan menerima perubahan sempadan.

Ketujuh, gas adalah punca tenaga yang utama untuk pemanasan. Bekalan gas terpaksa melalui kawalan Serbs dan Serbs telah memutuskan bekalan gas ke Bosnia-Herzegovina. Oleh itu, Bosnia-Herzegovina tidak akan mempunyai pemanasan untuk musim sejuk yang akan datang dan lebih ramai akan mati.

Kelapan, biarpun ada pengeboman oleh Serbs, sekolah masih beroperasi, kehidupan budaya di Bosnia-Herzegovina masih cergas dan penerbit masih menerbitkan buku mereka.

Kesembilan, dahulu Serbs telah mengebom sebanyak 2,000 kali sehari, tetapi sekarang ia telah dikurangkan kepada 10 kali sehari. Ini adalah bertindak sebagai peringatan kepada orang Bosnia bahawa Serbs masih menyerang Bosnia-Herzegovina.

Kesepuluh, pihak berkuasa hospital menyatakan bahawa terdapat 2,012 katil di Hospital Sarajevo dan terdapat 1,400 mangsa peperangan. Terdapat 180 hentaman terus terhadap hospital dan akibatnya empat doktor dan enam pegawai perubatan berkemahiran tinggi telah terbunuh. Untuk tiga bulan yang lepas, Hospital Sarajevo tersebut kekurangan sanitary materials.

Kesebelas, pada masa sekarang, tidak terdapat kebuluran di Bandaraya Sarajevo. Tetapi, terdapat kebuluran di bandar-bandar lain di Bosnia-Herzegovina. Tidak ada bandar yang dinyatkan.

Kedua belas, mereka menegaskan bahawa makanan adalah penting kepada orang Bosnia untuk mempertahankan kedaulatannya dan terhadap penyerang-penyerang. Mereka menuntut pembukaan Lapangan Terbang Tuzla supaya Sarajevo dan bandar-bandar sekelilingnya boleh mempunyai access terus bekalan makanan dan bantuan. Mereka mempercayai dengan teguhnya apabila Lapangan Terbang Tuzla dibuka, mereka boleh memperoleh bekalan makanan kira-kira 250 tan sehari, dan juga bekalan perubatan boleh diterbang masuk tanpa gangguan. Penghantaran bantuan melalui pengangkutan darat adalah tidak tentu. Selalunya, bantuan yang dihantar melalui darat ditahan oleh pihak Serbs dan Croats, dan syarat-syarat dikenakan sebelum mereka diberi laluan.

Ketiga belas, mereka menekankan adalah tidak benar terhadap perang

saudara (civil war) di Bosnia-Herzegovina. Ia hanya satu gambaran yang dibuat oleh pihak British dan Perancis untuk menjustifikasikan alasan-alasan mereka untuk tidak menggunakan kekerasan terhadap Serbs dan Croats.

Keempat belas, mereka menyatakan bahawa British dan Perancis mahu memaksa pihak berkuasa Bosnia-Herzegovina untuk menerima pembahagian Bosnia-Herzegovina kepada tiga negara berasingan. Mereka berbantahan dengan kuatnya pembahagian Bosnia-Herzegovina dalam apa jua bentuk.

Kelima belas, pada masa sekarang semua proses perbincangan keamanan telah dihentikan, mereka menyokong Balkan Conference untuk menyelesaikan masalah di Bosnia-Herzegovina, sebelum apa-apa perbincangan keamanan diteruskan. Mereka menegaskan bahawa Serbs dan Croats mesti memulangkan semua kawasan yang diduduki kepada semua kawasan yang ditawan oleh Serbs kepada Bosnia-Herzegovina. Semua orang pelarian dan orang yang kehilangan tempat tinggal (displaced persons), dengan izin, kembali ke rumah mereka.

Semua penyelesaian, jika ada mesti memelihara Kesatuan Negara Bosnia-Herzegovina.

Tuan Yang di-Pertua, pemerhatian saya semasa lawatan ke Sarajevo ialah seperti berikut.

Semua perjumpaan di Zagreb dan Sarajevo telah dianjurkan dan dirancang oleh Encik Umberto Pascali yang merupakan seorang ahli IPGBH dan wartawan EIR.

Saya mendengar tembakan senapan berselang-seli dan kelihatan banyak

buah bangunan dan rumah di Sarajevo telah dibinasakan dengan teruknya. Saya juga terlihat sebuah bandar dekat Lapangan Terbang Sarajevo ditinggalkan (abandoned) tiada orang tinggal di sana langsung.

Keadaan di sana seperti perayaan Tahun Baru Cina, di mana kita boleh mendengar bunyi letupan mercun. Keadaan keseluruhan di Sarajevo adalah sama seperti sebuah negara yang terlibat dalam peperangan. Saya tidak dapat berhubung dengan mana-mana pertubuhan yang bebas untuk mengesahkan apa yang didakwa oleh pihak berkuasa Bosnia-Herzegovina.

Ada beberapa dakwaan serius yang dilemparkan kepada PBB (United Nations), terutamanya UNPROFOR, tetapi tidak ada perjumpaan dirancang untuk kami bertemu dan berbincang tentang dakwaan tersebut dengan PBB atau UNPROFOR. Saya amat hairan kenapakah kita tidak dibawa berjumpa dengan PBB atau UNPROFOR supaya kita boleh membawa tuduhan yang dibuat oleh mereka. Dan kita boleh mengetahui dengan pasti apakah jawapan UNPROFOR ini dan kita boleh membuat satu penelitian tentang keadaan di sana.

Dan semua perjumpaan di Sarajevo adalah dirancang oleh pihak berkuasa Bosnia-Herzegovina. Kami berada di Sarajevo pada 12hb Oktober 1993 dari kira-kira pukul 10.00 pagi hingga 5.00 petang selama tujuh jam, tidak ada apa-apa perjumpaan dirancang untuk kami bertemu dengan Kerajaan Serbs atau Croats.

Selama lawatan kami ke hospital di Sarajevo, kami menyaksikan beberapa mangsa peperangan tetapi mereka tidak mengalami kecederaan parah seperti yang disangkakan setelah diberi taklimat di Zagreb dan Sarajevo.

Adalah diperhatikan bahawa tidak ada pemanasan di pejabat Presiden Bosnia-Herzegovina atau hospital, tetapi ada bekalan elektrik. Keadaan keseluruhan di hospital adalah teruk.

Saya menyaksikan penghuni-penghuni di Sarajevo kelihatan di bawah gangguan dan tekanan kerana peperangan. Saya tidak menerima apa-apa pengaduan mengenai dengan World Court Order yang disebut di dalam Dewan, dan saya pun tidak ada menerima apa-apa dokumen daripada pihak Bosnia-Herzegovina.

Saya belum lagi menyaksikan pembunuhan secara beramai-ramai (genocide) mana-mana kumpulan etnik atau menerima apa-apa keterangan dari sumber bebas mengenai pembunuhan secara beramai-ramai sesuatu kumpulan etnik di Bosnia-Herzegovina.

Walau bagaimanapun, daripada keadaan Bandaraya Sarajevo, saya mempercayai dengan kuatnya bahawa terdapat ramai rakyat Bosnia dari kumpulan etnik yang mungkin terbunuh akibat peperangan. Walau bagaimanapun, saya tidak boleh menentukan bilangan orang Bosnia yang telah dibunuh.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat antarabangsa mesti mengutuk dengan kuatnya pembunuhan manusia di mana-mana bahagian di dunia ini terutamanya rakyat Bosnia-Herzegovina. Masyarakat antarabangsa mesti mengambil semua tindakan yang dipercayai perlu untuk memastikan gencatan senjata daripada semua pihak di kawasan itu dan kalau perlu menggunakan kekerasan ke atas pihak yang enggan bersetuju dengan gencatan senjata.

Semua pihak mesti dipaksa untuk menyelesaikan masalah di kawasan itu secara aman, jika tidak lebih banyak nyawa akan terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan Malaysia supaya menggesa pihak PBB mengambil tindakan yang positif seperti yang saya sebutkan tadi dan seperti yang disebutkan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, janganlah kita hanya menyebutnya di sini sahaja. Bawakan perkara ini ke PBB dan menyeru PBB mengambil tindakan seperti tindakan yang diambil oleh PBB ke atas Iraq tidak berapa lama dahulu. Kalau mana-mana pihak has broken the ceasefire di Bosnia-Herzegovina ini, maka PBB mesti mengambil tindakan terhadap mereka seperti tindakan yang diambil ke atas negara Iraq. Saya hairan kenapakah Menteri Luar Negeri dan juga Kerajaan tidak menggesa PBB untuk mengambil tindakan yang sedemikian?

Saya menyokong Usul ini dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong.

5.53 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Usul ini dan mengambil kesimpulan bahawa apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina adalah hasil tindakan “double-standard” ataupun hasil lidah bercabang pihak yang hari ini mendakwa sebagai “Polis Dunia” iaitu pihak Bangsa-bangsa Bersatu yang di dalangi atau ditulang belakangkan oleh pihak Amerika dan negara-negara yang mengaku sebagai jaguh di dunia Eropah.

Saya tidak mahu mengulangi apa yang telah dihuraikan oleh sahabat-sahabat saya, sama ada dari pihak Pembangkang ataupun dari pihak Barisan Nasional. Yang penting di sini ialah dengan kita membahaskan Usul ini di Dewan Rakyat pada petang ini, kita juga harus tidak berhenti di sini. Kalau Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kita telah pun mengambil setiap peluang (opportunity) di setiap forum yang terdapat dan diberikan kepada beliau untuk menyuarakan hak ataupun menyuarakan masalah survival dan hidup mati rakyat Bosnia-Herzegovina, kita juga harus berbuat demikian dan Kementerian Luar Negeri harus berbuat demikian. Di manakah punca-punca kesilapan kita pada hari ini? Kalau telah pun dijelaskan kepada kita bahawa media massa dunia, sama ada media cetak ataupun media elektronik yang memang jelas sebilangan besarnya adalah di bawah kongkongan dan cengkaman Zionis, maka kita perbetulkan dari aspek ini. Pihak Kementerian Luar Negeri, Kerajaan Malaysia dan Dewan ini harus mengambil satu inisiatif di mana Malaysia harus menjadi ‘core’ atau menjadi teras kepada pergerakan dunia untuk mencelikkan seluruh mata dunia bahawa apa yang berlaku di Bosnia harus diberi pandangan seluruh dunia—ini adalah masalah universal atau sejagat.

Jadi, dengan itu, Malaysia harus mengambil satu tindakan, mengambil satu sikap penerokaan dengan mewujudkan dan mengirimi, sekiranya boleh, wakil-wakil national agency ataupun wakil Berita Nasional kita, sama ada yang terdiri sepenuhnya oleh pihak BERNAMA ataupun digandingi oleh lain-lain press agencies di negara kita supaya dengan perundingan-perundingan kita dengan negara-negara ketiga dan juga negara-negara OIC yang memang mempunyai International Islamic News Agency, yang saya tidak tahu sama ada hidup atau mati, harus direvived balik, supaya di samping kita menjalankan usaha-usaha diplomatik kita juga menjalankan usaha-usaha supaya dunia ini diberitahu dan dicelikkan bahawa apa yang berlaku adalah hak universal.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan itu saya mencadangkan supaya diadakan atau diwujudkan satu press corps dari Malaysia, sama ada yang terdiri dari BERNAMA atau digandingi oleh agensi-agensi berita lain ataupun juga dikepalai oleh PR Unit (Public Relation Unit) ataupun Unit Perhubungan Awam daripada Angkatan Tentera yang mempunyai segala peralatan dan personnel untuk membuat liputan gambar dan berita supaya kita sibarkan ke seluruh dunia yang mahu menerima dan mahu bersahabat atau yang mahu subscribe kepada doktrin kepada hak asasi manusia yang paling original. Ini cadangan saya yang pertama supaya di bawa oleh pihak Menteri Luar Negeri dalam kita membantu the plight ataupun nasib rakyat Bosnia.

Keduanya, kita lihat di mana letaknya OCI di dalam masalah ni?. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah hadir di dalam Persidangan NAM di Jakarta tahun lalu. Di mana letaknya Bosnia kepada NAM (Non-alignment Movement) ataupun Pegerakan Negara-negara Berkecuali? Bosnia hanya layak diberi syor-syor di paragraph-paragraph yang terkeluar daripada Joint-Communique. Mengapakah begitu keadaannya? Kalau tadi sahabat kita mengatakan bahawa kita di sini mungkin masih lagi kurang sensitif terhadap Bosnia, masih lagi tidak prihatin terhadap Bosnia, di mana pula letaknya keprihatinan Negara-negara Berkecuali? Perkara ini juga harus diwujudkan, harus dienhance, harus dipupuk hubungan-hubungan diplomatik kita dengan Negara-negara Berkecuali supaya suara Negara Berkecuali mengenai Bosnia adalah satu suara yang jitu, bukan sahaja suara Malaysia yang digandingi oleh Pakistan dan berbagai negara yang masih lagi dipandang rendah di mata dunia.

Kita harus perkuatkan suara kita di dalam forum-forum Non-Alignment Movement. Kalau dua, tiga hari yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersuara sekali lagi mengenai Bosnia di atas platform CHOGM (Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel), mengapakah jadi begini? Mengapakah dunia ini menjadi begitu insensitive, tidak prihatin langsung terhadap mereka? Jawapannya adalah oleh kerana sikap "double standard" di dalam persepsi dan amalan Universal Declaration of Human Rights yang digubal pada tahun 1948. Jadi, pokok kepada jawapan ini, saya harap Malaysia juga menjadi teras, menjadi kepala dan menjadi pioneer di dalam mendesak atau mengumpulkan sokongan sama ada di kalangan negara-negara ASEAN, negara-negara Non-Alignment Movement atau negara-negara Dunia Ketiga menerusi South-south Dialog, di mana kita harus mengumpulkan kekuatan dan mengharmonikan suara kita supaya kita dapat mendesak supaya Universal Declaration of Human Rights ini ataupun Deklarasi Hak Asasi Sejahtera ini yang digubal pada tahun 1948 harus di kaji semula.

Di mana letaknya logik satu deklarasi yang dibuat pada tahun 1948 masih lagi mahu digunakan ke atas negara-negara yang pada ketika itu masih lagi belum wujud. Sedangkan pada hari ini, negara-negara ini adalah negara yang berdaulat dan merdeka. Kita tidak mahu dan kita harus memberitahu kepada negara-negara Barat berikutan keruntuhan tembok-tembok sosialisme supaya jangan dijadikan hak asasi manusia ini sebagai satu senjata ataupun sebagai satu ideologi untuk menindas dan mengkategorikan sesebuah negara yang merdeka sama ada pro ataupun kontra kepada Amerika dan kuncu-kuncunya. Perkara ini tidak adil.

Saya telah pun dapat melihat contoh-contoh dalam hal ini. Di dalam Persidangan Dunia mengenai hak asasi manusia yang diadakan di Vienna pada bulan Jun yang lalu, secara terang-terangan wakil Amerika mengeluarkan senarai bahawa dia membuat usaha-usaha menggugut (arm-twisting) iaitu sekiranya kamu tidak mahu menyokong Deklarasi kita, kita akan keluaran senarai siapakah pemusuh-pemusuh ataupun pembelot-pembelot hak asasi manusia. Salah sebuah negara yang dikategorikan adalah Malaysia. 11 negara yang dikategorikan sebagai pembelot dan musuh hak asasi manusia, keseluruhannya adalah negara Dunia Ketiga, negara yang membangun dan negara yang berdaulat dan mereka. Mengapa? Tetapi yang paling aneh, 4 hari selepas wakil Amerika itu mengeluarkan senarai negara-negara yang kononnya pembelot hak asasi manusia, Amerika menghantar peluru-peluru berpandu sekali lagi kerana ingin memenuhi obsesannya terhadap Iraq, maka dia pun bom Iraq – 8 nyawa terkorban.

Apa yang dilaporkan oleh International Magazines ialah Presiden Clinton selepas itu addressing the nation, membuat pengumuman kepada rakyatnya bahawa dia telah pun mengebom Iraq.

Selepas itu, kalau betullah apa yang dikatakan oleh International Magazines, “Presiden Clinton pun melihat filem bersama isterinya dan tidur lena sampai pagi”. Inilah hakikat sebenarnya yang menunjukkan bagaimana pada satu forum, Amerika kononnya menjadi jaguh kepada hak asasi manusia, kepada satu hakikat yang lain mereka ialah the greatest violater of human rights. Mengapa tidak dibela masyarakat Bosnia-Herzegovina? Mengapa terlalu obsessed dengan Saddam Hussein dan Iraq?

Mengapa Negara-negara Ketiga dikategorikan sebagai violaters atau pemberontak/pengkhianat kepada human rights sedangkan diri mereka sendiri tidak sensitif dengan human rights? Ini persoalan.

Tuan Yang di-Pertua, International Universal Declaration of Human Rights, dengan izin, sebagai preambalnya menyebukan, “Human rights tidak mempunyai sempadan bangsa, sempadan agama, sempadan warna kulit, tidak mempunyai sempadan apa sekalipun”. Mengapa dalam konteks ini dibezakan? Mengapa Saddam Hussein terus dibom? Mengapa Bosnia dibiarkan kebuluran dan mati? Ini adalah faktor-faktor yang harus dijadikan, harus didalami dan harus diperkuatkan supaya Malaysia yang harus menjadi pelopor kepada perjuangan mengkaji semula human rights. Kita menyakinkan, let us convince, dengan izin, Dunia-dunia Ketiga, negara-negara sahabat atau dialogue partners kita supaya International Universal Declaration of Human Rights ini dikaji semula supaya diberi perspektif yang betul dan supaya diberi semangat yang tulen—tidak lagi berpura-pura dan tidak lagi bermuka-muka.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mempersoalkan OIC. Saya pernah bertanya soalan di dalam Dewan ini, “Tidakkah segala akibat dan musibah yang menimpa sebilangan besar negara Islam hari ini adalah akibat perpecahan negara Islam?” Saya ingat sewaktu Perang Teluk, sebilangan lebih kurang 12 orang Ahli Parlimen dari Malaysia termasuk saya dan juga press-corps diterbangkan oleh Saudi Arabia untuk membuat penyelidikan dan membuat deduction sendiri. Di mana peranan Arab Saudi dalam konteks ini? Kalau Arab Saudi adalah negara Islam yang terkaya, di mana keprihatinan Arab Saudi dalam hal ini? Mengapa Arab

Saudi tidak mahu menjadi satu pelopor, tidak mahu menjadi satu teras untuk menghidupkan semangat brotherhood Islam yang paling jitu, yang paling tulen supaya kita dapat didengari oleh peringkat dunia lain dengan martabat, suara yang mempunyai darjat?

Saya harap, Malaysia sebagai satu lagi negara yang pada hari ini telah pun dilabelkan sebagai "The leader of the Islamic World", kita harus bergerak meningkatkan darjat dunia Islam. Kita tingkatkan darjat dunia Islam dengan memelopori pemulihan, pemupukan, ketulenan semangat brotherhood Islam supaya dalam konteks ini tidak Malaysia sahaja yang disebut-sebut sebagai negara yang paling awal, paling ulung untuk ke Bosnia. Di mana Saudi Arabia? Mengapa apabila Kuwait diancam oleh Saddam Hussein, Saudi Arabia merasa takut dan gempar? Mengapa apabila brothers Muslims kita di Bosnia mati kebuluran dan apabila musim sejuk, akan mati kesejukan di mana sensitiviti dunia Islam?

Saya menyuarakan suara ini mungkin terlalu kritikal tetapi untuk mencari satu titik pertemuan yang positif. Oleh kerana Malaysia telah pun diangkat ke taraf sebagai pemimpin dunia Islam, saya harap Malaysia akan memainkan peranan peningkatkan darjat dunia Islam dalam konteks penebusan maruah rakyat Islam di Bosnia-Herzegovina.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di Bosnia kalau kita melihat, harus dijadikan cermin kepada seluruh rakyat Malaysia. Apabila Malaysia dengan kelantangan suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mendapat ruang-ruang simpati dari beberapa negara sahabat, kita mula dimusuhi. Dengan menggunakan ukuran hak asasi manusia, maka timbullah forum-forum

antarabangsa dan conference antarabangsa yang mahu menimbulkan klausa ataupun perenggan conditionality. Perenggan-perenggan bersyarat yang mengatakan, "Manamana Negara Ketiga yang memerlukan bantuan dari negara maju mesti menunjukkan bukti bahawa mereka memenuhi tahap dan piawai human rights". Malaysia adalah salah satu negara yang ditarafkan oleh pihak-pihak yang kononnya sebagai jaguh human rights mempunyai darjat dan martabat human rights yang paling rendah. Siapa yang hendak membela Malaysia? Siapa yang hendak membela brothers Negara-negara Ketiga kita melainkan Malaysia?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita harus mencerminkan apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina supaya perkara ini, barangkali diselisihkan oleh Allah S.W.T. tidak akan berlaku. Bagaimana kalau dengan kelantangan kita pada hari ini yang akan disambung oleh kepimpinan yang terus-menerus pada akan datang, kita dimusuhi dan satu ketika nanti pihak musuh kita memilih mana-mana pihak di sekeliling kita untuk menjalankan aggression ke dalam Malaysia? Kemungkinannya terbuka luas sama ada atas alasan agama, sama ada atas alasan ekonomi, sama ada atas alasan—bangsa kemungkinannya terbuka luas. Sekiranya kita sebagai rakyat, sebagai citizens yang multi-ethnic, yang berbagai bangsa ini tidak sensitif kepada perkara ini, jangan di satu hari kita terperangkap.

Oleh itu, apa yang dilakukan di sini hari ini, daripada kata-kata yang dicerminkan dan diluahkan oleh pihak DAP dan pihak PAS, S. 46 dan sahabat-sahabat komponen dalam Barisan Nasional, saya yakin sekarang kita dapat merasai denyut-denyut nadi, kerenah dan kehancuran yang berlaku di Bosnia-

Herzegovina. Sekiranya kita tidak mahu apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina itu kemungkinannya berlaku di negara ini, pokok yang paling penting adalah perpaduan kita. Kita harus bergerak sama ada dalam politik atau sebagainya menerusi satu sifat yang paling moderate. Oleh kerana extremism mungkin akan membawa kita ke arah apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Nilam Puri.

6.08 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana Usul ini dibawa di atas nama Perdana Menteri dan dianggap Usul bersama, walaupun Usul kami setahun dahulu ditolak bukanlah kerana Usul itu tidak penting, barangkali keadaan pada masa itu belum serius. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Menteri Luar yang membawa Usul di pihak Perdana Menteri dan saya harap ini bukanlah Usul yang pertama dan terakhir buat beliau dan tidak akan berlaku "group cleansing" selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, di atas kerja kuat yang dibuat oleh Menteri Luar terutama sekali di dalam menaikkan nama Malaysia berpadu tenaga dengan Perdana Menteri, kita harap usaha-usaha Malaysia untuk menyelesaikan beberapa masalah di atas muka bumi ini terutama sekali oleh negara-negara yang didiami oleh Umat Islam akan jadi kenyataan tidak berapa lama lagi. Kami mendoakan Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara yang unggul untuk memperjuangkan hak asasi manusia di seluruh dunia, walaupun di dalam negara ini ada beberapa perkara

yang kita tidak puas hati, itu adalah perkara biasa tetapi yang umumnya ialah Malaysia telah menunjukkan satu sikap yang baik mutakhir ini terutama sekali di bawah kepimpinan Perdana Menteri dan Menteri Luar yang begitu gigih.

Tuan Yang di-Pertua, cara penyelesaian krisis-krisis di peringkat antarabangsa, kita harap pihak Menteri Luar dan juga pihak Malaysia hendaklah berhati-hati, jangan kita terlalu cepat mengambil satu keputusan sama ada hendak menyokong sesuatu perkara ataupun hendak menentang sesuatu perkara. Misalnya kita lihat, kita tahu Barat, setiap satu langkah itu mereka mengambil setelah mereka mengambil kira kedudukan dan keselamatan mereka. Mengenai seperti ditegaskan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Marang tadi, saya amat mengambil perhatian di atas pandangan-pandangan mereka. Sikap Barat mutakhir ini terutama terhadap Islam dan kebangkitan Islam.

Memang mereka itu amat takut kepada Islam dan kebangkitan Islam. Ketakutan itu mereka sendiri yang mencorakkan. Mereka sendiri yang mewarnakan. Selepas itu mereka takut kepada bayang-bayang yang mereka cipta.

Misalnya kita lihat mutakhir ini, pihak Barat, terutama pihak Amerika, British dan juga Perancis mengusahakan bersama-sama dengan Israel untuk menyelesaikan satu perdamaian dengan PLO. Apa yang kami kesalkan, kami melihat pihak Malaysia menyokong begitu cepat usaha ini. Pada hal, kalau kita membaca majalah-majalah yang pro-Amerika, sama ada *Times*, *Newsweek* ataupun kita pergi mengkaji sendiri, kita dapati bahawa perdamaian ini adalah satu tipu helah yang besar, terutama sekali untuk menyekat kemenangan Islam di bumi Palestine.

Ada 4 sebab utama yang digariskan oleh Majalah *Times* dan lain-lain majalah kenapa perdamaian itu perlu dan pihak Malaysia mesti berhati-hati dalam mengambil sikap. Misalnya, sebab yang pertama diletakkan, iaitu PLO sekarang semakin tidak popular kerana berlakunya kebangkitan Islam yang dipelopori oleh Hamas. Oleh itu, di Tebing Barat ataupun di negeri-negeri atau kawasan-kawasan yang dikuasi oleh Israel, kita lihat gerakan Islam Hamaslah yang menguasai keadaan. 420 orang yang dibuang ke padang pasir itu adalah orang-orang Hamas dan mereka ini mampu melancarkan mogok satu hari, dua hari atau tiga hari dan Hamas semakin mendapat tempat; PLO semakin tidak dihormati lagi di bumi Palestine.

Sebab yang kedua, menurut analisa Amerika bahawa tentera-tentera Israel menghadapi kanser psikologi, iaitu mereka menghadapi serangan balingan batu daripada kanak-kanak. Kanak-kanak yang berumur daripada 6 tahun hingga 15 tahun melancarkan serangan terhadap tentera-tentera Israel dengan balingan batu. Tentera Israel yang dilatih begitu hebat, sehingga ada pihak Barat mengatakan seorang tentera Israel disamakan dengan seorang Kapten di pihak tentera Arab. Private tentera Israel sama dengan Kapten di pihak tentera Arab. Tetapi bila mereka berhadapan dengan kanak-kanak yang membaling batu, akhirnya mereka menghadapi satu penyakit kanser psikologi yang amat dahsyat kerana yang melawan mereka adalah budak-budak.

Yang ketiga, kemunculan Hisbullah di Lubnan dengan kekuatan 10,000 orang yang lengkap dengan senjata dan keimanan kepada mereka mampu membuat perang terbuka (open war) terhadap Israel. Maka Israel melihat mereka mambaca Al-Quran, mereka

tahu golongan yang cintakan Allah, golongan yang berperang kepada Al-Quran ini, kalau mereka terus berdegil, lambat-laun mereka akan ditewaskan oleh kumpulan Hisbullah dan kumpulan jihad Islam.

Yang keempat, runtuhnya Rusia—pembekal utama senjata dan moral kepada PLO.

Di atas 4 sebab itulah, maka pandangan Israel eloklah berdamai dengan PLO kerana PLO ini dasarnya sekular. Pernah ditanya oleh wartawan, “Kalau kamu membentuk negara, apa negara yang akan kamu buat?” Katanya, “Negara sekular, berdasarkan sosialis.” Oleh itu, pemimpin PLO termasuk Simon Peres ketika berucap di Tokyo, beliau mengatakan, “Kami rela mengiktiraf PLO kerana PLO dianggap less evil dibandingkan dengan kebangkitan Islam yang berlaku di Timur Tengah itu.”

Sebab itulah kita lihat, apa yang berlaku yang disebutkan tadi akan berlaku di Algeria, apa yang berlaku di Palestine ini, kita lihat yang mereka takut, yang mereka berhadapan ialah dengan kebangkitan Islam. Tiba-tiba Malaysia yang dianggap juara dalam Islam ini cepat-cepat menyokong perjanjian damai ini, sedangkan perdamaian itu ialah untuk menyekat kebangkitan Islam yang berlaku di Timur Tengah. Oleh itu kita harap Kementerian Luar membuat kajian yang lebih mendalam sebelum sesuatu sokongan hendak dibuat, sebab kadangkalanya sokongan kita itu kita cuba menghalang kebangkitan Islam yang sedang berlaku di tempat itu.

Maka sekarang kita lihat Hamas tidak mengiktiraf, Hisbullah tidak mengiktiraf, jihad Islam tidak mengiktiraf dan Badan-badan Islam termasuk negara Sudan dan Iran begitu

keras menentang perjanjian damai tersebut dan kita juga tidak mahu Malaysia satu hari terperangkap dalam kemelut ini dengan menyokong apa yang diusahakan oleh pihak Barat untuk menghalang kebangkitan Islam yang berlaku di Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah 'genocide', masalah pembunuhan beramai-ramai untuk menghapuskan sesuatu kaum atau sesuatu agama, memang Barat telah melakukannya banyak kali. Di antara yang paling dahsyat sekali mereka lakukan ialah pada tahun 1492, di mana Negeri Islam Andalusia yang sekarang ini bernama Sepanyol mereka tawan dan mereka bunuh semua orang Islam dan dipaksa murtad. Mereka yang masih memegang kuat pegangan agamanya dipaksa murtad dan yang masih longgar pegangan agama pun dipaksa murtad; yang kuat pegangan agama dibunuh. Mereka yang sempat lari terpaksa melarikan diri ke negeri-negeri lain.

Maka pada tahun 1492 di Sepanyol yang dianggap negeri merdeka ketika itu, sebenarnya mereka telah pun berjaya membunuh umat Islam dan melakukan ethnic cleansing dan 'genocide' yang begitu dahsyat. Itu yang berlaku di Sepanyol kira-kira 501 tahun dahulu. Sekarang ini, perkara yang sama mereka cuba lakukan di Bosnia-Herzegovina. Kita agak di zaman ini, kalau mereka berjaya lakukan, sudah tentulah amat memalukan umat Islam kerana apa yang mereka lakukan sekarang sama dengan yang berlaku di zaman kebangkitan Islam tahun 1492, di zaman keruntuhan tamadun Islam waktu itu akibat lekanya pemerintah Islam mentadbir negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sikap negara OIC juga perlu ditegur. Negara-negara Arab, terutama sekali adalah pembeli

senjata yang utama di dunia. Kalau kita membaca dalam majalah-majalah ataupun kita mendapat maklumat-maklumat, negeri-negeri utama yang membelis senjata ialah Negeri Arab Saudi dan negeri-negeri Teluk. Tetapi kalau kita bertanya, ke mana senjata itu dibawa? Apa tujuan senjata itu dan di mana digunakan? Kita melihat dalam negara dunia Islam, senjata-senjata digunakan oleh Kerajaan-kerajaan adalah untuk menghadapi kebangkitan Islam di negara mereka masing-masing.

Bahkan kita lihat sekarang ini, negara-negara OIC sendiri sanggup mengikut telunjuk Amerika bila Sudan, Iran dan Pakistan disenaraihitamkan oleh Amerika. Negara-negara OIC juga di antaranya turut memberi pandangan yang sama, iaitu bersetuju dengan Amerika untuk menyenaraihitamkan Sudan, Iran dan juga Pakistan. Mungkin Malaysia, kalau lebih lantang dalam penyuaran mereka untuk membelah asas manusia, Malaysia juga satu hari akan disenaraikan sebagai sebuah negeri yang 'hitam'.

Ahli-ahli Parlimen yang dihormati sekalian, kita lihat bagaimana sikap setengah-setengah pemimpin umat Islam. Dalam kempen-kempen pilihanraya mereka sanggup mengatakan, "Kalau kami menang, kami akan keluarkan negeri kami daripada senaraihitam Amerika." Misalnya Benazir Bhutto dalam kempennya menyebut, "Bahawa kalau beliau dapat menjadi Perdana Menteri, beliau akan mengeluarkan Pakistan daripada negeri yang disenaraihitamkan oleh Amerika." Kenapa? Kenapa Pakistan disenaraihitamkan? Sebab Amerika tahu bahawa Pakistan di antara negeri yang aktif membantu Mujahidin dan membantu pejuang-pejuang Kashmir, untuk membebaskan bumi mereka yang

mengikut Bangsa-bangsa Bersatu mereka berhak menentukan nasib mereka mengikut pilihanraya ataupun referendum.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pejuang-pejuang Islam, kita lihat bila berlaku, apabila Rusia melanggar Afghanistan, di mana ramai pejuang-pejuang Islam pergi ke Afghanistan untuk membantu saudara mereka melawan Rusia. Negara-negara Arab terutama sekali sanggup mendiamkan diri bila ada rakyat mereka sanggup pergi sebagai sukarelawan untuk melawan Rusia. Tetapi apa berlaku selepasnya bila perang itu tamat? Mujahidin-mujahidin ini yang telah berjuang melawan Rusia apabila balik ke negara mereka masing-masing menjadi mangsa di negara mereka, sehingga di Mesir, di Algeria, di Jordan, di Tunisia; barang siapa yang balik daripada Afghanistan yang berperang di pihak Mujahidin, mereka sampai sahaja di airport akan ditangkap dan dipenjarakan. Tidak terkecuali juga di Malaysia, mereka yang berjuang di pihak Mujahidin, balik ke sini diburu oleh pihak Special Branch dan dibawa ke Kem Kemunting. Ini satu perkara yang perlu dikaji semula kalau kita mahu lihat adanya sukarelawan-sukarelawan pergi membantu bila umat Islam ditindas di sesuatu tempat, kerana sikap negara OIC itu sendiri terhadap Mujahidin ataupun terhadap orang-orang yang mengerti ataupun yang tahu bermain senjata bila berada di dalam negeri mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Haji Mohamed bin Sabu: Dua minit, tiga minit lagi. Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengucapkan tahniah kepada pemimpin-pemimpin ASEAN terutama sekali dalam penyelesaian mereka mengenai masalah Cambodia. Walaupun negara-negara ASEAN ini tidaklah kaya, tidaklah hebat, tidaklah dipanggil juara membela demokrasi

tetapi negara-negara ASEAN lebih berjaya menyelesaikan masalah Kampuchea walaupun tidak selesai dengan sepenuhnya tetapi kita lihat masalah Cambodia lebih baik diselesaikan oleh negara-negara ASEAN ini kalau dibandingkan dengan apa yang diselesaikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Buat akhirnya saya ingin menyentuh iaitu lahirnya pemimpin-pemimpin dunia terutama sekali dunia Islam. Kita jangan cepat termakan puji, sebab kadangkalanya bila Barat puji, kita melenting. Bila Barat menkritik kita rasa terhina. Misalnya, pemimpin-pemimpin yang dipuji mutakhir ini, dalam zaman dikatakan zaman kebangkitan Islam ataupun di zaman sepuluh, dua puluh tahun sebelum ini, orang seperti Anwar Sadat dipuji oleh Barat, orang-orang seperti Shah Iran dan Kamal Atartuk, tetapi orang tahu siapa mereka itu. Dan sekarang ini saya memberi ingatan, yang paling dipuji oleh Barat sekarang ini ialah Menteri Kewangan Malaysia. Margaret Thatcher datang khas untuk memuji Menteri Kewangan Malaysia. Kongres Amerika memuji beliau. Dan saya amat berhati-hati dan mengambil prihatin, kenapa orang seperti ini dipuji oleh Barat dan kami mengikut setiap detik dan setiap langkah, siapa Menteri Kewangan yang disanjung oleh Barat sekarang ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Usul atas nama Perdana Menteri sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini selesai dibahaskan dan diputuskan, dan selepas dari itu Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Perpaduan Masyarakat yang berbunyi:

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Usul atas nama Perdana Menteri sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini selesai dibahaskan dan diputuskan, dan selepas dari itu Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 21, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Usul atas nama Perdana Menteri sebagaimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini selesai dibahaskan dan diputuskan, dan selepas dari itu Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok.

USUL

KEDAULATAN DAN HAK ASASI MANUSIA-“GENOCIDE” DAN “ETHNIC CLEANSING” DI BOSNIA-HERZEGOVINA

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

6.25 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kerana sudi menyambungkan masa berbahas, kalau tidak Batang Lupar tidak berbunyi.

Saya menyokong Usul yang dibawa oleh Perdana Menteri ke Dewan ini dan Usul ini memang tepat pada masanya. Bagi Ahli Dewan ini adalah belum mencukupi pada saya kalau tidak terlibat sama untuk membahaskan Usul yang sebegini penting dan Usul yang begini sepatutnya sudah lama dibahaskan di Dewan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, agenda-agenda yang penting pada masa ini yang dibincangkan di pihak Barat ialah soalan-soalan demokrasi, human rights dan environment. Pihak Barat memang cepat melihat. Kalau anjing mati terbunuh di Malaysia, dia katakan orang Malaysia tidak mengikut human rights kerana membunuh anjing. Tetapi kalau seorang mati dibunuh di Bronx, di Manhattan ataupun di mana-mana tempat di Amerika, mereka kata ini bukan infringement of human rights.

Saya pernah melihat pada satu ketika dahulu, pada tahun 80an, seorang anak Negro melontarkan “core apple” dan terkena kepada anjing dan tuan punya anjing membunuh budak itu dan tuan punya anjing itu ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara hanya setahun enam bulan. Kerana pada hakikatnya anak

Negro ini tidak begitu penting. Anjing lebih penting. Ini adalah pandangan pihak Barat.

Apabila Iraq menakluki Kuwait, dengan seberapa cepatnya pihak Amerika assemble satu angkatan tentera yang begitu besar dan canggih sekali pernah dilihat yang boleh menakluki mana-mana negara di dunia ini. Selepas mereka mengeluarkan Iraq daripada Kuwait sebagaimana diusulkan di PBB, yang mana Usul itu kita sokongkan. Setakat itu sahaja. Untuk mengeluarkan Iraq daripada Kuwait. Tetapi pihak Amerika dengan begitu ghairah sekali menghantar lagi tentera udara mengebom Iraq, membinasa dan membunuh orang Iraq.

Apabila pihak Amerika mengesyaki rakyat Libya terlibat dengan pembunuhan dan pengeboman kapal terbang Pan-Am (Flight 103), mereka mengesyorkan di PBB agar sekatan ke atas Libya dari segi perdagangan dan sebagainya dibuat hingga rakyat Libya menerima penderitaan sebagai di Iraq juga. Apabila kita pandang bagaimana hampir setengah abad masalah Palestin berlaku, dan pihak Israel dengan tidak segan-silu dengan bantuan Amerika menyebelahi pihak Israel. Walaupun ramai rakyat Palestin yang mati dan luka tetapi masih juga pihak Israel yang betul. Daripada bentuk itu, dalam penilaian human rights sebagaimana rakan kita telah sebutkan tadi, Malaysia belum ada pun membunuh orang seperti yang berlaku di Israel, tetapi Malaysia masih di bawah Israel. Israel masih di sebelah atas, lebih baik lagi situasi human rights Israel daripada Malaysia.

Semasa peperangan Teluk, opsiyen yang terakhir dibuat oleh Amerika ialah untuk menggunakan senjata nuklear. Tetapi pada masa itu juga mereka percaya yang Iraq berkemampuan untuk

mengeluarkan senjata itu. Walaupun kalah pihak Iraq tidak menggunakan senjata nuklear. Tetapi kenapakah bila untuk memeriksa dan menjaga kuasa senjata nuklear Iraq, pihak Amerika dengan begitu kuat sekali mendorong pihak PBB agar pihak Iraq tunduk kepada kehendak mereka. Bahkan mereka sendiri yang lebih ghairah untuk menggunakan opsiyen menggunakan senjata nuklear, tetapi Iraq walaupun kalah tidak menggunakan senjata nuklear.

Jadi dalam keadaan yang demikian telah nyata sekali kepada kita, sebagaimana rakan-rakan kita telah sebut tadi pihak PBB pada masa sekarang belum lagi mempunyai satu pendirian dan keupayaan moral. PBB tidak lagi mempunyai pendirian moral yang boleh dicontohi kerana mereka adalah terbandung oleh pihak-pihak Barat yang mana pendapat, konsep dan dasar mereka adalah untuk kepentingan mereka sendiri.

Bahkan pada satu ketika dulu, negara kita Malaysia pernah dicaci oleh kerana keadilan di negara ini adalah tidak baik. Bahkan saya sendiri pernah ke Australia, pernah dicaci di hadapan saya sendiri yang keadaan justice di Malaysia ini adalah tidak baik. Salah satu daripada sebabnya ialah rakyat Malaysia itu sendiri. Kalau keluar negara, kalau tidak puas hati dengan keadaan di negara ini, pergi ke luar negara memperjuangkan atas nama human rights, dengan dasar demokrasi, pergi ke negara-negara lain untuk membuat subversif dan fitnah kepada negara ini. Jadi suara-suara itu telah dipergunakan oleh pihak Barat untuk mencaci negara ini. Dengan dasar yang sedemikian, adalah pihak kita masih boleh berpegang kepada penderian dasar-dasar dan pendapat mereka terutama sekali dikonsep-konsep demokrasi, konsep-konsep human rights.

Orang Penan di Sarawak bukan diusir, bukan dibunuh, bukan diapa-apakan, tetapi di sana-sini kita melihat persebaran yang buruk terhadap negeri ini bukan sahaja Sarawak tetapi Malaysia keseluruhannya. Tetapi keadaan di negara lain terlebih lagi sebagaimana yang kita telah sebutkan, tidak payahlah saya ulang-ulangkan. Apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina yang mana pembunuhan, yang mana perogolan wanita digunakan sebagai senjata di Bosnia-Herzegovina. Siapa yang tidak dibunuh, dirogol. Anak-anak yang berumur enam tahun dirogol sampai mati di hadapan ibu dan bapa mereka.

Tetapi ini bukan infringement of human rights pada pendapat mereka. Kalau inilah infringement of human rights, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali pihak Amerika, British dan Perancis patut mengambil tindakan yang wajar dan positif. Inikan pula pihak Britain, sebagaimana yang telah dipersebutkan tadi, ternyata sekali bukan hendak menolong bahkan telah menghalang tindakan-tindakan yang patut diambil untuk memberi pertolongan seterusnya mengebom dan menyerang pihak Serb tetapi juga menghalang pihak Bosnia mendapat senjata daripada masyarakat antarabangsa. Inilah konsep human right ala Britain dan Perancis.

Dengan itu, saya menyokong rakan saya dari Kok Lan tadi yang menyebut kita patut mengkaji semula perhubungan kita dengan pihak Britain. Kita sepatutnya tidak teragak-agak sama ada memotong kontrak-kontrak yang kita telah berikan kepada mereka tetapi mengkaji semula perhubungan-perhubungan kita dengan mereka, bukan sahaja dari segi perdagangan tetapi juga dari segi segalanya. Pihak Britain adalah pihak yang begitu lantang

sekali menentang tindakan-tindakan dan usaha-usaha kita untuk memberi peluang kepada pihak Bosnia-Herzegovina untuk mempertahankan diri dan menegakkan keadilan di negara mereka sendiri.

Saya baru balik dari United Nations dan dalam perbincangan Third Committee of United Nations yang mana perbincangan berhubung human rights telah banyak diperbincangkan. Tiada sebuah negara pun dari negara Barat menyebut nama Bosnia-Herzegovina. Kalau ada pun dibangkitkan perkara berhubung dengan Bosnia-Herzegovina, mereka sebutkan jajahan-jajahan Yugoslav nampaknya mereka enggan menyebut nama Bosnia-Herzegovina, seolah-olah Bosnia-Herzegovina tidak wujud langsung. Bosnia-Herzegovina itu tidak diiktiraf oleh pihak-pihak antarabangsa dan Bosnia-Herzegovina bukan satu negara yang patut diiktirafkan. Maka itulah mereka mengatakan peperangan di Bosnia-Herzegovina bukan peperangan di antara Serb dan Bosnia tetapi adalah peperangan sivil di antara masyarakat di negara itu sendiri.

Dengan keadaan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita pihak Malaysia pernah menyebut dalam statement saya sendiri yang dikeluarkan pada dua minggu yang lepas dan salinannya saya hantar kepada press di Malaysia tetapi yang menyedihkan pihak press kita tidak keluaran satu perkataan pun yang saya sebutkan dalam statement sepanjang 5 muka surat. Itu menunjukkan pihak akhbar-akhbar (press) kita tidak peka dengan keadaan di luar negara. Mereka lebih suka mengeluarkan cerita-cerita pelakon, penyanyi, penyair dan sebagainya. Tetapi soalan yang penting sebegini, satu perkataan pun tidak dikeluarkan. Inilah yang menyedihkan.

Dalam masa yang sama, pihak Serb sekarang telah melancarkan satu publisiti untuk menentang publisiti yang mengatakan mereka membunuh orang Islam di Bosnia-Herzegovina. Mereka menjemput profesor-profesor yang rela memberi pertolongan kepada mereka untuk membuat satu penyiaran menerusi televisyen di Amerika, mengatakan yang pembunuhan itu adalah dibuat oleh pihak Bosnia-Herzegovina untuk menfitnahkan pihak Serb. Ini disiarkan dengan sebegitu luas tetapi kita di sini tidak membuat banyak sibaran-sibaran yang lantang untuk menerangkan kedudukan yang sebenarnya.

Kalau penyiaran Serb ini dibuat berterusan kerana Serb dengan bantuan daripada pihak-pihak yang maju, pihak-pihak yang kaya dan berwang, yang boleh membeli masa (time) di dalam satu televisyen channel di Amerika, dengan sendirinya maklumat-maklumat yang disiarkan oleh pihak Serb ini nanti akan diterima juga oleh masyarakat keseluruhannya. Mungkin kita sendiri juga akan menerima siaran yang sebegini apabila kita sampai ke sana nanti. Kerana ditunjukkan pihak profesor dan lecturer dari universiti yang mengatakan pembunuhan itu adalah dilakukan oleh pihak Bosnia-Herzegovina dan dilakukan oleh pihak lain ke atas pihak Croat ataupun Serb dan bukan Serb kepada mereka ini.

Jadi, dengan itu saya mendorong agar penyiaran awam pihak elektronik dan pencetak hendaklah peka dan mengambil tindakan yang wajar. Tunjuk tindakan yang positif agar khabaran-khabaran yang positif, khabaran-khabaran yang benar disebarkan dengan seluas-luasnya agar kita tidak kalah dari segi maklumat kerana kebanyakan pendapat dan pandangan daripada apa yang disebarkan oleh pihak Barat di

negara kita ini, juga di negara Barat adalah hasil pengiraan yang dibentuk oleh mereka sendiri dan dikeluarkan dengan begitu luas tetapi kita tidak ada cara untuk menentang dan menangkis khabaran yang mereka buat sedemikian.

Jadi, dengan sendirinya pendapat dan pandangan mereka itu diterima oleh pihak ramai. Jadi, yang terbunuh sebenarnya yang salah, yang membunuh itu jadi yang betul. Jadi, saya berharap, terutamanya perbincangan kita hari ini, sepatutnya janganlah dibuat dalam ruangan kecil, satu-dua paragraphs sahaja dikeluarkan perbincangan mengenai sokongan kita kepada pihak Bosnia-Herzegovina.

Saya juga ingin menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan PBB dan OIC. Pihak PBB sepatutnya lebih positif lagi dan begitu juga pihak OIC. Pihak negeri-negeri Arab selama perbincangan tiga minggu yang saya hadiri di United Nations, kurang sekali negara Arab yang mengeluarkan suara untuk mencaci pihak Bosnia-Herzegovina walaupun pihak Malaysia begitu kuat dan lantang sekali. Sokongannya adalah sangat tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan The Committee of Human Rights, banyak pihak negara-negara di dunia ini tertekan oleh pihak maju di negara Barat oleh kerana keadaan ekonomi di negara-negara mereka sendiri. Mereka kena "black-mailed", mereka kena tekan dan ada kemungkinan disebabkan itulah mereka tidak boleh bercakap dengan begitu lantang dan begitu berani mengenai soal human rights walaupun pihak Malaysia, negara yang sekecil ini, mengambil tindakan wajar untuk mengetuai agar kita tidak mengikut arus pendapat pihak Barat. Banyak tekanan yang dibuat,

terutama sekali negeri macam Hungary dan Austria kepada pihak Malaysia agar kita menerima sahaja dasar-dasar dan penentuan-penentuan yang dibuat oleh pihak Barat berasaskan human rights. Tetapi mereka sendiri tidak boleh memberi lecture kepada kita oleh kerana mereka kurang prihatin kepada keadaan-keadaan yang ada. Bahkan mereka, sebagaimana yang saya sebut di Bosnia-Herzegovina telah membiarkan masyarakat di situ dibunuh begitu sahaja.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kecil lagi iaitu Lord Owen mengetuai satu rombongan untuk memecahkan negara Bosnia-Herzegovina kepada satu ethnic group. Ini juga tidak mendapat tentangan daripada pihak Barat bahkan mengikut apa yang didapati di PBB ada sebuah negara yang kecil, negara yang disebutkan Liechtenstein, telah membuat satu rumusan dalam PBB, mengatakan untuk mengatasi masalah dunia ini, kita mesti membahagikan negara itu mengikut ethnic boundary. Maknanya, dengan sendiri mengiktirafkan apa yang dibuat oleh Lord Owen dan usul Liechtenstein ini akan dibahaskan di General Assembly of United Nations tidak lama lagi.

Jadi, ini kita telah menentang. Dalam statement saya, saya sebutkan bahawa soalan ini patut tidak berlaku. Tetapi satu perkataan pun tidak keluar dalam surat khabar kita kerana saya percaya kalau usul ini diterima, tiap-tiap ethnic group boleh menerima satu daerah dia sendiri, independent within that boundary, Sarawak boleh dibahagikan kepada 36 bahagian kerana ada 36 ethnic groups. Jadi, soalan Liechtenstein hendak memecah mengikut apa yang dirumus oleh Lord Owen ini, adalah tidak wajar

dan tidak baik dan sepatutnya ditentang dengan habis-habisan sekali.

Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri akan memberi arahan yang padu lagi kepada pegawai-pegawai kita di luar negara agar menentang tindakan-tindakan Liechtenstein ini, walaupun pegawai-pegawai kita telah mengambil tindakan awal.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Telok Kemang.

6.41 ptg.

Dr. T. Marimuthu (Telok Kemang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang telah membentangkan usul.

Daripada ucapan dan usul Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, kita dapati betapa serius konflik di Bosnia-Herzegovina. Apa yang berlaku di negara itu tidak ada parallel dalam zaman moden dan bertamadun. Kita dengar perkataan seperti "ethnic cleansing" dan "genocide". Proses ethnic cleansing dan genocide tidak boleh diterima pada masa sekarang. Kita menggunakan perkataan-perkataan itu sebagai konsep-konsep sociological dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Tetapi dunia hairan bahawa ethnic cleansing dan genocide berlaku pada masa sekarang. Saya pun tidak begitu faham betapa negeri-negeri Barat seperti Amerika Syarikat, Britain dan Perancis mempunyai sikap atau polisi yang berlainan mengenai perkara Bosnia-

Herzegovina. Polisi mereka tidak konsisten dan adalah berbeza dengan tindakan yang telah diambil oleh mereka atas beberapa negara yang mengalami beberapa masalah seperti ini. Negara-negara seperti tersebut di atas adalah negara-negara yang sentiasa memperjuangkan perkara hak asasi manusia tetapi mereka menjalankan suatu polisi "berbisu". Sikap mereka terhadap Bosnia-Herzegovina membawa kita mempercayai bahawa mereka ada mempunyai satu agenda yang tersembunyi ataupun satu agenda yang hidden, bahkan muslihat ekonomik, sosial atau political interest di negara-negara itu.

Kita harus menyokong usul ini oleh kerana kita faham bahawa masyarakat negara Bosnia adalah masyarakat yang berbilang kaum. Kaum umat Islam adalah lebih sekular daripada umat Islam di negara-negara yang lain. Malaysia adalah satu negara yang telah berjaya sebagai masyarakat yang berbilang kaum. Oleh kerana itu, kita harus mempertahankan hak-hak penduduk Bosnia-Herzegovina supaya mereka boleh meneruskan kehidupan dan kedaulatan mereka sebagai suatu masyarakat yang berbilang kaum.

Kita juga difahamkan bahawa beribu-ribu orang telah dibunuh, dirogol dan dicerderakan dengan serius. Dalam dunia yang moden dan civilized ini, kita tidak boleh menutup mata kita atas keganasan dan kekejaman yang berlaku kepada penduduk-penduduk Bosnia-Herzegovina khususnya ke atas wanita dan kanak-kanak.

Saya menyokong cadangan membuka Lapangan Terbang Tuzla dan membebaskan Sarajevo supaya bantuan bekalan makanan dan perubatan boleh disampaikan kepada mangsa peperangan di Bosnia-Herzegovina.

Atas keperimanasian juga, kita harus sokong usul yang dibentangkan.

Malaysia telah berjuang mengenai perkara ini dan Malaysia berpendapat bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan kuasa-kuasa besar Barat, perlu mengenyepikan kepentingan mereka sama ada dari segi politik, ekonomi dan sebagainya kerana apa yang berlaku di Bosnia sebenarnya menuntut satu keadilan dan kemanusiaan yang tidak boleh dipertaruhkan dengan perkara-perkara yang lain.

Dengan itu, saya pohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jerai.

6.48 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Perdana Menteri yang dibentangkan dan seperti yang kita sedia maklum, 18 bulan telah berlalu dan dalam sejarah hidup kita, kita telah melihat satu peristiwa yang gelap. Walaupun perkara itu tidak berlaku di tanah air kita, tetapi sahabat dan saudara kita, seagama kita, telah menanggung penderitaan yang amat sangat, sehinggakan hanya mengharap sedikit negara-negara di dunia ini yang memberi simpati kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan orang-orang Serb ini saya ibaratkan sebagai "lebih daripada binatang" kerana binatang sendiri sayangkan nyawa. Binatang sendiri sayangkan kumpulan-kumpulan mereka sedangkan orang-orang Serb ini bertindak seperti yang kita dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, sengsara, seksaan

dan sebagai-bagainya yang telah diterima oleh orang-orang Islam di Bosnia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan agar Malaysia mendesak supaya Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu meletak jawatan kerana kegagalan beliau menyelesaikan masalah negara Bosnia ini. Walaupun kita tahu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu wujud, tetapi pada hari ini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah diibaratkan sebagai wayang kulit, sebagai satu lembaga yang dikontrol ataupun dikuasai oleh kuasa-kuasa besar yang tidak mempunyai perikemanusiaan yang menjadi kononnya pemerintah seluruh dunia ini. Amerika Syarikat, Britain dan Perancis adalah sebuah negara yang kononnya menolong negara-negara yang miskin, tetapi kita dapat lihat pada hari ini, mereka inilah pengkhianat kepada bangsa Islam, agama Islam, bukan setakat di Bosnia sahaja, tetapi di seluruh dunia Islam pada hari ini.

Di Somalia, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat kononnya tentera-tentera Amerika ke Somalia untuk menolong rakyat di Somalia, tetapi mereka di sana ialah untuk membunuh rakyat Islam di Somalia dan juga mengecil-ngecilkan tentera kita yang cuba menyelamatkan nyawa bangsa Amerika yang tidak mengenang budi ini. Walaupun mereka ini besar, mereka ingin menguasai dunia. Walaupun mereka ini besar, mereka menganggap bahawa negara-negara kecil ini boleh dibuli, boleh diperkecilkan, tetapi mereka kena ingat, kecil-kecil cili padi, kalau silap-silap sampai subuh tidak boleh tidur, jangan main-main dengan cili padi, kena buasir baru dia tahu.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini masyarakat ataupun umat Islam perlu bersatu. Kita hari ini dapat melihat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat melihat wajah-wajah orang-orang Bosnia yang datang di Bangunan Parlimen yang mulia ini. Walaupun mereka tidak faham apa yang kita cakap, kerana kita bercakap Bahasa Malaysia, mereka belum faham bahasa kita, tetapi dengan wajah yang mengharapakan pembelaan daripada negara kita, sebuah negara Islam, walaupun kecil kita sanggup menolong mereka. Walaupun sebuah negara kecil kita sanggup bersusah payah untuk membawa anak-anak yang tidak berdosa ini menumpang teduh di tanah air kita ini.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang berkali-kali melaungkan 'Tolong Bosnia, tolong Bosnia dan tolong Bosnia'.

Yang menjadi persoalannya pada hari ini ke mana perginya tok-tok Arab dengan jubah yang meleret-leret ini? Kekayaan yang Allah S.W.T. beri di negeri-negeri Arab ini sepatutnya digunakan bagi menolong saudara-saudara yang ditimpa kemalangan, saudara-saudara yang mengalami kesusahan. Tetapi kita dapat lihat berapa buah sahaja negara-negara Islam yang sanggup menolong sahabat dan saudaranya yang menanggung penderitaan dan kesusahan. Jadi, kita berdoa ke hadrat Allah S.W.T. supaya Tuhan akan melembutkan hati-hati tok-tok Arab ini, negara-negara Arab ini supaya mereka bersimpati dengan anak-anak yang diseksa, ibu-ibu yang menanggung penderitaan, rakyat Bosnia yang sudah kering air mata, meratap menangis dan hidup di dalam ketakutan setiap saat dan ketika.

Tuan Yang di-Pertua, apakah daya kita ini sebuah negara yang kecil. Walaupun semangat kita begitu meluap-luap, kadang-kadang apabila kita menonton televisyen dengan tidak disedari air mata kita menitik melihat nasib kaum seagama dengan kita menanggung penderitaan yang begitu amat sangat. Dan kita marah kepada negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Britain dan juga Peranchis.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menentang negara ini kerana mereka kuasa besar, tetapi saya mencadangkan setidak-tidaknya kita mulakan pada hari ini 'memboikot' barang-barang keluaran mereka ini, dengan tidak lagi melanggan dan memakai ataupun membeli barang-barang keluaran negara-negara ini. Biarpun kita tidak boleh mengatuk mereka, sekurang-kurangnya kita jentek telinga mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata negara-negara besar pada hari ini tidak berhati perut. Ternyata negara-negara besar pada hari ini dengan sewenang-wenangnya memijak negara-negara kecil, dan dengan ketegasan negara kita dan ketegasan pemimpin-pemimpin yang ada di tanah air kita ini, walaupun suara kita itu kecil, tetapi suara kita itu juga kedengaran di negara yang amat memerlukan bantuan daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu berwaspada juga di tanah air kita ini. Saya bersetuju amat sangat dengan pandangan daripada Yang Berhormat dari Parit Sulong, kerana kelantangan kita mungkin juga negara-negara yang besar ini akan mencari helah, akan mencari jalan supaya perpaduan yang wujud di tanah air kita ini dikucar-kacirkan, supaya kita juga akan mengalami keadaan seperti di Bosnia. Alhamdulillah, pada petang ini kita dapat dengar suara-suara dari pihak-

pihak Pembangkang menyokong usul kita ini. Ini menunjukkan bahawa keseluruhan rakyat Malaysia ini amat suka kepada perpaduan. Oleh yang demikian, kita mengucapkan terima kasihlah pada hari ini kepada Yang Berhormat dari DAP yang masih menunggu seorang lagi, yang menyokong usul ini, daripada pihak PAS juga yang menyokong Usul ini.

Marilah kita bersama-sama tidak kiralah keturunan apa kita ini, tetapi kita menentang penindasan masyarakat orang-orang kaya ini terhadap orang-orang yang miskin. Kadang-kadang apabila kita duduk dan terfikir Tuan Yang di-Pertua, betullah kata orang tua-tua 'kadang-kadang orang kaya tidak boleh menolong orang miskin', orang miskinlah yang sama-sama menolong orang yang miskin.

Sekarang ini kita dapat lihat Amerika sebuah negara yang kaya, Britain sebuah negara yang kaya yang kita harap akan menjadi 'papa' satu hari nanti dan keadaan ekonominya yang begitu susah pada hari ini dan juga Peranchis dengan keadaan politiknya yang kucar-kacir sedikit. Kita berdoa supaya mereka ini juga menanggung penderitaan lebih teruk daripada Bosnia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tidak dapat menyerang Amerika, orang-orang negeri-negeri Islam yang kecil ini tidak dapat menentang Amerika. Tetapi Allah S.W.T. Maha Kaya; di Amerika kita dapat lihat berapa kali sudah negara itu mengalami bah, hujan tidak berhenti, 'banjir', minta maaf 'banjir', beberapa kali berlaku, kerugian beratus-ratus juta ringgit, rakyat menanggung penderitaan juga. Ini kerana pemimpin-pemimpin mereka yang tidak 'reti' dan tidak mempunyai perasaan peri kemanusiaan, sedangkan kita kadang-kadang hendak langgar kucing atas jalan,

kita brek kereta, kereta kita masuk dalam parit tidak apa, kucing itu kita selamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, semut pun saya tidak beri mati, kalau kerangga tidak tahulah saya (*ketawa*) kalau semut biasa ini saya tidak ganggu dia. Inikan Amerika Syarikat, satu gergasi yang kononnya membela rakyat dunia ini, tetapi mempunyai perangai yang saya kira lebih teruk daripada iblis. Ini kerana pada hari ini mereka menyangkakan bahawa Yahudi telah menguasai dunia ini. Yahudi telah menguasai Amerika.

Pemimpin-pemimpin Amerika hari ini dikuasai di belakangnya oleh orang-orang Yahudi dan dengan tersendirinya kerana Amerika adalah sebuah kuasa negara besar, maka dengan tersendirinya Yahudi menguasai negara-negara dunia ini termasuk negara-negara Islam. Oleh yang demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri akan bercakap dengan lebih tegas, dengan lebih lantang. Walaupun kita tahu Menteri Luar Negeri ini lembut orangnya, tetapi kadang-kadang dia naik keras, itu, ha! Kita boleh tengoklah, dengan kerasnya menyuarakan supaya negara-negara Islam ini bersatu, negara-negara Islam ini bersatupadu, kumpulkan kekayaan-kekayaan yang ada ini untuk menolong negara sahabat kita, saudara kita, bukan sahaja kalau negara itu negara Islam, negara tidak Islam pun kalau kena dianiaya macam itu tanggungjawab kita untuk menolong. Kita tidak usah kira negara apa pun, kerana di dunia moden ini kita tidak boleh melihat seorang manusia itu bertindak lebih ganas daripada binatang buas di dalam hutan itu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya amat faham orang-orang Bosnia hari ini sedang memperjuangkan maruah mereka, mereka berada di dalam

keadaan antara hidup dan matinya negara Bosnia itu sendiri. Jadi, kita perlulah memberi apa jua pertolongan yang perlu, walaupun kita perlu mengutip sedikit-sebanyak daripada elaun kita, untuk kita salurkan kepada umat-umat Islam di Bosnia. Kita buatlah, kerana kadang-kadang kita bercakap 'pang-pang' bila 'depa' hulur kertas minta derma, kita 'melilau' ke lain, tang bersyarah cukup kuat, bila 'depa' suruh isi borang, macam-macam alasan kita bagi. Jadi, tidak bolehlah macam itu, kita kena ingat Allah S.W.T. akan menambah rezeki kita, kalau kita bermurah hati dan kalau kita menolong orang yang berjuang menegakkan agama, bangsa dan tanah airnya.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat Allah S.W.T. supaya Tuhan akan melindungi negara Bosnia, Insyallah, umat Islam di Bosnia itu akan berada di bawah lindungan Allah S.W.T. dan Insyallah, Tuhan akan memberi ganjaran kepada Malaysia, sungguhpun kita sebuah yang kecil, tetapi kita menyuarakan dan menentang kekejaman terhadap manusia yang berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata marilah kita sekali lagi bersama-sama dengan rakan-rakan kita, tidak kira apa juga keturunan dan agama yang ada di tanah air kita ini, bersatu di belakang Kerajaan pada hari ini dan kita teruskan perjuangan jihad kita untuk memastikan Bosnia menjadi sebuah negara yang berdaulat di satu hari nanti, insyallah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Arau. Selepas Arau berucap, Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

7.01 mlm.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Bosnia-Herzegovina ini. Dalam keadaan semua rakyat penuh dengan emosi (emotional) apabila mendengar berita-berita mengenai Bosnia, saya mengambil jalan tengah dalam hal ini iaitu jalan yang lebih kepada penyelesaian masalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terlupa, saya hendak mencadangkan kepada Menteri Luar Negeri supaya menambah dua perkara lagi dalam usul kita ini.

Yang pertama, kita meminta supaya PBB membenarkan negara-negara OIC menghantar Tentera-tentera Pengaman tambahan.

Kalau saya tidak silap, Iran tidak dibenarkan menghantar tentera. Kita minta supaya negara-negara OIC yang ingin secara sukarela untuk menghantar tentera dibenarkan mereka berbuat demikian.

Kedua, tindakan disiplin diambil kepada Tentera-tentera Pengaman termasuk Komandernya sendiri yang terlibat dalam kes-kes jenayah termasuk rogol dan sebagainya, sebagaimana yang telah dilapor di dalam akhbar-akhbar pada hari ini.

Sebenarnya, saya masukkan alasan ini adalah untuk menunjuk dan membuktikan bahawa kehadiran tentera Britain dan tentera Amerika sebenarnya adalah untuk menggalakkan lagi tentera Serbia dan penganas Serbia untuk terus mengganas. Kalau mereka tidak ada, mungkin keganasan tidak akan jadi seperti itu. Ini membuktikan bahawa mereka juga suka melihat orang merogol dan Komander mereka sendiri pun

merogol tiga orang. Dalam surat khabar menyatakan tiga orang.

Saya bernasib baik oleh sebab saya pernah melawat negara ini semasa ianya aman, iaitu dalam tahun 1979 sehinggakan saya jatuh cinta kepada negara ini dan saya telah memohon untuk belajar di sana. Masa itu saya belum kahwin lagi, all clear! Permohonan saya tidak diluluskan kerana Kerajaan Malaysia tiada hubungan diplomatik dengan negara tersebut. Selepas daripada itu saya pergi lagi ke sana, iaitu terdahulu daripada rombongan kita ini, tetapi saya tidak ceritakan oleh kerana masalah keselamatan. Saya pergi oleh kerana saya ada sedikit hubungan peribadi dengan negara itu. Saya pergi sampai ke Zagreb. Saya tidak mahu cerita apa-apa, tetapi jiwa saya cukup sedih dan memberontak. Kalau boleh, saya tidak hendak balik, malahan saya mahu jadi pejuang bersama-sama mereka. Sampai ke situlah tahapnya. Tetapi hari ini saya tidak mahu emosional, saya ambil jalan bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini.

Saya minta Bangsa-bangsa Bersatu membenarkan mana-mana negara OIC—tetapi tak payah sebut OIC, sebab kita tahu apabila sebut sahaja perkataan “Islam” akan timbul satu perasaan yang kurang enak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini ada dua agama yang ada sedikit tidak puas hati, iaitu Islam dan Kristian. Keluarnya agama-agama ini boleh dikatakan di tempat yang sama. Bagi agama Hindu dan agama Buddha tidak ada gangguan. Misalnya, kalau ada orang beragama Buddhist dengan Kristian di Bosnia, dia tidak ganggu, dia tidak kacau. Tetapi kalau Kristian sama Kristian pun mereka akan bergaduh. Kalau ada Protestants dengan Catholics mereka

mesti bergaduh, seperti di Ireland. Di sana orang-orang Islam pun kalau sesama Islam pun, dia bergaduh. Umpamanya, Iraq dengan Iran, mereka bergaduh. Dua agama ini ada sedikit keunikan oleh kerana mungkin munculnya di tempat yang sama. Dalam hal ini kita masukkan kedua-dua usul ini:

Pertama, tentera tambahan dibenarkan, terutamanya daripada negara OIC yang saya rasa pemikirannya lebih liberal. Bagi kita kalau merogol hukumnya bunuh. Mereka kalau rogol tidak payah bunuh.

Kedua, ini yang penting-tindakan disiplin hendaklah diambil terhadap Tentera-tentera Pengaman yang sekarang ini yang terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti jenayah, perogolan, dan pelacuran.

Pelacuran sekarang ini dijalankan dalam kereta-kereta kebal Tentera Bangsa-bangsa Bersatu. Ini telah dibuktikan, tetapi kita tidak sebutkan di sini. Ini kena sebut, "Bahawa Tentera-tentera Britain dan Amerika diminta ditarik balik". Sebenarnya, kalau tentera-tentera Britain dan Amerika ditarik balik, kemasukan senjata-senjata senang dibenarkan, tetapi kehadiran sebenarnya bukan hendak menolong-mereka tolong sedikit soal-soal kemanusiaan tetapi yang lain-lain itu mereka tahan supaya senjata tidak masuk. Seolah-olahnya kehadiran Britain, dia memegang tangan di belakang dan dia kata, "jangan tembak budak ini, kasihan, dia tidak makan sudah sepuluh hari, jangan tembak dia". Mereka pegang tangan orang-orang Islam Bosnia ke belakang dan dia kata, "jangan tembak, budak ini sudah 10 hari tidak makan, dia letih." Dia kata, "Kita tak usah tembak dia, kita potong dia sedikit-sedikit dekat sini". Lebih kurang begitulah kehadiran mereka.

Tentera-tentera Pengaman banyak yang lelaki dihantar ke sana, jadi dia tengok banyak orang yang merogol, dia tumpang rogol samalah. Inilah perbuatan tentera yang tidak berdisiplin ini. Saya tidak pasti bagaimana Great Britain menghantar tentera mereka. Tetapi saya pasti bahawa tentera yang dihantar adalah tentera yang tidak berdisiplin. Demikian juga tentera Amerika yang dihantar itu adalah tentera yang tidak berdisiplin. Itu sebab mereka mati ramai pada hal operasi di tempat yang sama. Umpamanya di Somalia, oleh kerana kita hendak menyelamatkan tentera Amerika, mati tentera kita seorang. Kalau tidak kita tiada apa-apa oleh kerana tentera kita cukup disiplin. Ataupun dibenarkan Malaysia menghantar tentera tambahan lagi 10,000 orang, dibiayai oleh OIC. Saya apabila hendak sebut 'tok Arab', saya naik meluat, rasa tak upaya, saya rasa cukup emosional dengan 'tok Arab'. Minta Allah perbetulkanlah jiwa mereka. Apa hendak jadi, saya pun tidak tahu. Sebab saya pernah pergi ke Iran, Uzbekistan mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Menteri Luar Negeri pun ada sama.

Bila saya tanya mereka, "dahulu awak boleh bergaduh dengan Iraq, kenapa sekarang tidak boleh pergi tolong?" "Oh! kita pun ada masalah dalaman". Sesama 'tok Arab' mereka boleh bergaduh! Dia boleh hukum bunuh Salman Rushdie, mengapa mereka tidak suruh rakyat mereka atau tentera mereka hukum bunuh kepada perogol-perogol di Bosnia sekarang? Mengapa mereka tidak buat begitu? Ini Salman Rushdie yang dikejar! Jadi, saya kata priority salah. Saya kata betul dekat Menteri Luar dia dengan Timbalan Menteri Luarnya saya kata, bahawa keutamaan mereka salah. Sebetulnya mereka hendak tangkap saya tetapi saya

ada immunity dan oleh sebab Perdana Menteri serta Menteri Luar ada di situ dan saya bercakap. Kalau mereka hendak tangkap saya dan saya duduk di belakang mereka, tentulah mereka kena dahulu. Saya lepas cakap habis-habisan, "keutamaan kamu salah. Kamu penakut!" Bila saya kata penakut, badan mereka bergoncang. "Penakut-coward", saya kata. Saya meradang betul. Mereka kata, mereka ada 60 orang sakit di Iran. Saya kata, "60 orang yang sakit? Di Malaysia kita yang beribu batu, kita ada 300-400 orang yang dihantar ke sana. Ini hanya 60 orang sakit di Iran." Saya kata, malu sahaja kepada Iran, sudahlah sembahyang sehari tiga kali dan kita sembahyang lima kali sehari. Orang PAS tidak ada? Mereka yang menyokong Syi'ah ini, mereka sembahyang sehari tiga kali sahaja, ya!

Okay, sekarang ini secara emosi tidak boleh menyelesaikan masalah, kita harus melihat daripada dua perspektif tentang Bosnia ini. Ini bukan ethnic cleansing, bukan Datuk. Bukan juga religious cleansing, bukan juga hendak menghapuskan agama—tidak. Dia lebih kepada ekonomik. Kita marilah ke Malaysia, cuba pandang. Kalau terjadilah tiba-tiba Kerajaan Pusat ini kelam-kabut, Kedah dengan Kelantan boleh bergaduh tidak? Boleh bergaduh! Dahulu pun kita perang juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jika baca sejarah, masa perang dahulu-dahulu, sama ada Siam dengan Kedah ataupun Kedah dengan Perak, dia lambung budak-budak kecil, dia pancung dengan pedang macam itu sahaja. Itu sebab Polis tidak mahu muncul, sebab Polis tahu kejamnya perang. Kita muncul bila ada keamanan. Kejamnya perang, saya baca itu, dia lambung budak-budak, dia pancung macam itu. Sekarang ini, benda yang sama ini berlaku kerana sebab orang Serbia ada dalam Bosnia. Jadi,

dia cemburu melihat kekukuhan ekonomi orang-orang Islam, dia menunggu masa sahaja. Sebab itulah, apa yang dibuat sekarang, dia seronok hancurkan bangunan. Mengapa setengah orang dia bunuh, kenapa setengah orang dia lepas macam itu sahaja? Ini bukan ethnic cleansing—tidak ada. Dia cuma hendak memastikan mereka menguasai persempadanan dan juga ekonomi. Dan juga sekarang ini di Eropah ini, bukan sahaja di Yugoslavia, di mana-mana dalam blok Russia sekarang, termasuk di Europe, kegelisahan sekarang adalah kegelisahan ekonomi. Di Georgia, di mana-mana akan berlaku—tidak lari. Di Russia sendiri akan meletup, itu sebab China dia cerdik, cepat-cepat dia buka pintu, cepat-cepat dia bangunkan negaranya. Dia selamat, kalau tidak dia pun meletup. Tetapi Russia akan meletup di tiap-tiap kawasan, sebab apabila orang gelisah, tidak ada kerja, tiba-tiba ada kerja boleh perang, dia pergi peranglah. Tentera yang tidak pergi perang, dia gelisah, dia pergi merompak. Tengok, macam tentera kita, banyak kes-kes, dia pergi bertumbuk. Tentera bertumbuk dengan Polis sebab kegelisahan itu ada. Ini kegelisahan tidak makan, tekanan dan sebagainya. Di akhirnya terjadilah benda-benda macam ini.

Jadi, pendekatan kita mesti ada dua. Satu, kekerasan; satu lagi dengan cara yang membolehkan penglibatan kita Malaysia, sebab sekarang Malaysia telah dikenali sebagai orang yang utama maju ke hadapan untuk kes Bosnia, Malaysia dan juga kalau boleh negara-negara OIC, ataupun mungkin negara-negara Asia Tenggara, pujuklah Pak Harto macam mana, saya rasa boleh dipujuk. Saya rasa dengan penglibatan dua, tiga negara lagi, kita boleh buat sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, kekerasan senang sahaja, sebab kalau kita hendak jaga manusia tidak payah, jadi kalau kita ingat orang-orang yang kita jumpa ini manusia, kita handle cara manusia. Tetapi, sekarang ini kita menghadapi orang yang separuh binatang. Bagaimana kita hendak bela binatang? 'Bubuh dalam sangkar' macam-macam. Ini pendekatan yang nampak kurang arif, tetapi itulah caranya. Kita jumpa orang yang dia tidak peduli, pengaman Bangsa-bangsa Bersatu, dia tidak kira siapa, selagi dia ada peluang. Sebab ini bukan dilakukan oleh tentera, tetapi oleh penganas. Saya percaya tentera Serbia sendiri tidak seganas penganas Serbia. Penganas Serbia ini orang yang bukan tentera, dia seronok. Mungkin gangster-gangster dahulu yang geram, dia pun masuk jadi penganas, jadi dia isytihar dia jadi tentera.

Jadi, kumpulan penganas dan tentera Serbia ini harus diasingkan. Jadi, pendekatan kita mesti pendekatan yang macam itu. Kalau pendekatan kita macam itu, jadi walaupun syarat-syarat Bangsa-bangsa Bersatu, kita mesti buat sesuatu supaya syarat-syarat itu diberi kelonggaran. Dan ini telah pun masuk dalam resolusi kita. Walau bagaimanapun, saya tidaklah kata Tentera Malaysia tolong supply senjata kepada orang Islam, saya tidaklah kata begitu. Tetapi, saya memang hendak katalah, tetapi saya tidak mahu kata yang itu. Lebih kurang macam itulah, supaya ada perimbangan yang membolehkan supaya mereka bukan hendak pergi perang setakat hendak mempertahankan diri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadang di sini, oleh kerana kita melihat perspektif yang ada sekarang ini pada pandangan saya bukan lagi walaupun saya tidak pergi menghadiri Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi saya hadir

ke negeri yang berkenaan, bukan etnik—sebab etnik macam mana? Shahidan dengan Othman Abdul—etnik apa? Sama! Mereka itu macam itulah. Sebab, dari segi sejarah, kita tahu orang Serbia, orang Croatia dan juga orang Bosnia ini, dia merupakan orang yang sama, cuma Shahidan, Othman Abdul duduk di negeri-negeri yang lain. Serbia dengan Croatia apabila Christian Orthodox masuk dan juga Christian Catholic masuk, mereka masuk, tetapi orang Bosnia tidak hendak. Bila Ottoman Turk masuk, dia masuk Islam, dia mudah masuk Islam. Jadi, ini menimbulkan kemarahan sejarah. Sejarah kena tengok di situ. Kemarahan sejarah, yang mereka ini tiba-tiba tidak hendak masuk Christian Orthodox terima masuk agama Islam di bawah Ottoman Turk.

Jadi, dia terbawa-bawa daripada Ottoman Turk di mana orang Bosnia mendapat perlindungan yang baik sampai ke Perang Dunia II, orang-orang Serb mendapat perlindungan, jadi dia bersambung daripada Perang Dunia II sampailah sekarang. Tetapi, semasa Tito, dia telah dapat menyatukan balik dan dengan sekali gus dia telah membuat pembangunan ekonomi yang berlainan, komunisnya berlainan daripada Russia. Sebab itulah Yugoslavia, dia agak maju sedikit, cantik negerinya, cantik orangnya. Saya hendak beritahu betapa negeri itu cantik. Jadi, apabila sesuatu negeri itu, macam di Malaysia sekarang, kita kena ingat, walaupun ekonomi kita melambung, dia akan timbul cemburu mencemburui. Tetapi kita bersyukur Alhamdulillah, melambungnya ekonomi, semua orang sama-sama kaya. DAP main syer, UMNO main syer, S.46 main syer, PAS main syer, jadi clear. Tetapi DAP main syer, UMNO tengok sahaja, dia tidak tahu main syer, cemburu ada.

Jadi, sekarang ekonomi kita sama-sama naik, jadi clear, tidak ada masalah. Tetapi, kalau mereka sahaja main syer, kita tengok sahaja dia buat making tonnes of money tiap-tiap hari, jadi kita pun naik geram.

Jadi, demikian juga yang berlaku di Yugoslavia. Dia melihat kemunculan orang-orang Islam Sarajevo yang menguasai ekonomi, menguasai kepakaran. Jadi, orang-orang Serbia ini kebanyakannya jadi orang yang macam kelas 2, jadi dia naik geram. Bila dia mendapat sokongan daripada Serbia, dia habis-habisan. Jadi, yang berlaku keganasan ini pada pandangan saya dibuat oleh lebih banyak penganas-penganas Serbia. Jadi, bagaimana kita hendak menghadapi penganas? Hendak menghadapi penganas pergi tepuk bahu? Minta maaf—sekejap ini kita mati. Jadi, tentera Malaysia mesti fikir dua kali. Saya ingat walaupun tentera Bangsa-bangsa Bersatu tidak dibenarkan membawa senjata, kita bukan berunding dengan tentera Serbia, dengan penganas Serbia. You pergi dahulu baru-baru ini, betul atau tidak saya kata? Dengan penganas, penganas you boleh tabikkah? Tidak ada! Dia bukan mengerti undang-undang ceasefire. Dia tidak tahu. Dia tidak belajar perkara itu pun. Malah hendak tembak ini pun baru dia belajar, sebab itulah kadang-kadang dia tembak, dia tembak member dia sendiri. Sebab apa, dia baru belajar menggunakan senjata. Sebab itulah, bila dia belajar main senjata, dia diajar untuk tembak target. Sekarang ini, dia kata, target susah, dia atur semua kanak-kanak dan wanita-dia pun main target. Dia seronok main senjata.

Jadi, ini penganas. Penganas mesti dilayan secara penganas. Saya kesal, sebab Amerika boleh pergi menangkap Noriega di Panama. Dia tidak boleh

menangkap kedua-dua orang ini, saya susah hendak menyebut nama mereka ini, tetapi saya baca satu artikel, Perdana Menteri kata, kalau dia jumpa orang ini, dia hendak ludah di muka. Kalau Dr. Mahathir ludah, saya lagi hebatlah. Kalau Dr. Mahathir buat sedikit-sedikit, kita lagi actkan? Dr. Mahathir kata, 'ha' sahaja, kita 'pap' penumbuk sampai dah. Tentera Amerika boleh menangkap General Noriega di Panama tetapi dia tidak boleh menangkap Presiden Serbia dengan Perdana Menteri penganas Serbia ini, dia tidak boleh apa, mereka yang berdua orang. Yang dua-dua orang inilah, kalau boleh kita cadang kepada Iran atau kepada Malaysia, kita hukum bunuh mereka di sini.

Iran patut hukum bunuh kedua-dua orang ini, bukan Salman Rushdie sahaja. Salman Rushdie tidak boleh menimbulkan perubahan aqidah orang Islam-tidak ada. Cuma orang bukan Islam nampak dia seronok, tidak ada apa. Tetapi, aqidah Islam tidak berubah. Ini yang patut dibuat. Datuk boleh beritahu kepada Duta Datuk Iran, beritahu kepada Iran macam itu. Ini yang patut dihukum bunuh. Iran juga boleh buat macam Amerika. Kalau Amerika boleh pergi menangkap Noriega, Iran gunakan apa yang dia mengerti, pergi tangkap dua orang itu-tentulah boleh. Atapun tentera Malaysia, tidak tahulah Tentera Malaysia, kalau saya jadi General sekarang, saya tahulah macam mana hendak buat kerja. Saya tangkap dua orang itu ataupun Libya.

Ini semua negara mengarut sahaja. Sebab itu, kalau saya ada jemputan daripada Embassy mereka, saya tidak pergi-merunsingkan perasaan, merugikan masa bila bercakap dengan orang yang tidak erti bahasa. Bukan sahaja orang Amerika atau orang Britain, tetapi sesama Tok Arab ini pun

pening kepala. Kalau hendak buat, buat. Orang di sana terus menderita, kita berunding sana dan sini. Kita bersyukur dan tahniah kepada Dr. Mahathir dan Kerajaan Malaysia, tetapi itu tidak cukup, kita hantar lebih lagi. Sekarang ini dia sudah melarat ke semua kawasan dan tempat yang kita pergi inipun adalah tempat yang merbahaya. Kita berdoa semoga tentera kita di sana dapat menjalankan kerja di tempat yang begitu merbahaya. Sebab, walaupun kawasan ini sebuah kawasan yang multi-racial kerana di kawasan ini cukup banyak terdapat perkahwinan campuran, tetapi walaupun terbanyak, berlaku juga pergaduhan. Jadi, saya hendak minta supaya kita semua menyokong Usul ini pada hari ini, termasuk PAS dan DAP turut menyokong, kita rasa bersyukur. Ada dua bil yang semua orang akan menyokong 100%, pertama mengenai elaun dan yang kedua, Bil ini—clear.

Baru-baru ini Dato' Seri Najib telah melancarkan Tabung Angkatan Tentera di mana Renong memberi RM100,000. Sekarang ini kita meminta supaya semua rakyat Malaysia menyokong Tabung ini, sebab tentera kita yang pergi ini tidak tahu apa yang akan terjadi dan saya percaya mereka tidak boleh duduk sekejap, mesti lama. Backbencher tidak ada duit, tetapi setakat RM1,000 boleh diberi sebagai token. Jadi, saya hendak dengar DAP beri banyak mana kepada tabung ini, sebab kita mahu tentera kita yang pergi ke sana mesti terjamin keluarga mereka dan mereka akan menentukan keadaan mereka. Mereka bukan pergi berperang. Tetapi kalau pergi ke sana hendak jumpa pengganas, maknanya serupa dengan pergi berperang jugalah. Susah cerita, hendak berunding dengan pengganas—minta maaf. Kalau hendak berunding dengan DAP tidak apa, DAP macam manapun untuk perkara ini okaylah, mereka boleh

dirunding. Mereka belum menjadi pengganas lagi, tetapi kalau sudah menjadi pengganas, dia kena [*ketawa*].

Jadi, kita minta supaya Tabung ini disokong untuk membolehkan kita sama-sama bersedia untuk memberikan sokongan. Saya juga bersetuju kalau ada kawan-kawan di sini yang hendak pergi melawat dari masa ke semasa, tetapi kalau hendak pergi melawat, bawalah bantuan seberapa yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya tertarik hati dengan perkara ini, tetapi sudah dua, tiga kali saya cari jalan mengenai sukarelawan (Red-Cross). Dahulu yang menjadi sukarelawan ialah orang dari Amerika. Amerika menghantar orang datang ke sini untuk menjadi sukarelawan dan mereka dibayar gaji sebanyak RM400 dan sebagainya. Sekarang, Malaysia sudah mampu. Kita mampu memberi bantuan kepada negara-negara ketiga. Sekarang ini saya hendak cadangkan, ini mungkin kepada Kementerian Luar Negeri, supaya ditubuhkan satu Pasukan Sukarelawan yang berbentuk Palang Merah. Masalah sekarang ini, oleh sebab Pasukan Palang Merah Antarabangsa sendiripun ada sukarelawan sendiri di tiap-tiap negeri. Perancis ada sukarelawannya sendiri yang dihantar untuk memberi bantuan di Somalia. Di samping Palang Merah, dia ada Pasukan Bantuan negerinya sendiri. Saya mencadangkan supaya Malaysia menubuhkan Pasukan Sukarelawan untuk bantuan kemanusiaan ini yang bukan tentera. Macam saya, saya hendak jadi orang yang pertama menjadi ahlinya. Saya sanggup bawa truck untuk membawa makanan, saya bukan ada ilmu kebal, tetapi daya ingat okaylah, boleh jalan. Yang Berhormat dari Kepong pun boleh menjadi ahli—dia bawa lori kecil cukuplah, lori besar kakinya tidak sampai.

Maksud saya ialah agar Kementerian Luar Negeri mencadangkan penubuhan serta-merta. Kalau hendak ditubuhkan sebelum 4hb lagi bagus, macam mana? Tubuhkan Pasukan Sukarelawan yang berbentuk Palang Merah Antarabangsa supaya kita juga boleh memberi khidmat dalam bentuk bantuan sokongan perubatan dan lain-lain lagi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, siapa yang membawa lori bantuan makanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu? Siapa dia? Adakah Palang Merah Antarabangsa? Siapa? Saya hendak tahu. Kalau boleh, kita masuk dalam Pasukan Sukarelawan itu sebab saya berpendapat, rakyat Malaysia tidak mengira Islam atau bukan Islam, mungkin oleh kerana percampuran kita, iaitu di antara China, India dan Melayu telah menyebabkan sifat toleransi rakyat Malaysia yang cukup tinggi. Tetapi kalau Melayu sama Melayu-agresif. Cina sama Cina—bergaduh. India sama India—pukul kepala, Tetapi kita bersama tiga kaum ini—clear. Sifat toleransi cukup tinggi.

Saya sudah bercerita dahulu dan saya hendak bercakap lagi dalam Parlimen ini iaitu saya jumpa pekerja-pekerja MAS, Pramugari dan Pramugara, mereka sendiri beri pandangan yang menceritakan bagaimana hubungan dan kemesraan yang wujud sebagai Malaysian. Toleransi cukup tinggi. Saya bertanya kepada dia dan dia kata, kalau semua orang Cina bekerja dalam kapal terbang ini nanti jadi lain. Kalau semua orang India, jadi lain. Kalau semua orang Melayu pun jadi lain. Oleh kerana ketiga-ketiga kaum ini ada, maka ia menjadi bagus. Kadang-kadang dia nampak orang putih yang mabuk, keras kepala, degil dan tidak hendak pindah tempat duduk—maka dia cakap Melayu, dia kata, “you ajar sama itu orang, jangan

beri makan”. Saya sendiri dengar. Saya kata, “ini sudah bagus” kerana semangat kekitaan itu ada. Jadi, Malaysia ini, tidak kira Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan boleh dimasukkan di bawah Pasukan Sukarelawan. Kerajaan diminta supaya mengambil daya usaha sahaja, selepas itu saya rasa ramailah yang ingin menjadi sukarelawan ini. Dan orang yang paling ramai hendak menjadi sukarelawan ini, saya dengar cerita, adalah orang PAS, orang UMNO pun ramai, orang DAP pun ramai dan Semangat 46 pun ramai.

Dari itu, Tuan Yang di-Pertua, sumbangan kita bukan sahaja dari segi untuk menjaga keamanan, tetapi bantuan kemanusiaan. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak mengambil tindakan dengan segera, masalah musim sejuk akan timbul. Saya pergi dahulu ialah pada musim sejuk yang lepas, musim sejuk hendak masuk musim bunga, iaitu pada bulan Januari/Februari dan sekarang hendak masuk semula, sudah setahun. Selepas persidangan Parlimen ini saya pasti hendak pergi semula dan sudah pasti ada perbezaan. Sekarang ini saya seronok pergi sebab Tentera Malaysia ada di sana. Kalau saya nampak mereka, saya kata “Oi, member datang ni”, jadi, sekurang-kurangnya adalah sedikit keselamatan kepada kita. Kita hendak sebut di sini bahawa kalau kita ada Pasukan Sukarelawan, kita bukan sahaja menghantarkan tentera pengaman, tetapi kita juga menghantar bantuan kemanusiaan. Kalau sekiranya orang awam terlibat, saya ingat elok kalau Malaysia turut sama terlibat. Saya percaya kalau tentera sahaja, dia tidak akan dibenarkan membawa lori, mesti orang awam yang bawa lori.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Resolusi ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia, kepada Perdana Menteri dan

kepada semua orang-orang di bawahnya kerana telah berjaya menunjukkan contoh dan permulaan usaha kita untuk mencari perdamaian di dunia. Kita hendak buktikan kepada dunia, kepada Amerika Syarikat dan kepada Great Britain yang menjadi pengaman dunia, sebenarnya bukan mereka tetapi adalah kita. Tidak perlu kecil atau besar untuk menjadi kuat. Orang yang dikatakan kuat itu tidak perlu orang besar atau orang kecil, yang penting ialah semangatnya. Kalau dia hendak jadi kuat, dia akan jadi kuat. Kalau hendak menjadi penakut, dia akan jadi penakut. Contohnya, Yahudi semasa Perang Dunia Kedua dahulu dia telah memilih untuk menjadi penakut, akhirnya dia telah dibunuh secara perlahan-lahan oleh Hitler seramai 6 juta orang.

Sekarang ini penduduk Yahudi ada 6 juta orang dan kalau dicampur sekarang ini sudah menjadi 10 juta orang, dia memilih untuk jadi berani, maka dia berani. Itu sebab dia boleh menguasai Tok Arab. Itu sahaja. Bangsa sekarang kalau hendak naik cukup mudah, siapa hendak jadi berani, dia berani; siapa hendak mati, dia boleh mati; siapa hendak jadi kaya, dia main syer dan lain-lain lagi. Makna kata, semuanya terpulang kepada hati. Hati Kerajaan Malaysia sekarang hendak jadi pengaman, di samping kita berdoa untuk menjadi terus kaya, kita boleh berbuat demikian. Janganlah kata kita hendak bawa kertas kerja sekali lagi, tidak perlu.

Saya minta pandangan dan pendirian Yang Berhormat Menteri. Dengan ini, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

7.29 mlm.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada 12 orang Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya yang telah mengambil bahagian membahas Usul atas nama Perdana Menteri mengenai isu Bosnia-Herzegovina ini. Dalam perbahasan itu terdapat juga soalan-soalan dan pandangan-pandangan yang membayangkan bahawa mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat belum begitu jelas lagi mengetahui apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkaitan dengan usaha-usaha kita untuk mencari perdamaian dan penyelesaian ke atas konflik di Bosnia-Herzegovina.

Tindakan yang telah kita ambil, bukan sahaja dalam bidang diplomatik tetapi juga dalam bidang inisiatif negara kita sendiri iaitu secara bersendirian, bukan secara kumpulan atau bersama dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita adalah sebuah negara yang pertama yang telah menarik balik Duta kita dari Belgrade dan kemudian kita telah memutuskan hubungan diplomatik dengan negara tersebut iaitu Serbia Montenegro dan dengan terputusnya hubungan diplomatik, kita juga telah mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara tersebut dan kita tidak ada lagi sebarang kegiatan ekonomi dengannya.

Inisiatif-inisiatif yang kita telah ambil adalah dengan cara pendekatan untuk mendapatkan sebanyak mungkin negara-negara dan organisasi antarabangsa bagi menyokong pendirian-pendirian untuk mengutuk kegiatan-kegiatan mangganas yang telah dilakukan oleh puak Serbia ke atas

Bosnia dan juga apa yang telah direstui oleh negara Serbia-Montenegro. Misalnya dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa OIC adalah menjadi satu-satunya medan gerakan diplomasi bagi kita di mana kita telah mendapat banyak cadangan dan kita dapat menjayakan beberapa kegiatan-kegiatan dan tindakan yang juga menunjukkan hasil.

Semenjak teretusnya isu Bosnia-Herzegovina ini, OIC telah mengadakan sebanyak empat kali persidangan pada peringkat Menteri. Yang pertamanya, telah diadakan pada Jun 1992 yang mana persidangan itu telah mengutuk pencerobohan Serbia dan mendesak peranan yang tegas daripada Bangsa-bangsa Bersatu. Saya tidak berhajat hendak membacakan resolusi walaupun ada bersama dengan saya, kerana ia panjang; tetapi persidangan yang pertama itu adalah untuk mengutuk kuat pencerobohan Serb dan mendesak peranan yang tegas dari Bangsa-bangsa Bersatu.

Sidang luar biasa telah diadakan pada bulan Disember 1992 di Jeddah. Sidang mendesak supaya arms-embargo ditarik-balik dan ini disusuli dengan satu tindakan yang telah diambil di New York iaitu satu Usul yang dibawa oleh negara Pakistan kerana negara Pakistan adalah Pengerusi bagi Sidang Menteri Luar OIC pada waktu ini dan Usul menarik-balik arms-embargo itu telah pun diusahakan. Walaupun ia tidak berjaya, tetapi ia menunjukkan bahawa ini adalah satu kesungguhan daripada negara-negara OIC. Negara Amerika menyokong tetapi negara-negara lain, terutamanya usaha-usaha besar yang lain dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu itu tidak sokong. Jadi, kita tidak dapatlah kelulusan sepertimana yang kita harapkan.

Sidang Menteri Luar OIC juga diadakan pada bulan April yang meluluskan Usul meminta PBB menarik-balik sekatan senjata ke atas Bosnia sekali lagi, dan meletak semua senjata berat pihak Serbia di bawah kawalan PBB, penubuhan War Crimes Tribunal-ini telah berjaya; dan menggunakan kekerasan sekiranya Serbia-Montenegro ingkar.

Mesyuarat khas sekali lagi diadakan di Islamabad. Ini adalah satu mesyuarat yang telah diadakan atas inisiatif dan permintaan dari kita dan dalam mesyuarat inilah, OIC buat kali pertamanya telah memutuskan untuk menghantar askar-askar dari negara OIC untuk berkhidmat di bawah UNPROFOR di Bosnia-Herzegovina dan hasil dari keputusan mesyuarat inilah maka kita menjadi negara yang pertama mengambil keputusan untuk menghantar 1,500 orang askar ke Bosnia-Herzegovina. Negara-negara lain yang telah bersetuju menghantar ialah Pakistan, Bangladesh, Iran dan Turki tetapi pada peringkat ini mereka masih lagi belum menghantar. Boleh jadi ada masalah tertentu tetapi kita adalah negara yang terawal sekali di kalangan negara-negara OIC yang telah menghantar askar-askar. Masalahnya dalam hal yang berkaitan dengan penghantaran askar bekerja di bawah INPROFOR ini memerlukan banyak wang sampai ke peringkat ratusan juta ringgit. Jadi, ini adalah menjadi satu masalah bagi setengah negara OIC yang tidak berkemampuan berbuat demikian.

Kita juga menggunakan NAM dan dalam Sidang Kemuncak kita di Jakarta dan sebelumnya itu di Sidang peringkat Menteri, kita telah memulakan satu usaha dalam NAM untuk mengecam keganasan yang telah dilakukan di Bosnia-Herzegovina oleh Serbia dan dibantu oleh Serbia-Montenegro. Kini

kita telah berjaya walaupun persidangan itu telah mengambil masa sampai dua hari atas satu tajuk "Bosnia" semata-mata, tetapi akhirnya kita berjaya mendapatkan satu Usul untuk mengutuk mereka, walaupun dalam persidangan itu belum lagi berjaya untuk memencilkan Serbia-Montenegro dari NAM. Tetapi dalam persidangan di New York kemudiannya, maka tindakan itu telah diambil ekoran dari keputusan yang telah dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang pada waktu itu keputusan telah dibuat yang mana pihak Serbia-Montenegro tidak akan menyertai sidang-sidang Bangsa-bangsa Bersatu.

Di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pula, kita menggunakan pendekatan kerjasama antara OIC Contact Group yang kita menjadi ahlinya dan juga pasukan atau satu kumpulan petugas dari NAM yang dipanggil "NAM Caucus". Jadi, NAM dan OIC sentiasa bekerja rapat dalam apa juga tindakan dan usaha yang hendak diambil untuk dibawa ke Bangsa-bangsa Bersatu sama ada pada peringkat persidangan biasa ataupun di mesyuarat-mesyuarat Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Kerjasama di antara NAM dengan OIC Contact Group (NAM Caucus) itu adalah satu kerjasama yang baik dan telah berjaya menambahkan bilangan negara-negara yang menyokong usaha untuk menarik balik arms-embargo. Jadi, pada peringkat ini kita harap untuk mendapat sokongan dua pertiga supaya dapat diadakan satu persidangan khas bagi menarik balik Usul itu tetapi pada waktu ini belum lagi. Pada peringkat Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, usaha-usaha ini telah diteruskan.

Antaranya pula ialah Usul bukan setakat menarik balik sekatan bersenjata tetapi juga untuk memperluaskan lagi

kawasan-kawasan selamat di Bosnia-Herzegovina untuk memastikan gencatan senjata dikenakan dan untuk memastikan supaya tidak ada lagi serangan-serangan bersenjata dilakukan. Di samping itu juga, untuk memastikan supaya keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu itu dilaksanakan.

Di Vienna Conference on Human Rights, sebagaimana yang telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi, kita juga memainkan peranan yang penting. Kita mengambil kesempatan Conference on Human Rights di Vienna itu untuk menyuarakan pandangan kita sekeras mungkin berkaitan dengan isu ini dan kita mahu supaya perhatian diberikan kepada masalah yang sedang dihadapi di Bosnia-Herzegovina dan dengan itu, kita juga telah berjaya untuk mendapatkan satu deklarasi di persidangan itu supaya sekatan senjata ditarik balik.

Buat kali pertamanya di CHOGM baru-baru ini, hasil daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, kita telah berjaya untuk memasuki dalam "CHOGM Communique" mengenai kedudukan situasi di Bosnia-Herzegovina. Dalam Communique itu, ada dinyatakan tiga perkara yang penting mengenai pendirian CHOGM terhadap Bosnia-Herzegovina. Satu, mengutuk keganasan yang berlaku di Bosnia-Herzegovina itu. Kedua, mengiktiraf dan mengakui bahawa Bosnia-Herzegovina adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan kedaulatan serta integrity negara itu perlu dipelihara dan juga menyokong apa juga tindakan yang mesti diambil segera bagi menyelesaikan masalah di Bosnia itu berdasarkan kepada Piagam Bangsa-bangsa Bersatu,

keputusan-keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga keputusan-keputusan yang telah dibuat dari London Conference.

Inisiatif Malaysia sendiri iaitu yang kita buat cara kita sendiri selain dari yang saya sebutkan tadi berkaitan dengan memutuskan perhubungan diplomatik dan mengenakan sekatan ekonomi ataupun memutuskan kegiatan-kegiatan ekonomi antara kita dengan Serbia-Montenegro.

Ada beberapa tindakan yang telah kita ambil atas inisiatif. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menulis surat kepada beberapa Ketua-ketua Kerajaan "Perm-Five", ertinya permanent five yang merupakan anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun dengan jelas dan tegas menyatakan pandangan Malaysia tentang hal yang berkaitan dengan Bosnia-Herzegovina dan tindakan-tindakan yang perlu diambil.

Walaupun surat itu semuanya telah dihantar, tetapi jawapannya tidak memuaskan kerana tindakan dan sokongan yang kita harapkan daripada mereka itu nampaknya tidak dapat diperolehi. Kerajaan juga telah menghantarkan satu misi ke luar negeri—ke beberapa buah negeri, semuanya saya ingat dalam 11 buah Negeri OIC dan saya, bekas Menteri Luar Negeri, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar serta juga bekas Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie masing-masing telah dihantarkan kepada kumpulan-kumpulan negara tertentu untuk bertemu dengan Ketua-ketua Kerajaan untuk menerangkan kepada mereka tindakan-tindakan yang kita perlu ambil bersama dan apakah bantuan-bantuan yang kita perlukan. Ini

telah kita lakukan dan bolehlah dikatakan bahawa misi ini adalah satu-satunya usaha yang ada juga kejayaan. Walaupun kejayaan yang diharapkan sepenuhnya itu tidak diperolehi, tetapi ada juga kejayaan yang telah kita perolehi dan hasil daripada kejayaan ini, telah lahirlah muafakat antara negara-negara tersebut untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi membantu Bosnia-Herzegovina.

Kita telah juga membawa kanak-kanak dan bekas tawanan Bosnia seramai 270 orang untuk perlindungan sementara dan untuk mendapat rawatan di Malaysia bagi yang sakit. Kita telah memutuskan untuk membiayai pengurusan sebuah kem pelarian orang-orang Bosnia di Croatia dan untuk tujuan ini kita kenalah keluarkan perbelanjaan yang agak banyak. Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan, Penaungnya ialah Yang Berbahagia Dato' Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Pengerusinya ialah Yang Berhormat Dato' Napsiah Omar. Kita harap Jawatankuasa ini akan dapat berusaha untuk mengumpulkan sebanyak mungkin derma daripada orang ramai. Disinilah saya ingat masanya bagi rakyat Malaysia yang berkemampuan untuk memberi derma sebanyak mungkin.

Saya percaya wang yang kita perlukan ini akan jadi banyak kerana kita tentu sekali kena membiayai banyak perkara keperluan yang dikehendaki di musim sejuk akan datang di mana mereka perlukan banyak wang.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Dengan keadaan yang rumit sedemikian di Bosnia-Herzegovina, macam mana

bantuan ini dapat disampaikan, walhal beratus-ratus lori konvoi-konvoi makanan dan perubatan tidak dapat memasuki kawasan yang memerlukan bantuan. Bagaimana derma dan bantuan dari Malaysia dapat disampaikan kepada matlamat sasaran yang diharapkan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad

Badawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini, memang kita menyedari bukan senang untuk menyampaikan bantuan-bantuan ini. Tetapi sebelum daripada kita mengambil keputusan ini, pihak Kementerian Luar Negeri, melalui pegawai-pegawai tingginya telah pun membuat hubungan dengan pihak-pihak yang tertentu untuk memastikan akan adanya cara yang boleh kita gunakan bagi menyampaikan barang-barang yang diperlukan itu.

Jadi, oleh sebab kita sudah anggap boleh dilakukan, maka sebab itulah kita telah mengambil keputusan untuk membiayai pengurusan sebuah kem pelarian orang-orang Bosnia di Croatia. Kalau kita tahu tak boleh, kita takkan melancarkan kutipan derma untuk pembiayaan pengurusan kem ini.

Kita juga telah memberi tempat kepada pelajar-pelajar Bosnia di UIA. Dalam pertemuan-pertemuan saya dengan Menteri Luar Bosnia dan juga Presidennya, saya biasa menekankan bahawa kita akan sentiasa memberi tempat kepada mereka untuk apa juga bentuk latihan, sama ada untuk pelajaran tinggi di UIA ataupun latihan diplomasi di IDFR kita ataupun latihan-latihan dalam bidang pengurusan dan sebagainya yang diperlukan.

Mereka tentulah tidak dapat menghantar ramai pelajar-pelajar mereka kerana boleh dikatakan anak yang dewasa, asalkan badan sudah kuat

untuk menanggung senapang, mereka adalah menjadi pejuang-pejuang orang-orang Bosnia di negara mereka sendiri. Tetapi ada jugalah di antaranya yang datang ke sini untuk belajar. Tadi pun kita tengok beberapa orang pelajar yang sedang mengikuti pelajaran tinggi mereka di Malaysia, hadir mendengar perbincangan kita.

Bosnia-Herzegovina telah mendirikan sebuah pejabat perwakilan Bosnia di Kuala Lumpur. Bagi di rantau Asia Timur ini tidak adalah satu pejabat perwakilan baginya, melainkan di Kuala Lumpur. Kerajaan kita telah pun bersetuju untuk membiayai keseluruhan perbelanjaan yang diperlukan oleh pejabat perwakilan ini. Kita beri tempat dan kita mengeluarkan perbelanjaan, kerana kita tahu pada waktu ini mereka tidak ada kemampuan untuk membiayai keperluan pejabat perwakilan mereka di Kuala Lumpur.

Kita telah melancarkan kutipan derma kepada orang-orang Bosnia. Ini telah dijalankan oleh sebuah akhbar tempatan. Selepas itu, beberapa badan juga telah mengadakan usaha kutipan derma dan kita telah dapat mengutip sebanyak RM85 juta-ini dari pihak swasta. Di samping itu, Kerajaan telah mengeluarkan sumbangan sebanyak US5 juta, iaitu kira-kira RM13 juta. Ini adalah bantuan yang dikeluarkan sendiri oleh Kerajaan. Ini tidak termasuk bantuan yang kita beri secara terus untuk membiayai pejabat perwakilan Bosnia di Kuala Lumpur.

Jadi, usaha-usaha yang saya telah maklumkan ini ialah usaha-usaha di peringkat bidang diplomasi, di peringkat mewujudkan kerjasama di kalangan masyarakat antarabangsa dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, belumlah boleh dianggap sebagai mencukupi untuk menyelesaikan

konflik di Bosnia-Herzegovina. Ada juga faedahnya, ada juga kesannya, tetapi belum mencukupi. Situasi di Bosnia-Herzegovina nampaknya berada dalam keadaan yang begitu tenat dan rakyat mereka bukan sahaja menghadapi tekanan dan keganasan, tetapi negeri mereka juga sekarang ini terancam dan mungkin di bahagi-bahagikan kepada beberapa petak dan akhirnya menghasilkan apa yang tinggal kepada orang-orang Bosnia adalah kawasan yang paling kecil, yang tidak ada laluan hendak pergi ke pantai.

Ini bermakna, kalau mereka terima tanpa adanya laluan, maka negeri ini akan menjadi negeri yang terkepong, yang mereka nanti tidak boleh mengadakan sebarang hubungan melalui perkapalan. Dengan itu tentu sekalilah mereka akan menghadapi banyak masalah untuk menggerakkan kegiatan-kegiatan ekonomi mereka dan akan menjejaskan pembangunan mereka.

Atas fahaman inilah maka mereka sekarang ini masih mendesak dan menuntut supaya diberikan laluan. Setakat ini nampaknya usaha-usaha perdamaian di Geneva itu masih tidak dapat sebarang penyelesaian, bahkan sedang menghadapi jalan buntu. Oleh sebab itulah ada cadangan baru-baru ini, mungkin satu conference yang baru di peringkat antarabangsa diadakan mengenai Bosnia-Herzegovina. Mungkin ini adalah seperti yang biasa diadakan, iaitu The International Conference on Cambodia-dahulu biasa diadakan. Kita pun biasa juga mengatakan tentang betapa perlunya satu conference ini diadakan. Ini sebenarnya adalah satu Usul yang telah dibuat oleh Sidang OIC yang telah diadakan di Islamabad. Kita mahu satu persidangan antarabangsa yang besar, seperti Persidangan Paris Peace

Conference on Cambodia itu atau Persidangan Damai Mengenai Cambodia di Paris di mana kita berharap negara-negara yang akan menghadirinya lebih representative dan tidak hanya terhad kepada negara-negara di Eropah sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bagaimana kita dapat mengadakan persidangan yang begitu besar, yang diwakili oleh semua Ahli-ahli Parlimen di seluruh dunia kalau kita tak ada masa, tak sampai satu bulan? Ini sangat rumit. Saya pun hairan juga macam mana kita dapat menjayakan persidangan yang besar itu?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Yang Berhormat, yang saya maksudkan ini bukan usaha yang diura-urakan untuk mengadakan persidangan antara Ahli-ahli Parlimen. Ini lain. Ini persidangan yang telah dicadangkan oleh OIC semasa persidangannya di Islamabad dulu dan yang baru ini yang telah kita dengar sebagaimana yang dilaporkan di dalam akhbar yang Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu telah mengemukakan idea barunya, cadangan untuk diadakan International Conference on Bosnia-Herzegovina iaitu menepitilah dengan apa yang telah kita usahakan. Saya lupa hendak beritahu tadi, pihak OIC juga telah membentuk satu misi yang terdiri daripada empat orang Menteri Luar dan juga campur Setiausaha Agung OIC. YANG empat Menteri Luar ini dipilih atas asas, bukan empat-tiga. Menteri Luar yang menjadi Pengerusi OIC Ministerial Conference sekarang ini, iaitu Pakistan yang dahulunya iaitu Senegal dan yang akan datang iaitu daripada Tunisia dan campur dengan Setiausaha Agung OIC yang telah membuat lawatan ke negara-negara yang menganggotai Security Council khususnya negara-negara yang menjadi

Anggota Tetap Security Council untuk mengemukakan cadangan-cadangan tindakan yang telah dibuat oleh OIC ataupun di beberapa persidangan yang telah diadakan dulu.

Jadi, memanglah laporan yang kita terima akhir-akhir ini tidak menggalakkan. Mereka juga pergi berjumpa Secretary General—tidak menggalakkan. Tetapi mereka akan terus berusaha. Yang mereka jumpa ialah Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Setiausaha Negara Amerika Syarikat dan mereka pergi juga ke Paris, pergi ke London, pergi ke Tokyo dan Beijing. Itulah yang saya dimaklumkan.

Jadi usaha-usaha diplomasi ini akan terus dijalankan. Kita sebenarnya perlu berusaha lebih bersungguh-sungguh lagi untuk mendapat perhatian, untuk mendapat sokongan dan tindakan daripada masyarakat antarabangsa. Yang ini kita kena buat, walaupun kita tahu masalah itu adalah masalah yang sangat kompleks—yang bukan senang, very difficult. Cukup susah. Jadi kita kena usaha bersungguh-sungguh supaya makin lebih ramai pemimpin-pemimpin dunia, akan makin lebih banyak lagi negara-negara yang mahu menyokong tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk kita membawa penyelesaian kepada konflik di Bosnia-Herzegovina. Pada peringkat NGO pun kita patut usahakan.

Saya paling gembira apabila saya bertemu dengan Wakil kita daripada Jelutong di New York semasa mereka hendak memulakan lawatan pergi ke Bosnia-Herzegovina. Itu adalah satu usaha yang baik yang diusahakan oleh Ahli-ahli Parlimen. Saya ingin mencadangkan supaya Ahli-ahli Parlimen kita yang akan menghadiri IPU dan CPA nanti juga akan berusaha untuk mengemukakan satu usul yang tegas dan berkesan. Ini di peringkat IPU dan CPA.

Saya ingat Ahli-ahli Parlimen kita telah pun berusaha mengemukakan usul yang sama pada Persidangan Antara Parlimen ASEAN (AIPO) yang baru diadakan di Kuala Lumpur dan sekarang ini pun ada juga satu persidangan di sini, persidangan Ahli-ahli Parlimen mengenai Population and Development. Saya belum tahulah. Hari ini hari akhir. Saya hendak pergi ke majlis penutup sekejap lagi. Tetapi saya belum tahulah, belum dengar apa berita, sama ada persidangan Ahli-ahli Parlimen Asia yang bersidang di Kuala Lumpur sekarang ini juga membuat satu usul yang berkaitan dengan isu Bosnia-Herzegovina ini, terutama jika isu ini ada hubungan dengan human rights. Ada hubungan dengan pembangunan, ada hubungan dengan kemanusiaan, ia patut mendapat perhatian daripada Ahli-ahli Parlimen dan sebaik-baik golongan yang boleh menjadi penyokong kuat kepada usaha-usaha ini adalah sebenarnya Ahli-ahli Dewan Perundangan (legislators). Di Amerika pun kita dengar sekarang ini sudah makin ramai lagi Congressmen yang telah menunjukkan sikap mereka yang menyokong pandangan-pandangan kita dan yang mendesak supaya Amerika Syarikat pula perlu ambil tindakan yang lebih tegas dalam hal yang berkaitan dengan Bosnia-Herzegovina ini.

Jadi inilah yang mesti menjadi usaha kita. Kita bukan ada cara lain. Kita bukan kuasa besar seperti Amerika yang punya kuasa ketenteraan yang hebat ataupun seperti Jepun yang ada kuasa ekonomi yang begitu besar, tetapi yang ada pada kita hanya satu kuasa iaitu kemampuan, kesungguhan dan keberanian untuk menyuarakan pandangan-pandangan kita mengenai isu yang kita kira sebagai isu yang dekat dengan hati dan perasaan kita dan perasaan manusia sejagat kerana ia ada hubungkaitnya dengan

hak asasi manusia, ia ada hubungkait dengan pencerobohan ke atas kedaulatan sebuah negara seperti Bosnia-Herzegovina. Dan kita kira daripada apa yang telah kita lakukan selama ini ada juga kejayaan walaupun tidak sepenuhnya tetapi walaupun kita tidak dapat mencapai kejayaan sepenuhnya, ini tidak bermakna kita akan mengurangkan tindakan kita. Tidak sekali-kali bahkan kita rasa lebih berazam lagi untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan yang akhirnya akan membawa penyelesaian kepada masalah konflik di Bosnia-Herzegovina itu. Ini tentu sekali tindakan kita ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak, daripada pihak bukan sahaja Kerajaan tetapi Ahli-ahli Parlimen, pihak cendekiawan terutama golongan-golongan yang sering menghadiri pelbagai seminar, pelbagai persidangan. Di mana sahaja terdapat sesuatu seminar atau persidangan itu hubungkaitnya dengan kemanusiaan, yang ada hubungkait dengan hak asasi manusia, yang ada hubungkait dengan kedaulatan negara, kebebasan; saya percaya isu Bosnia-Herzegovina akan menjadisatu isu yang relevan yang sudah semestinya kita bawa. Kita mesti bawa!

Macam di Komanwel, saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak dari negara-negara Komanwel yang berpendapat seolah-olah isu Bosnia-Herzegovina ini tidak ada tempat dalam Komanwel. Mereka menganggap Komanwel hanya perlu fikir hal negara-negara Komanwel semata-mata. Di luar daripada itu perhatilah sahajalah. Tetapi pandangan kita berlainan. Tidak payah saya jelaslah sebab-sebabnya telah kita berikan. Tetapi pandangan kita berlainan. Akhirnya kita berhasil juga untuk buat kali pertamanya memaksakan CHOGM mencatatkan pendiriannya sebagaimana

yang terdapat dalam Joint Communique. Kalau kita tidak bising, kalau Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri tidak begitu tegas dan lantang dengan suaranya dan dengan pendiriannya yang begitu kuat dan tegas, mungkin tidak dapat. Kerana ramai juga pemimpin-pemimpin negara lain yang tidak begitu senang dengan inisiatif yang kita ambil untuk hendak masukkan pendirian CHOGM mengenai Bosnia-Herzegovina ini. Tetapi akhirnya berjaya.

Inilah contoh-contoh cara-cara yang kita boleh lakukan. Saya percaya kalau pada peringkat ketahanan mental, kesungguhan dan keberanian untuk membantu dalam menangani beberapa isu dunia, untuk mendapat kerjasama daripada pihak masyarakat antarabangsa, bahkan untuk mendapat kerjasama daripada beberapa negara, kemampuan yang ada pada kita itu adalah kemampuan yang besar. Kemampuan yang boleh kita menandingi negara-negara yang berkuasa besar.

Tuan Wee Choo Keong (Bangun)

Timbalan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Datuk, dia minta jalan.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bahawa pada setakat sekarang berapakah aids yang diberi oleh Kerajaan Malaysia dari segi bantuan atau aids kepada Bosnia-Herzegovina—financial aid ataupun medical aid. Berapa banyakkah aids Kerajaan kita sudah beri kepada Bosnia-Herzegovina....(*Disampuk*)—bukan AIDS yang dalam fikiran Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong—financial aid dan apa-apa bantuan diberi kepada Bosnia-Herzegovina.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Memang saya sudah sebutkan tadi. (*Ketawa*) (*Disampuk*) US\$5 juta—ini yang telah kita beri. Ikutlah conversion sekarang, boleh jadi sampai hampir RM13 juta—dan hampir RM8.5 juta adalah hasil daripada kutipan rakyat Malaysia dan di samping itu kita telah mengeluarkan keseluruhan keperluan pembiayaan bagi Pejabat Perwakilan Bosnia di Kuala Lumpur.

Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua, dalam isu Bosnia-Herzegovina ini ada dua perkara yang timbul dan kita boleh pelajari iaitu yang pertama ialah ketidakmampuan, kelemahan dan ketidakupayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menangani isu seperti ini dengan jayanya dan ini adalah paling yang mendukacitakan.

Kita lihat pula sebab Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menjadi begitu tidak berupaya untuk penyelesaian masalah ini kerana peranan kuasa-kuasa besar ada kepentingan masing-masing sehinggalah usul-usul dan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang diresolusikan. Sehingga usaha-usaha yang kita bawa untuk mendapat sokongan dan keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu seperti menarik balik senjata-senjata tidak berhasil kerana dibangkang dan tidak dapat sokongan. Ini yang menjadikan satu-satu sebab yang kita sekarang ini juga menyuarakan dengan begitu tegas tentang betapa perlunya organisasi Bangsa-bangsa Bersatu itu dilihat, struktur Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu itu perlu kaji semula. Kuasa veto itu perlu dihapuskan.

Kalau kita biarkan keadaan sekarang di mana kuasa-kuasa besar terus menguasai-memainkan peranan. Kalau

kita buat apa pun, kita perlu terlebih dahulu mendapat sokongan mereka sebelum sesuatu boleh dijayakan, maka inilah yang akan membawa kelemahan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa dalam Orde Baru Dunia pada masa ini. Jadi, penyusunan semula Bangsa-bangsa Bersatu itu pun menjadi satu perkara yang wajar diambil. Ini ada satu lesson atau yang kita dapat pelajari daripada hal yang mengenai isu-isu seperti di Bosnia, Somalia dan tempat-tempat lain.

Pelajaran yang kedua kita dapati ialah walaupun negara-negara kecil seperti kita dan negara-negara lain yang sedang membangun, mempunyai pandangan, idea dan fikiran tentang isu-isu seperti ini tetapi kemampuan kita itu terhad. Terhad kerana kita bukan berupa kuasa besar yang boleh bersaing dengan kuasa-kuasa besar yang lain untuk membuat keputusan. Jadi, pokok pangkalnya balik ialah bagaimanakah kita perlu berusaha untuk mengukuhkan lagi kedudukan kita dalam serba-serbi bidang. Ini ada perlu dan bagaimanakah kita perlu mengeratkan lagi muafakat kita, kerjasama kita dengan negara-negara lain kerana dalam muafakat itu akan adanya hasil dan kejayaan. Ini yang kita perlu usahakan dan kewibawaan kita itu terus kita pelihara. Sayalah bercakap atas nama Menteri Luar Negeri, paling bergembira dapat berkhidmat di bawah Perdana Menteri yang dalam hal luar negeri ini mengambil peranan (*Tepuk*) yang begitu besar dan memberi perhatian yang besar, dan kejayaan-kejayaan yang kita telah perolehi selama ini.

Banyak pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan, macam Yang Berhormat dari Parit Sulong katakan tadi berkaitan dengan media-massa yang perlu kita usahakan supaya pendirian kita dan negara-negara membangun

dapat diterangkan dan dijelaskan. Ini memang usaha yang sedang dijalankan sekarang oleh Kementerian. Dan juga cadangan-cadangan khusus yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi, seperti Yang Berhormat dari Arau, itu juga pun adalah cadangan-cadangan yang boleh kita terima dan kita jadikan asas untuk digunakan dan akan memperkukuhkan lagi usaha-usaha dan pendekatan-pendekatan yang kita laksanakan ke arah mencapai satu penyelesaian yang adil, yang saksama bagi rakyat Bosnia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.
(Tepuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu:

BAHAWA, kedaulatan dan hak asasi manusia di negara Bosnia-Herzegovina telah dicabuli akibat tindakan pencerobohan Serb;

BAHAWA, kekejaman-kekejaman telah dilakukan ke atas penduduk Islam Bosnia-Herzegovina oleh pihak Serb;

BAHAWA, kegagalan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengambil tindakan tegas telah menyebabkan pihak Serb melakukan "genocide" dan "ethnic cleansing" secara berterusan;

DAN BAHAWA pemecahan sempadan berasaskan keturunan kaum atau agama tidak boleh membawa keamanan dan penyelesaian yang berkekalan.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Mengutuk pencerobohan dan segala bentuk pencabulan hak asasi manusia pihak Islam di Bosnia-Herzegovina, khususnya "genocide" dan "ethnic cleansing";
- (2) Meminta Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu memenuhi tanggungjawabnya dengan mengambil tindakan tegas melaksanakan resolusi-resolusi Majlis, khususnya;
 - (a) membebaskan Sarajevo, ibu negara Bosnia-Herzegovina dari serangan dan ancaman oleh pihak Serb; dan
 - (b) membuka lapangan terbang Tuzla untuk membolehkan bantuan bekalan makanan dan perubatan sampai kepada mangsa peperangan di Bosnia-Herzegovina;
- (3) Menggesa Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu menarik balik sekatkan senjata yang telah dikenakan ke atas negara Bosnia-Herzegovina; dan mendesak pihak Perancis dan Britain khususnya supaya tidak menghalang usaha; dan
- (4) Dewan ini juga membuat ketetapan menyampaikan resolusi ini kepada semua Parlimen Negara yang berkenaan, khasnya kepada Parlimen Perancis dan Britain,

disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

BAHAWA, kedaulatan dan hak asasi manusia di negara Bosnia-Herzegovina telah dicabuli akibat tindakan pencerobohan Serb;

BAHAWA, kekejaman-kekejaman telah dilakukan ke atas penduduk Islam Bosnia-Herzegovina oleh pihak Serb;

BAHAWA, kegagalan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengambil tindakan tegas telah menyebabkan pihak Serb melakukan "genocide" dan "ethnic cleansing" secara berterusan;

DAN BAHAWA pemecahan sempadan berasaskan keturunan kaum atau agama tidak boleh membawa keamanan dan penyelesaian yang berkekalan.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Mengutuk pencerobohan dan segala bentuk pencabulan hak asasi manusia pihak Islam di Bosnia-Herzegovina, khususnya "genocide" dan "ethnic cleansing";
- (2) Meminta Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu memenuhi tanggungjawabnya dengan mengambil tindakan tegas melaksanakan resolusi-resolusi Majlis, khususnya;

(a) membebaskan Sarajevo, ibu negara Bosnia-Herzegovina dari serangan dan ancaman oleh pihak Serb; dan

(b) membuka lapangan terbang Tuzla untuk membolehkan bantuan bekalan makanan dan perubatan sampai kepada mangsa peperangan di Bosnia-Herzegovina.

(3) Menggesa Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu menarik balik sekatan senjata yang telah dikenakan ke atas negara Bosnia-Herzegovina; dan mendesak pihak Perancis dan Britain khususnya supaya tidak menghalang usaha ini; dan

(4) Dewan ini juga membuat ketetapan menyampaikan resolusi ini kepada semua Parlimen Negara yang berkenaan, khasnya kepada Parlimen Perancis dan Britain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 4.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.08 malam.